# BAB PERTAMA

# PENDAHULUAN

## 1.1 Pengenalan

Hadith merupakan sumber kedua selepas al-Quran yang merupakan dalil dan hujah yang disepakati oleh umat Islam. Berpegang dengan hadith sahih[1] merupakan kemestian bagi mengelakkan daripada terpedaya dengan hadith palsu.

Kecenderungan masyarakat ke arah menghayati ajaran Islam telah membawa kepada timbulnya beberapa konsep muamalat yang berteraskan Islam. Antaranya prinsip takaful yang diamalkan oleh Nabi s.a.w. tetapi diperbaharui penggunaannya pada masa kini.

Namun begitu, penulisan tentang sistem takaful sangat berkurangan. Berdasarkan penelitian penulis, kebanyakkan penulisan tersebut lebih bersifat penerangan serta menjurus kepada konsep takaful. Manakala nas-nas al-Quran dan hadith yang diketengahkan hanya sebagai pembuktian syarak tentang wujudnya konsep tersebut dalam Islam.

Kajian penulis di bawah tajuk 'Prinsip Takaful Dalam *al-Kutub al-Sittah*: Takhrij dan Analisis Hukum' diharapkan dapat mengumpulkan hadith-hadith takaful dengan

[1] Tidak termasuk hadith *ḍa'īf* dan palsu.

menggunakan pendekatan *takhrīj* dan analisis supaya takaful dapat difahami dan dipraktikkan sebaik-baiknya bersumberkan al-Quran dan hadith.

## 1.2 Latarbelakang dan Permasalahan Kajian

Tajuk 'Prinsip Takaful Dalam *al-Kutub al-Sittah*: Takhrij dan Analisis Hukum' merupakan satu topik kajian penulis yang belum pernah dikaji oleh mana-mana pengkaji. Rumusan daripada kajian terdahulu yang dilakukan oleh penulis menunjukkan terdapat lima kategori penulisan yang berbeza. Kategori pertama dilihat lebih menjurus kepada perbincangan mengenai takaful sebagai pelengkap dalam aktiviti kemasyarakatan. Kategori kedua pula lebih menumpukan perhatian kepada kajian perlaksanaan takaful sebagai salah satu elemen dalam muamalah Islam dan perbandingan dengan insuran konvensional. Kategori ketiga membawa penulis kepada kajian berkaitan *takhrīj* hadith dalam topik yang pelbagai. Dalam kategori keempat, penulis meneroka bidang analisis hukum yang banyak terdapat dalam kitab-kitab *shurūḥ* hadith. Karya seterusnya dalam kategori kelima ialah kewajaran pengamalan takaful sebagai salah satu unsur yang dapat menjana ekonomi umat Islam.

Dalam kajian ini penulis akan menjawab persoalan berikut bagi mencapai objektif kajian disertasi ini:

a) Pengertian takaful.

b) Pengertian *takhrīj* dan praktikalnya.

c) Maksud *al-Kutub al-Sittah* dan siapa pengarang-pengarangnya.

d) Senarai hadith-hadith takaful yang terdapat dalam *al-Kutub al-Sittah*.

e) Penilaian terhadap sumber dan kedudukan hadith-hadith yang dikeluarkan.

f) Analisis hukum-hukum daripada hadith-hadith yang dipilih.

*Takhrīj* hadith sememangnya bukan satu cabang ilmu yang baru, namun tidak ramai penulis yang mengaplikasikannya ketika berinteraksi dengan hadith. Untuk meneruskan kajian ini, penulis menggunakan ilmu *takhrīj* sebagai asas untuk menentukan sumber dan kesahihan hadith takaful yang dikemukakan.

Dengan usaha ini diharap dapat membantu menutup ruang-ruang yang memudahkan penggunaan hadith *ḍa'īf* ataupun *mawḍū' dan* mengelak kemungkinan penggunaannya sebagai sumber hukum. Penulis juga turut melihat kewajaran ilmu *takhrīj* dan analisis hukum digabungkan dalam satu kajian kerana ia menampilkan jalan *istinbāṭ*[2] sebenar sebagaimana yang dilaksanakan oleh ulama-ulama terdahulu dan ia banyak dirujuk daripada kitab-kitab *shurūḥ al-ḥadīth*. Selain itu, penulis juga turut merujuk kitab-kitab *fiqh* untuk memberi penjelasan yang lebih terhadap permasalahan hukum.

## 1.3 Objektif Kajian

Dalam kajian ini, penulis menyenaraikan 4 objektif yang perlu dicapai, antaranya:

---

[2] *Istinbāṭ* ialah kaedah yang digunakan oleh seorang mujtahid berpandukan dalil untuk menganalisis hukum. Ashraf Ṭāhā Abū al-Dhahab (2002), *al-Mu'jam al-Islāmī*, Kaherah: Dār al-Shurūq, h. 57. Ibrāhīm Muṣṭafā *et al.* (2004), *al-Mu'jam al-Wasīṭ*, c. 4. Kaherah: Maktabah al-Shurūq al-Dawliyyah, h. 898.

a) Kajian penulis bertujuan mencari dan mengeluarkan hadith-hadith takaful dalam *al- Kutub al-Sittah* untuk dinilai dan dianalisis.
b) Mendedahkan kepada masyarakat bahawa takaful merupakan salah satu bentuk muamalat yang diharuskan oleh Islam.
c) Mengkaji hadith-hadith takaful yang terdapat dalam *al- Kutub al-Sittah* serta menyatakan darjat sesebuah hadith.
d) Menghimpunkan hadith-hadith takaful dan aspek-aspek yang berkaitan dengan hukum *fiqh* di dalam satu kajian.

### 1.4 Kepentingan Kajian

Berdasarkan kajian ini, penulis ingin mengetengahkan:

a) Penjelasan kepada masyarakat mengenai prinsip takaful menurut pandangan Islam.
b) Jawapan kepada sesetengah kekeliruan yang timbul mengenai sumber dan kedudukan hadith-hadith takaful.
c) Panduan dan rujukan bagi mereka yang ingin mengetahui dan mengkaji ilmu berkaitan hadith serta muamalat Islam terutamanya tentang takaful.

### 1.5 Skop Kajian

Kajian ini menggabungkan dua bidang yang berlainan iaitu hadith dan *fiqh*. Walaupun ia nampak berbeza, tetapi kedua-duanya saling berkaitan seperti umum dan

khusus, *muṭlaq* dan *muqayyad* ataupun ia boleh dikatakan sebagai nas serta kesimpulannya.

Hadith serta ilmu yang berkaitan dengannya mempunyai pelbagai bentuk penulisan yang menyentuh aspek dunia dan akhirat. Oleh yang demikian, fokus utama penulis ialah hadith-hadith takaful dan prinsipnya dari *al- Kutub al-Sittah* sahaja. Walaupun begitu, penulis tidak mengenepikan kitab-kitab hadith yang lain supaya kajian ini lebih mudah untuk difahami dan dilengkapkan.

Bidang *fiqh* pula terlalu umum dan luas, iaitu meliputi bab-bab ibadat, muamalat, munakahat, jenayah dan sebagainya. Oleh itu, penulis hanya memilih satu cabang dari perbahasan bab muamalat untuk dibincangkan dalam kajian ini iaitu tentang takaful ataupun *al-kafālah*.

## 1.6 Pengertian Tajuk

Tajuk kajian ini ialah 'Prinsip Takaful Dalam *al-Kutub al-Sittah*: Takhrij dan Analisis Hukum' mengandungi beberapa istilah yang perlu diberi penjelasan. Sesetengah istilah tersebut berasal dari perkataan Bahasa Arab, tetapi telah diterima untuk dijadikan sebagai sebahagian daripada perbendaharaan kata dalam Bahasa Melayu. Di sini, penulis hanya akan menerangkan beberapa istilah secara ringkas sahaja dan akan diperincikan dalam bab-bab yang seterusnya.

'Prinsip' ialah asas atau dasar (yang menjadi pokok sesuatu pemikiran, kajian, tindakan dan lain-lain) ataupun hukum bagi sesuatu teori[3]. Perkataan 'takaful' secara umumnya memberi beberapa pengertian, setiap satu daripadanya saling menguatkan makna yang lain. Ia boleh disimpulkan sebagai penggemblengan usaha dalam masyarakat bertujuan untuk meringankan bebanan setiap anggota masyarakat dengan bersepakat, membantu, memberi jaminan dan pengorbanan serta bekerjasama[4]. Perkataan '*al-kutub*' adalah kata jamak dalam Bahasa Arab yang berasal daripada perkataan *al-kitāb*. Ia membawa makna himpunan yang khusus tentang sesuatu ilmu yang kebiasaannya mengandungi bab-bab serta bahagiannya[5]. '*Al-Sittah*' pula berasal dari perkataan Arab yang menunjukkan bilangan enam. Apabila kedua-dua perkataan tersebut digabungkan menjadi '*al- Kutub al-Sittah*', ia merujuk kepada enam karya dalam bidang hadith yang masyhur iaitu *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*[6], *Ṣaḥīḥ Muslim*[7], *Sunan Abī Dāwud*[8], *Sunan al-Tirmidhī*[9], *Sunan al-Nasā'ī*[10] dan *Sunan Ibn Mājah*[11] [12]. Makna '*takhrīj*' menurut kefahaman ulama masa kini ialah dalil yang

---

[3] Teuku Iskandar (1984), *Kamus Dewan*, Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 905.

[4] Rumusan ini dibuat oleh penulis berdasarkan takrifan yang dibuat oleh beberapa penulis seperti Muḥammad Abū Zahrah (1964), *al-Takāful al-Ijtimā'ī fi al-Islām,* Kaherah: al-Dār al-Qawmiyyah li al-Ṭibā'ah wa al-Nashr, h. 10. 'Abd Allāh Nāṣiḥ 'Ulwān (1983), *al-Takāful al-Ijtimā'ī fi al-Islām*, c. 4, Kaherah: Dār al-Salām, h. 20. Rabī' Maḥmūd al-Rūbī (1998), *Al-Takāful al-Ijtimā'ī fi al-Qur'ān al-Karīm: Taḥlīl al-Iqtiṣādī wa al-Fiqhī,* Kaherah: Jāmi' al-Azhar, h. 6. Wahbah al-Zuḥaylī (1997), *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh,* j. 8, Damsyik: Dār al-Fikr, h. 6397 dan juga karangan beliau (2006) *al-Mu'āmalāt al-Māliyyah al-Mu'āṣirah: Buḥūth wa Fatāwā wa Ḥulūl*, c. 3, Damsyik: Dār al-Fikr, h. 283. Ḥasan Ayyūb (2003), *Fiqh al-Mu'āmalāt al-Māliyyah fi al-Islām*, Kaherah: Dār al-Salām, h. 455 dan Muḥammad 'Abd al-Mun'im Abū Zayd (1996), *al-Ḍamān fi al-Fiqh al-Islāmī wa Taṭbīqātuh fī al-Maṣārif al-Islāmiyyah*, Kaherah: al-Ma'had al-'Ālamī li al-Fikr al-Islāmī, h. 20.

[5] Sa'dī Abū Jayb (1988), *al-Qāmūs al-Fiqhī Lughatan wa Iṣṭilāḥan*, c. 2, Damsyik: Dār al-Fikr, h. 316.

[6] Kitab sahih ini dihasilkan oleh Abū 'Abd Allāh al-Imām Muḥammad bin Ismā'īl Abū 'Abd Allah al-Bukhārī.

[7] Kitab sahih ini ditulis oleh Abū al-Ḥusayn Muslim bin al-Ḥajjāj al-Qushayrī al-Naisābūrī.

[8] Kitab sunan ini dikarang oleh Sulaymān bin al-Ash'ath al-Azdī al-Sijistānī.

[9] Kitab sunan ini dihasilkan oleh Abū 'Īsā Muḥammad bin 'Īsā bin Sawrah al-Tirmidhī.

[10] Kitab sunan ini dihasilkan oleh Abū 'Abd al-Raḥmān Aḥmad bin Shu'ayb al-Nasā'i al-Khurasānī.

[11] Kitab sunan ini dikarang oleh Muḥammad bin Yazīd bin 'Abd Allah bin Mājah al-Qazwīnī.

dikeluarkan hadithnya melalui sumber asal berserta sanad serta penjelasan tentang kedudukan sesuatu hadith[13]. 'Analisis' pula bermaksud penyelidikan atau penghuraian mengenai sesuatu (seperti keadaan, masalah dan lain-lain) untuk mengetahui kepelbagaian aspeknya secara terperinci atau mendalam[14]. 'Hukum' di sisi fuqaha dan *uṣūliyyīn* ialah ketentuan Allah serta kesan daripada nas-nas syarak yang menuntut seseorang mukalaf melakukan sesuatu perkara atau diberi pilihan samada melakukan atau meninggalkan perbuatan tersebut[15].

## 1.7 Kajian Literatur

Tajuk 'Prinsip Takaful Dalam *al-Kutub al-Sittah*: Takhrij dan Analisis Hukum' ini belum pernah lagi diterokai oleh mana-mana pengkaji. Terdapat pelbagai kajian mengenai takaful, tetapi ia lebih menumpukan terhadap konsepnya, perbandingan sistem takaful dengan insuran dan sistem perkongsian dalam *al-takāful al-ijtimā'ī*. Pada pandangan penulis, walaupun kebanyakkan karya tersebut lebih bersifat pengulangan fakta yang diolah dalam bahasa yang mudah difahami oleh pembaca, karya-karya takaful yang dihasilkan sebelum ini memberi banyak panduan bagi penulis untuk meneruskan dan melengkapkan kajian ini. Pemusatan kajian ini

---

[12] Ṣubḥī Ṣāliḥ (1995), *'Ulūm al-Hadīth wa Musṭalaḥuh*, c. 19, Beirut: Dār al-'Ilm li al-Malāyīn, h. 115-119. Muḥammad Abū al-Layth al-Khayr Ābādī (2003), *Takhrīj al-Ḥadīth Nash'atuh wa Manhajiyyatuh*, c. 2., Selangor: Dār al-Shākir, h. 129. 'Abd al-Raḥmān bin Ibrāhīm al-Khumaysī (2000), *Mu'jam 'Ulūm al-Ḥadīth al-Nabawī*, Beirut: Dār Ibn Hazm, h. 172. Lihat juga Asyraf Ṭāhā Abū al-Dahab (2002), *op.cit.*, h. 489 dan Dīb al-Khuḍrāwī (1995), *Qāmūs al-Alfāẓ al-Islāmiyyah: Arabī Injilīzī*, Beirut: al-Yamāmah, h. 361. Keenam-enam kitab ini juga dikenali dengan *al-Sunan al-Sittah* yang merujuk kepada karya-karya hadith yang disusun berdasarkan bab-bab *fiqh* sebagai sumber kepada fuqaha dalam meng*isṭinbāṭ* hukum. Lihat al-Khumaysī (2000), *op. cit.*, h. 129.

[13] Al-Khayr Ābādī (2003), *op.cit.*, h. 8-9. Lihat juga al-Khumaysī (2000), *op.cit.*, h. 67 dan Maḥmūd Ṭaḥḥān (t.t.), *Uṣūl al-Takhrīj wa Dirāsah al-Asānīd*, Beirut: Dār al-Qur'ān al-Karīm, h. 12.

[14] Teuku Iskandar (1984), *op.cit.*, h. 33 dan 34.

[15] Muḥammad al-Khuḍarī Bik (1969), *Uṣūl al-Fiqh*, c. 6, Mesir: al-Maktabah al-Tijāriyyah al-Kubrā, h. 20-21. Lihat juga Wahbah al-Zuḥaylī (1994), *al-Wajīz fī Uṣūl al-Fiqh*, Damsyik: Dār al-Fikr, h. 119.

lebih kepada hadith kerana ia merupakan sumber hukum. Kebanyakan karya dimulakan dengan satu gagasan atau idea, kemudian didatangkan dalil syarak untuk menyokong hujah yang dikemukakan.

Buku-buku tersebut bolehlah dikategorikan kepada tiga jenis, iaitu khusus mengenai muamalat, buku-buku yang menyentuh pelbagai topik *fiqh* dan yang membincangkan perpaduan dalam masyarakat iaitu *al-takāful al-ijtimā'ī.* Antara buku-buku yang menyentuh tentang takaful sebagai satu instrumen dalam muamalat ialah *The Concept of Takaful in Islam and Its Aplicability in Islam* yang dihasilkan oleh Hussin Salamon[16], *Fiqh al-Mu'āmalāt al-Māliyyah fi al-Islām*[17] oleh Al-Shaykh Ḥasan Ayyūb dan *Pemikiran Ekonomi Islam*[18] oleh Muhammad Nejatullah Siddiqi. Mohd Fadzli Yusof[19] dalam buku karangannya yang berjudul *Takaful: Sistem Insurans Islam* turut memuatkan tentang perjalanan takaful di Malaysia begitu juga dengan pengarang Muhammad Nejatullah Siddiqi dalam bukunya *Insurans Dalam Ekonomi Islam*[20] sebagai kesinambungan daripada penulisan beliau yang terdahulu. Buku ini juga diterbitkan dalam versi Bahasa Inggeris yang bertajuk *Insurance In An Islamic Economy*[21]. Antara buku-buku lain yang menyentuh persoalan takaful sebagai muamalat dan menjadi rujukan bagi kajian ini ialah *Petunjuk Amalan Ekonomi Islam*

[16] Hussin Salamon (1991), "The Concept of Takaful in Islam and Its Aplicability in Islam" (Disertasi, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia).
[17] Ḥasan Ayyūb (2003), *Fiqh al-Mu'āmalāt al-Māliyyah fī al-Islām*, Kaherah: Dār al-Salām li al-Ṭibā'ah wa al-Nashr wa al-Tawzī'.
[18] Muhammad Nejatullah Siddiqi (1989), Mohd Amin Abdullah (terj.), *Pemikiran Ekonomi Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
[19] Mohd Fadzli Yusof (1997), *Takaful Sistem Insurans Islam*, c.2, Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.
[20] Muhammad Nejatullah Siddiqi (1990), Ilyas Ismail (terj.), *Insurans Dalam Ekonomi Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
[21] Muhammad Nejatullah Siddiqi (1985), *Insurance In An Islamic Economy,* UK: The Islamic Foundation.

karangan Abd al-Rahman Zaki Ibrahim[22] dan *Asas-asas Perbankan Islam dan Lembaga-lembaga Terikat (BMUI dan Takaful di Indonesia)* karangan Warkum Sumitro SH. MH.[23]. Selain itu, satu makalah yang diterbitkan dalam *Sains Muamalah Islam di Malaysia* yang bertajuk Ke Arah Merialisasikan Konsep Takaful Dalam Pelaksanaan Sistem Mu'amalah Islam di Malaysia[24] karangan Hussin Salamon turut dijadikan bahan rujukan. Terdapat juga kajian yang mengaitkan pelbagai muamalah termasuk insurans seperti *Al-Aḥādīth al-Wāridah fī al-Qiyam al-Iqtiṣādīyyah: Dirāsah wa Taḥlīl*[25] karangan Ahmad Fauzi bin Hasan dan *The Insurance Industry in Malaysia: A Study in Financial Development and Regulation*[26] yang dikarang oleh Lee Hock Lock.

Buku-buku serta kajian di atas antaranya ada yang menyentuh perbincangan takaful secara khusus dan ada juga yang menjadikan takaful sebagai sub topik dalam kajiannya.

Antara perbahasan yang terdapat di dalam buku-buku yang menyentuh pelbagai topik *fiqh* ialah tentang *al-ḍamān* dan *al-kafālah*. Permasalahan yang diutarakannya ada kaitan dengan *al-takāful*. Buku-buku tersebut ialah *Fiqh al-Mu'āmalāt al-Māliyyah fī*

---

[22] Abd al-Rahman Zaki Ibrahim (1998), Mujaini Tarimin (terj.), *Petunjuk Amalan Ekonomi Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
[23] Warkum Sumitro SH. MH. (1996), *Asas-asas Perbankan Islam dan Lembaga-lembaga Terikat (BMUI dan Takaful di Indonesia)*, Jakarta: Pt. Raja Grafindo Persada.
[24] Hussin Salamon (1999), "Ke Arah Merealisasikan Konsep Takaful Dalam Pelaksanaan Sistem Mu'amalah Islam di Malaysia", dalam Abd. Jalil Borham (ed), *Sains Muamalah Islam di Malaysia*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia, h. 145-167.
[25] Ahmad Fauzi bin Hasan (2000), "al-Aḥādith al-Wāridah fī al-Qiyam al-Iqtiṣādīyyah: Dirāsah wa Taḥlīl" (Disertasi, Kullīyyah al-Dirāsāt al-Fiqhīyyah wa al-Qānūnīyyah, Jāmi'ah Āl al-Bayt).
[26] Lee Hock Lock (1997), The Insurans Industry in Malaysia: A Study in Financial Development and Regulation, New York: Oxford University Press.

*al-Islām*[27], *Kifāyah al-Akhyār fī Ḥal Ghāyah al-Ikhtiṣār*[28], *Kitāb al-Majmū‘ Sharḥ al-Muhadhdhab*[29], Kitab berjudul *Al-Lubāb fī Fiqh al-Sunnah wa al-Kitāb*[30] karangan Muḥammad Ṣubḥī bin Ḥasan Ḥallāq, kitab *Al-Fiqh ‘Alā al-Madhāhib al-Arba‘ah*[31] oleh al-Imam ‘Abd al-Raḥmān al-Jazarī. *Bujayrimī ‘alā al-Khatīb*[32]. *Al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*[33] karangan Dr. Wahbah al- Zuḥaylī. *Al-Fiqh al-Manhajī ‘alā Madhhab al-Imām al-Shāfi‘ī*[34] yang dikarang oleh tiga orang pengarang iaitu Dr. Muṣṭafā al-Khin, Dr. Muṣṭafā al-Bughā dan ‘Alī al-Sharbajī serta *Al-Mughnī*[35] karangan Imam Ibn Qudāmah.

Antara kajian ilmiah yang khusus membincangkan mengenai takaful pula ialah disertasi yang dihasilkan oleh Hussin Salamon yang bertajuk *The Concept of Takaful in Islam and Its Aplicability in Islam*[36], iaitu perbahasan yang menyebut tentang konsep takaful dan bahagian-bahagiannya. Karya Dr. Rabī‘ al-Rūbī yang berjudul *al-Takāful al-Ijtimā‘ī fī al-Qur’ān al-Karīm: Taḥlīl Iqtiṣādī wa Fiqhī* yang menyentuh tentang pelbagai sudut *takāful ijtimā‘ī* sebagai perbahasan yang umum. Ada juga

---

[27] Dikarang oleh Fadīlah al-Shaykh Ḥasan Ayyūb seperti pada nota kaki nombor 17.

[28] Al-Imām Taqī al-Dīn Abī Bakr bin Muḥammad al-Ḥusaynī al-Ḥiṣnī al-Dimashqī al-Shāfi‘ī (2001), *Kifāyah al-Akhyār fī Ḥall Ghāyah al-Ikhtiṣār*, *taḥqīq* Kāmil Muḥammad Muḥammad ‘Uwayṣah, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

[29] Yaḥyā bin Sharaf al-Nawawī *et. al*, (t.t), *Kitāb al-Majmū‘ Sharh al-Muhadhdhab li al-Shīrāzī*, 23 j., Jedah: Maktabah al-Irshād.

[30] Muḥammad Ṣubḥī bin Ḥasan Ḥallāq (2002), *Al-Lubāb fī Fiqh al-Sunnah wa al-Kitāb*, Syarqah: Maktabah al-Ṣaḥābah.

[31] ‘Abd al-Raḥmān al-Jazarī (2000), *Al-Fiqh ‘Alā al-Madhāhib al-Arba‘ah*, 3 j., Istanbul: Maktabah al-Ḥaqīqah.

[32] Sulaymān al-Bujayrimī (1981), *Bujayrimī ‘alā al-Khaṭīb al-Musammāh bi Tuḥfah al-Ḥabīb ‘alā Sharh al-Khaṭīb*, 4 j., Beirut: Dār al-Fikr

[33] Wahbah al-Zuḥaylī (1997), *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, 11 j., c. 4, Damsyik: Dār al-Fikr.

[34] Muṣṭafā al-Khin *et al* (1989), *al-Fiqh al-Manhajī ‘alā Madhhab al-Imām al-Shāfi‘ī*, 3 j. Damsyik: Dār al-‘Ulūm al-Insāniyyah

[35] ‘Abd Allāh bin Aḥmad bin Muḥammad bin Qudāmah al-Jammā‘īlī al-Dimashqī al-Ṣāliḥī al-Hanbalī al- (1999), *al-Mughnī*, 15 j., c. 4, Riyadh: Dār ‘Ālam al-Kutub.

[36] Hussin Salamon (1991), “The Concept of Takaful in Islam and Its Aplicability in Islam” (Disertasi, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia).

kajian yang mengaitkan takaful dengan muamalat lain seperti karya hasilan Joni Tamkin Borhan iaitu *Sistem perkongsian Islam : suatu analisis khusus terhadap operasi Bank Islam, Syarikat Takaful dan Lembaga Urusan dan Tabung Haji di Malaysia* yang menekankan konsep *al-musyārakah* dalam muamalat[37]. Penulisan beliau yang kedua iaitu *Prinsip-prinsip syariah dalam perniagaan takaful di Malaysia*[38] pula menyentuh tentang prinsip syariah yang terdapat dalam sistem Takaful. Terdapat sebuah disertasi yang bertajuk *Insuran : Perbandingan Antara Sistem Takaful dan Konvensional di Malaysia* oleh Ridzuan bin Hashim[39] yang menekankan perbandingan antara dua metod insuran iaitu sistem *al-takāful* atau insuran Islam dan sistem insuran konvensional secara khusus. Selain itu, Mohd Kamal Azman Jusuh (1998) menghasilkan kajian yang berkisar tentang produk takaful yang diaplikasikan dengan konsep *muḍārabah* yang bertajuk *"Konsep Mudarabah di dalam Sebahagian Produk Takaful: Kajian Perlaksanaannya Berdasarkan Pandangan Empat Madhhab"*[40] dan ia menyamai sebuah disertasi yang bertajuk *"A Critical Study of the Role and Implications of Mudarabah in Takaful"* hasil penulisan Mohd Tarmidzi bin Ahmad Nordin[41].

---

[37] Joni Tamkin Borhan (1994), "Sistem Perkongsian Islam : Suatu Analisis Khusus Terhadap Operasi Bank Islam, Syarikat Takaful dan Lembaga Urusan dan Tabung Haji di Malaysia", (Disertasi, Fakulti Syariah, Akademi Islam Universiti Malaya).

[38] Joni Tamkin Borhan, Prinsip-prinsip Syariah Dalam Perniagaan Takaful di Malaysia, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

[39] Ridzuan bin Hashim (2002), "Insuran : Perbandingan Antara Sistem Takaful dan Konvensional di Malaysia", (Disertasi, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia).

[40] Mohd Kamal Azman bin Jusoh (1998), "Konsep Mudarabah di dalam Sebahagian Produk Takaful: Kajian Perlaksanaannya Berdasarkan Pandangan Empat Madhhab" (Disertasi, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia).

[41] Mohd Tarmidzi bin Ahmad Nordin (2002), "A Critical Study of the Role and Implications of Mudharabah in Takaful" (Disertasi, Kuliah Ekonomi, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia).

Di samping itu, terdapat juga buku-buku yang menyentuh tentang pelaksanaan takaful dan keberkesanannya dalam masyarakat. Buku-buku tersebut adalah seperti *Halal dan Haram Dalam Islam* karangan Dr. Yusuf al-Qaradawi[42] yang diterjemahkan oleh Syed Ahmad Semait. Terdapat juga buku yang tajuknya sama tetapi berlainan pengarang seperti *Al-Takāful al-Ijtimāʿī fi al-Islām* karangan ʻAbd Allāh Nāṣiḥ ʿUlwān[43] dan Muḥammad Abū Zahrah[44]. Buku berjudul *Insurance In An Islamic Economy* karangan Muhammad Nejatullah Siddiqi[45] merupakan karya yang menyentuh tentang keberkesanan pelaksanaan insurans Islam dan *Al-Fikr al-Islāmī wa al-Mujtamaʻ al-Muʻāṣir: Mushkilāt al-Usrah wa al-Takāful* karangan Muḥammad al-Bāhī[46] juga menyentuh perbahasan yang sama.

Terdapat tiga disertasi yang dianggap paling mirip dengan kajian yang dilakukan oleh penulis. Topik-topik disertasi itu ialah *Hadis-Hadis dalam Kitab al-Durr al-Thamīn karangan Syeikh Daud al-Fatani: Takhrīj dan Analisis*[47] oleh Mazlan Sidek, *Hadith-hadith Wasiat dan Hibah Dalam al-Sunan al-Sittah: Takhrīj dan Analisis Hukum*[48] karya Rizalman Muhammad dan juga disertasi yang bertajuk *Takhrīj* dan *Analisis*

---

[42] Yusuf al-Qaradawi (1999), *Halal dan Haram Dalam Islam*, Syed Ahmad Semait (terj.), Singapura: Pustaka Islamiyah Pte Ltd.
[43] ʻAbd Allāh Nāṣiḥ ʿUlwān (1983), *al-Takāful al-Ijtimāʿī fi al-Islām*, c. 4, Kaherah: Dār al-Salām.
[44] Muḥammad Abū Zahrah (1964), *al-Takāful al-Ijtimāʿī fi al-Islām,* Kaherah: al-Dār al-Qawmiyyah li al-Tibāʻah wa al-Nashr.
[45] Muhammad Nejatullah Siddiqi (1985), *Insurance In An Islamic Economy,* UK: The Islamic Foundation.
[46] Muḥammad al-Bāhī (1981), *al-Fikr al-Islāmī wa al-Mujtamaʻ al-Muʻāṣir : Mushkilāt al-Usrah wa al-Takāful*, Beirut: Dār al-Fikr.
[47] Mazlan Sidek (2004), "Hadith-hadith dalam kitab al-Durr al-Thamīn karangan Syeikh Daud al-Fatani: Takhrīj dan Analisis" (Disertasi, Jabatan al-Qur'ān dan al-Hadith, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).
[48] Rizalman Muhammad (2007), "Hadith-hadith Wasiat dan Hibah Dalam al-Sunan al-Sittah: Takhrīj dan Analisis Hukum" (Disertasi, Jabatan al-Qur'ān dan al-Hadith, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

*Hukum Ḥadīth-ḥadīth Muḍārabah Dalam Al-Sunan Al-Sittah*[49] hasil karya Mohd Faiz Hakimi Mat Idris.

Kesimpulannya, daripada *literature review* tersebut, penulis mendapati tajuk 'Prinsip Takaful Dalam *al-Kutub al-Sittah*: Takhrij dan Analisis Hukum' belum pernah diterokai oleh mana-mana pengkaji sebelum ini dan penulis mengharapkan agar kajian ini menjadi perintis serta penyambung kepada kajian-kajian takaful yang akan datang.

## 1.8 Metodologi Kajian

Kajian ini berdasarkan kajian perpustakaan dan perincian setiap metode kajian dinyatakan dalam pengenalan setiap bab.

### 1.8.1 Sumber Data

Data yang paling utama dalam kajian ini ialah hadith. Penulis mencari hadith-hadith takaful yang hanya terdapat dalam *al-Kutub al-Sittah*[50] sahaja kerana ia sudah menepati kehendak dan memenuhi keperluan kajian penulis.

Penulis mengumpulkan data-data yang berupa penerangan secara tepat tentang istilah topik dalam bab kedua. Manakala matan hadith dinyatakan dalam bab ketiga, dengan dinyatakan lokasi serta kitab dan bab setiap hadith yang ditemui. Darjatnya pula

[49] Mohd Faiz Hakimi Mat Idris (2007), "Analisis Hukum Ḥadīth-ḥadīth Muḍārabah dalam Al-Sunan Al-Sittah" (Disertasi, Jabatan al-Qur'ān dan al-Hadith, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

[50] Kitab-kitab hadith yang dikategorikan termasuk dalam pengertian *al-Kutub al-Sittah* boleh dirujuk di halaman 6 pada notakaki nombor 6 hingga 11.

hanya dinyatakan oleh penulis secara ringkas tanpa disebut sumbernya kecuali hadith *ḍa‘īf*, dan perincian mengenainya dikupas dalam bab ketiga ketika membicarakan mengenai *takhrīj* hadith-hadith takaful. Hadith-hadith yang dikumpul dalam bab ketiga akan dianalisis hukumnya dan dimuatkan dalam bab keempat dengan mengemukakan pendapat para ulama tentang hadith-hadith yang dinyatakan.

Penulis telah mengenal pasti beberapa buah perpustakaan yang boleh dijadikan tempat rujukan utama untuk melengkapkan kajian ini. Di bawah ini disenaraikan beberapa perpustakaan yang penulis kunjungi:

a. Perpustakaan al-Malik Faisal di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Nilam Puri, Kelantan.
b. Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
c. Perpustakaan Jabatan al-Quran dan Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
d. Perpustakaan al-Mukhtar, Kolej Agama Sultan Zainal Abidin, (UDM) Kuala Terengganu.
e. Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa, Kuala Lumpur.
f. Perpustakaan Sultanah Zanariah, Universiti Teknologi Malaysia, Johor Baharu, Johor.
g. Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
h. Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Terengganu, Terengganu.
i. Perpustakaan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Negeri Terengganu, Terengganu.

### 1.8.2 Penganalisaan Data

Penganalisaan data dibuat bergantung kepada kemampuan penulis samada ia menepati hakikat sebenar sesuatu pemasalahan ataupun tidak. Data-data yang diperolehi akan dikumpul dan dinilai sebaik mungkin.

Bagi proses *takhrīj* hadith, penulis menggunakan cara yang mudah untuk menentukan kedudukannya dangan menyatakan matan hadith terlebih dahulu dan seterusnya nama imam periwayat sesebuah hadith, kemudian kitab, bab serta nombor hadith. Setelah itu barulah dinyatakan bilangan juzuk atau jilid serta halamannya bagi memudahkan pengkaji-pengkaji lain untuk meneliti matan serta lokasi sesebuah hadith yang dikeluarkan. Penulis lebih suka menyebut terlebih dahulu bab serta bilangan sesuatu hadith sebelum menyatakan juzuk atau jilid kerana beranggapan ia lebih mudah untuk dirujuk. Cara ini sedikit berbeza dengan pandangan Dr. Ruwaylid bin Ḥaṣan al-'Ānī, yang menyatakan bahawa *takhrīj* hadith kebiasaannya dibuat berdasarkan tertib yang dimulai dengan menyebut nama imam yang meriwayat sesebuah hadith, seterusnya nama kitab, kemudian disusuli dengan menyatakan juzuk atau jilid serta halaman, dan diakhiri dengan bab dan nombor hadith[51].

Bagi menyatakan darjat hadith, penulis menyebutnya secara ringkas dalam bab ketiga tanpa dinyatakan sumber rujukan kecuali bagi hadith-hadith *ḍa'īf* sahaja. Penentuan darjat *ḥadīth* ini dibuat dengan merujuk kepada kitab *shurūḥ al-ḥadīth*, kitab-kitab

[51]Ruwaylid bin Ḥaṣan al-'Ānī (1999), *Manhaj Dirāsah al-Asānīd wa al-Ḥukm 'alayhā*, c. 2. Amman: Dār al-Nafā'is, h. 198.

*rijāl al-ḥadīth* dan kitab-kitab *Sunan* itu sendiri dengan berpandukan perisian komputer *Mawsū‘ah al-Ḥadīth al-Sharīf versi 2* yang dikeluarkan oleh Global Islamic Software Company pada tahun 2000.

Analisis hukum pula akan dikupas dalam bab keempat dan penulis hanya menyatakan dua prinsip utama takaful, masing-masing mempunyai pecahan di bawahnya yang akan diperjelaskan dalam bab ketiga dan keempat. Hadith-hadith yang diperolehi hanya berkisar tentang dua prinsip tersebut termasuk analisis hukumnya. Kedua-dua prinsip tersebut ialah prinsip jaminan dan prinsip kebajikan. Ia mencakupi keseluruhan muamalah takaful iaitu *al-takāful al-ijtimā‘ī*, *al-takāful al-ta‘āwunī* dan juga *al-takāful al-tijārī*. Secara keseluruhannya, analisis yang dibuat adalah berpandukan kepada kitab *shurūḥ al-aḥādīth* dan juga beberapa buah kitab fiqh *berlainan* mazhab kerana ia juga penting untuk melengkapkan kajian ini. Antara kitab *shurūḥ al-ḥadīth* yang digunakan ialah *Fatḥ al-Bāri Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* oleh Imam Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī [52], *Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* karangan Ibn Baṭṭāl[53], *Al-Minhāj Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim bin al-Ḥajjāj* dikarang oleh Imam Nawawi[54], *Ikmāl al-Mu‘lim li Fawā’id Muslim* yang dikarang oleh al- Qāḍī ‘Iyāḍ[55], *‘Awn al-Ma‘būd Sharh Sunan Abī Dāwūd* karangan al-‘Allāmah al-‘Aẓīm Abādī [56], *Badhl al-Majhūd*

[52] Aḥmad bin ‘Àlī bin Ḥajar al-‘Asqalānī (1991), *Fath al-Bārī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, taḥqīq* ‘Abd al-‘Azīz bin ‘Abd Allāh bin Bāz, 17 j., Beirut: Dār al-Fikr.

[53] Abū al-Ḥasan ‘Alī bin Khalaf bin ‘Abd al-Malik bin Baṭṭāl (t.t), *Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, taḥqīq* Abū Tamīm Yāsir bin Ibrāhīm, 10 j., Riyadh: Maktabah al-Rushd.

[54] Yaḥyā bin Sharaf al-Nawawī (1996), *al-Minhāj Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim bin al-Ḥajjāj*, 9 j., c. 3, Beirut: Dār al-Ma‘rifah.

[55] Al-Qāḍī ‘Iyāḍ bin Mūsā bin ‘Iyād al-Yaḥṣubī (1998), *Ikmāl al-Mu‘lim li Fawā’id Muslim*, 9 j., Mansurah: Dār al-Wafā’.

[56] Abī al-Tayyib Muḥammad Shams al-Haqq al-‘Aẓīm Abādī (1968), *‘Awn al-Ma‘būd Sharh Sunan Abī Dāwūd, taḥqīq* ‘Abd al-Raḥmān Muḥammad ‘Uthmān, 13 j., c. 3, Madinah: al-Maktabah al-Salafiyyah.

*fī Ḥall Abī Dāwūd* oleh al-Shaykh al- Sahāranfūrī[57], *Tuḥfah al-Aḥwadhī bi Sharḥ Jāmi' al-Tirmidhī* al-Shaykh al-Mubārakfūrī[58], *'Āriḍah al-Aḥwadhī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Tirmidhī* karangan Ibn al-'Arabī al-Mālikī[59], *Baḥr al-Mādhī* oleh al-Shaykh Muhammad bin Idris al-Marbawi[60], *Ḥāshiah al-Sindī ḍīcetak bersama Sharḥ al-Suyūṭī 'alā al-Nasā'ī* oleh Muḥammad bin 'Abd al-Hādī al-Sindī al-Ḥanafī[61], *Nayl al-Awṭār* oleh Imam al-Shawkānī[62] dan juga *Subul al-Salām* karangan Imam al-Ṣan'ānī[63].

Penulis juga merujuk kitab-kitab *fiqh* supaya mudah untuk memahami kitab *shurūḥ al-ḥadīth.* Dengan ini permasalahan yang berkaitan dengan kajian dapat difahami dengan terperinci. Antara kitab-kitab *fiqh* yang digunakan oleh penulis ialah *Kitāb al-Majmū'*[64]*, Mughnī al-Muḥtāj ilā Ma'rifah Ma'ānī Alfāẓ al-Minhāj*[65]*, Bujayrimī 'alā al-Khaṭīb*[66] dan juga *Al-Mughnī*[67].

---

[57] Khalīl Aḥmad al- Sahāranfūrī (t.t), *Badhl al-Majhūd fī Ḥall Abī Dāwūd*, 10 j., Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.

[58] Abī al-'Ulā Muḥammad 'Abd al-Raḥmān bin 'Abd al-Raḥīm al-Mubārakfūrī (1995), *Tuḥfah al-Aḥwadhī bi Sharḥ Jāmi' al-Tirmidhī*, *taḥqīq* 'Abd al-Raḥmān Muḥammad 'Uthmān, 5 j., Beirut: Dār al-Fikr.

[59] Al-Ḥāfiẓ bin al-'Arabī al-Mālikī (1995), *'Āriḍah al-Aḥwadhī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Tirmidhī*, 7 j., c. 1, Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī.

[60] Muhammad bin Idris al-Marbawi (t.t), *Baḥr al-Mādhī Sharḥ Mukhtaṣar Ṣaḥīḥ al-Tirmidhī*, 9 j., Beirut: Dār al-Fikr.

[61] Al-Imām Jalāl al-Dīn bin 'Abd al-Raḥmān al-Suyūṭī (1930), *Sharḥ Sunan al-Nasā'ī wa ma'ahū Ḥāshiyah al-Imām al-Sindī*, 4 j., Beirut: Dār al-Fikr.

[62] Muḥammad bin 'Alī bin Muḥammad al-Shawkānī (t.t), *Nayl al-Awṭār Sharḥ Muntaqā al-Akhbār min Ḥadīth Sayyid al-Akhyār*, Dicetak bersama dengan Abī al-Barakāt 'Abd al-Salām al-Harrānī Ibn Taymiyyah, *al-Muntaqā,* 4 j., Beirut: Dār al-Fikr.

[63] Karya ini adalah syarah kepada Kitab *Bulūgh al-Marām*. Ia ditulis oleh al-Shaykh al-Imām Muḥammad bin Ismā'īl al-Amīr al-Yamanī al-Ṣan'ānī.

[64] Ia dihasilkan oleh tiga orang pengarang, pengarang pertama ialah al-Imām al-Nawawī, selepas kematiannya penulisan kitab tersebut diteruskan oleh Ibrāhīm bin 'Alī al-Shīrāzī dan beliau juga tidak sempat menyempurnakan penulisan kitab tersebut. Penulisan kitab ini seterusnya disambung dan disempurnakan oleh Muḥammad Najīb al-Muṭī'ī, keterangannya seperti pada nota kaki nombor 29.

[65] Ia dihasilkan oleh Muḥammad al-Sharbīnī al-Khatīb.

[66] Dikarang oleh al-Shaykh Sulaymān al-Bujayrimī. Lihat nota kaki nombor 32.

[67] Karangan Abī Muḥammad 'Abd Allāh bin Aḥmad bin Muḥammad bin Qudāmah al-Jammā'īlī al-Dimashqī al-Ṣālihī al-Maqdisī al-Hanbalī. Lihat pada nota kaki nombor 35.

## 1.9 Sistematika Penulisan

Dalam usaha melengkapkan kajian ini, penulis telah membahagikannya kepada lima bab. Bab pertama merupakan pendahuluan dan dimulakan dengan pengenalan tentang kajian yang merangkumi latar belakang kajian serta permasalahannya. Penulis mencadangkan empat objektif untuk dicapai dan juga menyatakan kepentingan kajian bagi menjawab beberapa permasalahan yang ditimbulkan. Tumpuan utama disertasi ini berdasarkan bidang hadith yang mencakupi skop muamalah dalam bidang *fiqh*. Kemudian dinyatakan definisi tajuk secara ringkas dan seterusnya dilanjutkan dengan kajian literatur yang memuatkan kajian-kajian terdahulu. Dalam metodologi kajian pula, penulis mengumpul data daripada perpustakaan yang berupa bahan bercetak serta menganalisanya. Bagi melengkapkan kajian, di akhir bab ini penulis menyatakan sistematika penulisan yang mengandungi lima bab utama.

Di dalam Bab Kedua, penulis mendefinisikan takaful serta *takhrīj* dengan terperinci kerana kedua-duanya menyentuh kajian ini secara menyeluruh. *Takhrīj* merupakan bidang yang penting dalam ilmu hadith kerana itulah ia diketengahkan dan cuba dihuraikan dengan sebaik mungkin.

Bab Ketiga pula memuatkan hadith-hadith yang dipilih daripada *al-Kutub al-Sittah* dan menepati prinsip asas takaful. Terdapat dua prinsip yang utama iaitu prinsip jaminan dan prinsip kebajikan. Kedua-duanya pula mempunyai sub prinsip di bawahnya. Penulis mendapati 31 teks hadith daripada *al-Kutub al-Sittah* yang

menepati prinsip-prinsip di atas. Kesemua teks hadith di*takhrīj*kan dan dinyatakan tarafnya serta diterjemahkan.

Dalam Bab Keempat pula, penulis mengeluarkan dan menganalisa hukum daripada permasalahan yang ditimbulkan melalui tiga perbahasan utama iaitu tentang prinsip jaminan, prinsip kebajikan dan juga prinsip yang digunakan oleh pengamal takaful.

Seterusnya, Bab Kelima merupakan penutup bagi kajian ini dan ia mengandungi rumusan, cadangan untuk membangunkan institusi hadith serta mengembangkan sistem takaful.

# BAB KEDUA

# DEFINISI TAKAFUL DAN PENGENALAN TERHADAP *AL-KUTUB AL-SITTAH* SERTA *TAKHRĪJ AL-ḤADĪTH*

## 2.1 Pendahuluan

Takaful merupakan satu sistem yang boleh menguatkan perhubungan dalam masyarakat kerana ia berlandaskan prinsip bantu membantu. Walaupun perkataan takaful tiada dalam penggunaan pada masa dahulu, tetapi pengamalannya bukanlah sesuatu yang asing. Dalam bab ini penulis mengemukakan definisi tajuk, 'Prinsip Takaful Dalam *al-Kutub al-Sittah*, Tahkrij dan Analisis Hukum'.

## 2.2 Definisi Takaful

Takaful menurut bahasa bermakna saling bantu membantu yang berasal dari perkataan (كَفَلَ) menerbitkan perkataan (كِفْلٌ) yang bererti duduk di belakang[68], nasib[69] dan daripada itu terbit perkataan (الْكَافِلُ) yang bermaksud keluarga atau orang yang menjaga[70]. Perkataan ini dilanjutkan penggunaannya dengan ditambahkan pada permulaannya huruf ta dan huruf alif sebagai huruf yang ketiga menjadi (تَكَافَلَ) yang memberi erti perbuatan saling bantu membantu. Perkataan takaful adalah kata terbitan daripadanya. Jika ditinjau penggunaannya, istilah takaful ini sangat asing pada kurun lampau kerana ia tidak terdapat dalam penggunaan mereka samada dalam percakapan

---

[68] Abī 'Abd al-Raḥmān al-Khalīl bin Aḥmad al- Farāhīdī (t.t), *Mu'jam Kitāb al-'Ayn*, *taḥqīq* Mahrī al-Makhzūmī wa Ibrāhīm al-Sāmurā'ī, Iraq: Dār al-Rashīd li al-Nashr, j. 5, h. 373.
[69] Muḥammad bin Mukrim bin Manẓūr al-Afrīqī al-Miṣrī (t.t), *Lisān al-'Arab,* Beirut: Dār Ṣādir, j. 11, h. 588.
[70] Ibn Manẓūr (t.t), *op.cit.*, h. 588-589. Lihat juga Muḥammad bin Ya'qūb al-Fayrūz Ābādī (1987), *al-Qāmūs al-Muḥīṭ*, c. 2, Beirut: Mu'assasah al-Risālah, h. 361.

mahupun penulisan. Oleh kerana itu penulis tidak mendapati ia ditulis dalam perbendaharaan *ma'ājim*[71] dan sukar dicapai penggunaannya dalam mana-mana kitab *turath.*

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, perkataan takaful bererti, insurans yang didasarkan pada asas-asas dan hukum-hukum agama Islam[72]. Takaful adalah sistem insurans secara Islam sebagai suatu institusi keewangan yang bergerak mengikut landasan syariah atau hukum syarak[73]. Ia menekankan kerjasama di kalangan ahli sesebuah masyarakat[74] iaitu saling bekerjasama, saling melindungi dan saling bertanggungjawab samada pada setiap individu atau masyarakat umumnya[75]. Takaful ialah jaminan yang dibuat oleh individu, sesuatu kelompok atau pemerintah untuk menangani perkara-perkara positif atau negatif berdasarkan akidah Islam dengan memberi manfaat dan menolak mudarat[76]. Ia boleh diamalkan terutamanya dalam skop kebajikan seperti sedekah dan ihsan kepada orang-orang yang tidak berkemampuan serta golongan yang lemah[77]. Menjadi kewajipan bagi orang yang berkemampuan untuk membantu orang yang lemah dalam sesebuah masyarakat. Jika perkara ini tidak berlaku, sesebuah masyarakat akan musnah dan perpaduannya akan

---

[71] Kata jamak daripada *mu'jam* yang bererti kamus. Lihat Ibrāhīm Muṣṭafā *et al.* (2004), *op.cit.*, h. 586 dan Ashraf Ṭāhā Abū al-Dhahab (2002), *op.cit.,*h. 571.

[72] Dewan Bahasa Dan Pustaka, http://sbmb.dbp.gov.my/knb/cariankata/ka rujukan kamus dbp.aspx?KataKunci=takaful&Type=1, 2 Mac 2008.

[73] Mohd Fadzli Yusof (1996), *Takaful: Sistem Insurans Islam*, cet. 1, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, h. 4.

[74] Rabī' Maḥmūd al-Rūbī (1998), *Al-Takāful al-Ijtimā'ī fi al-Qur'ān al-Karīm: Taḥlīl al-Iqtiṣādī wa al-Fiqhī,* Kaherah: Jāmi' al-Azhar, h. 6.

[75] Hussin Salamon (1991), *op.cit.,* h. 12.

[76] 'Abd Allāh Nāṣiḥ 'Ulwān (1983), *op.cit.,* h. 9.

[77] 'Abd Allāh Nāṣiḥ 'Ulwān (1983), *op.cit.,* h. 20. Lihat juga Rabī' Maḥmūd al-Rūbī (1998), *op.cit.*, h. 7 dan 11.

runtuh[78]. Ia juga boleh dikatakan sebagai bantuan atau jaminan di atas nama persaudaraan yang melibatkan setiap individu dalam takaful[79].

Pada masa kini ia lebih dikenali sebagai satu sistem keewangan yang diaplikasikan untuk menjamin kehidupan yang baik dalam masyarakat.

### 2.3 *Al-Kutub al-Sittah* dan Keistimewaannya

*Al-Kutub al-Sittah* ialah enam buah kitab hadith[80] yang diiktiraf oleh ulama sebagai sumber rujukan yang terkedepan dan ia mempunyai keistimewaan yang tersendiri. Kitab-kitab ini dikumpulkan pada kurun ketiga Hijrah dan tajuk-tajuknya disusun mengikut susunan bab *fiqh*[81]. Ia merupakan kemuncak kepada pengumpulan hadith serta ilmunya kerana pada zaman inilah semua hadith dikumpul dengan cara hafazan serta tulisan dan semua perawi serta matan[82] dinilai dengan sebaik-baiknya. Para ulama bersepakat dalam menetapkan enam buah kitab ini antara sumber rujukan dalam kajian hadith. Dr. Ṣubḥī Ṣāliḥ telah merumuskan keistimewaan *al-kutub al-sittah* seperti berikut.

a. Ṣaḥīḥ al-Bukhārī mengumpulkan ciri-ciri intelektual di dalamnya[83].
b. Ṣaḥīḥ Muslim kurang komentar di dalamnya dan mudah penyusunannya.
c. Sunān al-Tirmidhī mengumpulkan seni-seni dalam ilmu hadith.

---

[78] Muḥammad Abū Zahrah (1991), *al-Takāful al-Ijtimāʿī fi al-Islām,* Kaherah: Dār al-Fikr al-ʻArabī, h. 7.
[79] Wahbah al-Zuḥaylī (2006) *op.cit.*, h. 283.
[80] Definisinya telah penulis nyatakan pada Bab Pertama halaman 6.
[81] Ibrāhīm al-Qaṭṭān (1981), Tadwīn al-Sunnah wa Aṭwāruh, dalam ʻAbd Allāh bin Ibrāhīm al-Anṣārī (ed) *al-Buḥūth wa al-Dirāsāt*, j. 3, Beirut: al-Maktabah al-ʻAṣriyyah, h. 186.
[82] Muḥammad Muḥammad Abū Zahw (1984), *al-Ḥadīth wa al-Muḥaddithūn*, Riyadh: al-Ri'āsah al-ʻĀmmah li Idārāt al-Buḥūth al-ʻIlmiyyah wa al-Iftā' wa al-Daʻwah wa al-Irshād, h. 423.
[83] Penyusunan dibuat oleh Ṣubhī Ṣāliḥ, lihat Ṣubhī Ṣāliḥ (1995), *op.cit.,* h. 119.

d. Sunān Abū Dāwūd mengumpulkan hadith-hadith hukum.

e. Sunān Ibn Mājah merupakan kitab yang paling tersusun bab-bab di dalamnya.

f. Sunān al-Nasā'ī mempunyai kebanyakan ciri-ciri kitab-kitab di atas.

### 2.4 Pengenalan *Takhrīj*

Hadith Rasulullah s.a.w. adalah rujukan kedua terpenting selepas al-Quran al-Karim. Ia merupakan mata rantai bagi para ilmuwan untuk menggali segenap ilmu dalam pelbagai ruang lingkup dan bidang masing-masing. Ilmu *takhrīj* juga merupakan salah satu daripada aset yang penting dalam pengajian ilmu hadith. Ia merangkumi ilmu penilaian terhadap perawi, *matan* hadith, pertembungan dalam periwayatan, *asbāb al-wurūd* dan keterangan tentang darjat sesebuah hadith. Kesemua ilmu-ilmu ini digabungkan menjadi satu rangkaian yang kukuh dengan nama *takhrīj al-aḥādīth* bertujuan menjaga ketulenan hadith-hadith tersebut.

Ilmu ini tidak lahir secara spontan tetapi ia berkait rapat dengan usaha untuk mempertahankan kemurnian dan ketulenan hadith itu sendiri. Dalam memperkatakan sesuatu pengenalan, perincian perbahasan mengenai maksudnya dari sudut bahasa dan istilah adalah penting. Ini bertujuan memberi pemahaman dan maklumat yang tepat kepada pengkaji dan pembaca umumnya.

### 2.4.1 *Takhrīj* dari Sudut Bahasa

Perkataan *takhrīj* dari sudut bahasa lahir dari perkataan (خَرَجَ) yang bermakna melepasi sesuatu atau keluar[84] samada sesuatu itu nyata kelihatan ataupun tidak[85]. Ia juga bermaksud yang mempunyai dua bentuk[86] apabila perbuatan itu lahir dari perkataan (خَرُجَ). Para ulama berpendapat, makna dari perkataan (خَرَجَ) adalah lebih banyak digunakan. Kedua-dua perkataan tersebut dikembangkan penggunaannya dengan menambahkan *tashdīd* pada huruf *rā* menjadi (خَرَّجَ) yang menerbitkan perkataan *takhrīj*[87] yang memberi erti mengeluarkan[88].

### 2.4.2 *Takhrīj* Menurut Istilah

Dari sudut istilah, perkataan *takhrīj* memberi erti:

a. Ilmu praktis yang menyelongkar permasalahan dalam pengajian ilmu hadith secara teori[89].
b. *Muḥaddith* membentangkan hadith berserta *sanad*[90]nya sekali[91].

---

[84] Ya'qūb bin 'Abd al-Wahhāb al-Bā Husayn(1993), *al-Takhrīj 'ind al-Fuqahā' wa al-Uṣūliyyīn*, Riyadh: Maktabah al-Rushd, h. 9. Muḥammad Abū al-Layth al-Khayr Ābādī (2003), *Takhrīj al-Ḥadīth Nash'atuh wa Manhajiyyatuh*, Selangor: Dār al-Shākir, h. 5.
[85] Al-Khayr Ābādī(2003), *ibid.*, h. 5-6.
[86] Al-Bā Husayn (1993), *op.cit.*, h. 9 dan al-Khayr Ābādī (2003), *op.cit.*, h.6.
[87] Perkataan *takhrīj* telah dijadikan satu istilah umum yang digunapakai bagi seni mempraktis Ilmu Hadith. Di sana terdapat perkataan-perkataan yang masyhur yang telah digunakan dalam bidang ini seperti *ikhrāj* dan *takhrīj,* dari perkataan itu timbul perkataan *al-mukhrij, al-makhraj, al-mukharrij.* Lihat 'Abd al-Karīm Ismā'īl Ṣabbaḥ (1998), *al-Ḥadīth al-Ṣaḥīḥ wa Manhaj 'Ulamā' al-Muslimīn fī al-Taṣḥīḥ*, Riyadh: Maktabah al-Rushd, h. 13.
[88] Ia termasuk dalam perbahasan Ilmu *Ṣaraf* yang merupakan satu cabang daripada ilmu-ilmu tatabahasa Arab.
[89] Al-'Ānī (1999), *op.cit.*, h. 189.
[90] Sanad ialah rantaian periwayat hadith daripada seorang periwayat kepada periwayat yang lain sehingga sampai kepada Rasulullah s.a.w. Lihat al-Khumaysī (2000), *op.cit.*, h. 129.

c. *Muḥaddith* memilih hadith sambil menyampaikan sanad daripadanya sendiri dan menyatakan sahih atau daif hadith tersebut serta menyandarkan hadith tersebut sebagaimana yang telah diriwayatkan oleh *aṣḥāb al-sunan*[92].

d. Menyampaikan hadith dari periwayatan imam-imam hadith di dalam kitab-kitab mereka dan menyatakan darjat hadith tersebut[93].

e. *Muḥaddith* menyatakan kekurangan atau kecacatan yang terdapat dalam *matan* kerana kesilapan perawi atau penulis hadith samada dia tertukar perkataan, tersalah atau tertinggal sesuatu perkataan[94].

Daripada pengertian di atas dapat disimpulkan bahawa *takhrīj* hadith boleh membaiki darjat sesebuah hadith dengan melihat kepada sumbernya dan juga dengan membuat perbandingan antara riwayat-riwayat yang lain. Ini dapat dijelaskan lagi dengan definisi yang disepakati oleh ulama kini iaitu:

> Menyandarkan hadith kepada orang yang meriwayatkannya daripada imam-imam dalam bidang hadith di dalam kitab-kitab mereka dan menjelaskan kedudukan hadith-hadith tersebut[95].

### 2.4.3 Kepentingan *Takhrīj*

Ilmu *takhrīj* sangat berkait rapat dengan hadith Rasulullah s.a.w. kerana ia menangani permasalahan yang berkaitan dengan hadith itu sendiri. Ia bertujuan untuk menapis

---

[91] Al-Khayr Ābādī, *op.cit.*, h. 7. ʻAbd al-Muhdī bin ʻAbd al-Qādir bin ʻAbd al-Hādī (t.t), *Ṭuruq Takhrīj Ḥadīth Rasūl Allāh Sallā Allāh ʻalayh wa Sallam*, Kaherah: Dār al-ʻItiṣām, h. 9. Al-Bā Husayn (1993), *op.cit.*, h. 10.
[92] Al-Bā Husayn (1993), *ibid.* dan juga ʻAbd al-Muhdī (t.t), *op.cit.*, h. 10.
[93] ʻAbd al-Muhdī (t.t), *ibid.*, h. 8. Al-Bā Husayn (1993), *op.cit.*. Lihat juga al- Khumaysī (2000), *op.cit.*, h. 67.
[94] Al- Khumaysī (2000), *ibid.*, h. 11 dan juga Ṣabbaḥ (1998), *op.cit.*, h. 14.
[95] ʻAbd al-Muhdī, *op.cit.*, h. 10 dan al-Khayr Ābādī, *op.cit.*, h. 9.

sesuatu hadith samada boleh diterima atau tidak dan dapat mengetahui sumber sebenar sesuatu hadith[96]. Setiap permasalahan yang ditimbulkan dalam ilmu ini adalah untuk menjaga ketulenan hadith daripada tercemar. Secara umumnya, ilmu ini memberi faedah yang sangat banyak dan dapat disimpulkan dalam dua perkara utama.

a. Faedah yang berkaitan dengan *sanad*[97].

Melalui ilmu ini seseorang boleh mengetahui sumber sesuatu hadith dan dapat menilai sebanyak mungkin sanad dari pelbagai riwayat, sekaligus dapat menilai kekuatan dan kelemahan sesuatu hadith melalui rantaian perawi. Ilmu ini juga membolehkan seseorang mengenalpasti peribadi perawi, mengetahui penambahan atau pertukaran yang berlaku dalam sesuatu riwayat yang boleh menyebabkan hadith menjadi *ḍa'īf* serta mengetahui perawi melalui gelarannya sahaja[98].

b. Faedah yang berkaitan dengan *matn*[99].

*Matn*[100] ialah asas kepada perbahasan ini. Dengan ilmu ini, seseorang dapat mengetahui maksud yang tersurat dan tersirat dalam sesuatu hadith di samping dapat melihat realiti dan persekitaran sewaktu hadith disampaikan atau yang dinamakan *asbāb wurūd al-ḥadīth.* Ia juga dapat menentukan maksud perkataan yang digunakan dalam sesebuah hadith, meneliti kecacatan atau kekurangan pada

---

[96] 'Abd al-Muhdī (t.t), *op.cit.*, h. 11.
[97] *Ibid.*, h. 14.
[98] *Ibid.*, h. 11 hingga 13.
[99] *Ibid.*, h. 14.
[100] *Matn* ialah teks hadith yang lahir daripada sabda, perbuatan dan penegasan (*taqrīr*) Nabi s.a.w. Lihat al-Khumaysī (2000), *op.cit.*, h. 199.

lafaz yang dinyatakan oleh perawi dan juga dapat mengenalpasti kesalahan yang dilakukan oleh penulis hadith[101].

Untuk menguasai ilmu *takhrīj* ini mestilah melalui usaha yang bukan sedikit dan memakan masa yang panjang sehinggakan ada ulama[102] yang mensyaratkan kematangan ilmu ini hanya boleh dicapai pada usia lima puluh tahun. Namun kebanyakan ulama tidak bersetuju dengan pendapat tersebut kerana mengambil kira peranan *al-salaf al-ṣāliḥ* seperti ‘Umar bin Abd al-‘Azīz, Ibrāhīm al-Nakha‘ī, Mālik bin Anas, Muḥammad bin Idrīs dan lain-lain yang menyampaikan hadith dan juga ilmu yang berkaitan dengannya ketika umur mereka tidak sampai empat puluh tahun[103].

### 2.4.4 Kaedah *Takhrīj* Hadith

Men*takhrīj* hadith ada caranya yang tersendiri[104]. Secara umumnya *takhrīj* hadith bergantung kepada sanad serta *matn* dan ia mempunyai pelbagai bentuk dan cara. Antara kaedah yang digunakan ialah:

2.4.4.1 *Takhrīj* hadith yang sempurna sanad dan *matn*nya.

Kaedah ini adalah yang paling mudah dan cepat kerana sanad dan *matn*nya sudah lengkap atau hampir lengkap. Yang perlu dipastikan ialah nombor bilangan hadith, bab dan kitabnya sahaja. Ia boleh dirujuk melalui kitab-kitab seperti:

---

[101] Lihat ‘Abd al-Muhdī (t.t), *op. cit.*, h. 13 dan 14.
[102] Beliau ialah al-Qāḍī al-Fāḍil Abū Muḥammad Khallād.
[103] Lihat, Abū ‘Amr ‘Uthmān bin ‘Abd al-Raḥmān bin ‘Uthmān bin Ṣalāḥ (1998), *al-Muqaddimah fī ‘Ulūm al-Ḥadīth, taḥqīq* Nūr al-Dīn ‘Itr, c. 32, Beirut: Dār al-Fikr, h. 52.
[104] Al-‘Ānī (1999), *op. cit.*, h. 198.

a. Kitab-kitab *musnad* seperti Musnad Imām Aḥmad, Musnad al-Ḥumaydī dan Musnad Abū Dawūd al-Ṭayālisī yang menyusun hadith mengikut nama-nama sahabat yang pertama memeluk Islam.

b. Kitab *Mu'jam al-Kabīr* karangan Imām Tabarānī yang menyusun nama-nama sahabat mengikut huruf *mu'jam*.

c. Kitab *aṭrāf al-ḥadīth* ialah kitab yang disusun dangan mengambil satu juzuk daripada *matn* kemudian mendatangkan sebilangan perawi hadith-hadith tersebut.

2.4.4.2 *Takhrīj* melalui *matn* hadith sahaja.

Cara yang kedua ini lebih sukar dari yang pertama kerana yang nyata hanyalah *matn*nya sahaja. Namun begitu, para ulama telah menyusun kitab-kitab yang memenuhi hajat penuntut ilmu hadith. Antara kitab yang boleh dijadikan rujukan ialah:

*a.* Kitab *Jam' al-Jawāmi'*.

b. Kitab *al-Jāmi' al-Ṣaghīr*, kedua-duanya karangan Imam Suyuti.

2.4.4.3 *Takhrīj* potongan daripada *matn* hadith atau lafaz perkataannya sahaja.

Cara yang ketiga ini adalah lebih tertumpu kepada sebahagian daripada *matn* atau perkataannya sahaja. Melalui hadith seperti ini seseorang mesti memilih perkataan yang jarang penggunaannya supaya mudah mencapai tujuan kerana kitab yang menangani hadith-hadith seperti ini disusun seperti indeks sebuah buku. Antara kitabnya ialah:

*a.* Kitab *al-Mu‘jam al-Mufahras li Alfāẓ al-Ḥadīth al-Nabaw Nabawī ‘an al-Kutub al-Sittah wa ‘an Musnad Dārimī wa Muwaṭṭa’ Mālik wa Musnad Aḥmad,* karangan sekumpulan orientalis[105].

2.4.4.4 *Takhrīj* hadith yang didatangkan dengan makna sahaja.

Men*takhrīj* hadith yang didapati dengan makna sahaja amat sukar kerana seseorang itu mesti mendalami maksud hadith terlebih dahulu supaya dapat dipastikan tajuk atau babnya. Kemudian barulah dapat dikesan hadithnya dalam bab-bab yang banyak. Cara ini memakan masa yang lama bagi seorang pengkaji untuk men*takhrīj* sesebuah hadith.

2.4.4.5 *Takhrīj* hadith yang tidak dapat dikesan dengan keempat-empat cara di atas.

Jika sesebuah hadith tidak dapat dikesan sumbernya melalui kesemua kaedah-kaedah di atas, seseorang pengkaji hendaklah meneliti maksudnya jika terdapat percanggahan dengan al-Quran atau hadith tersebut membawa maksud yang rendah nilainya ataupun terdapat sesuatu keraguan pada *matn* serta sanadnya maka ia mestilah dirujuk kepada kitab-kitab *al-Mawḍū‘āt* seperti *Kitāb al-Mawḍū‘āt* karangan Imam Ibn al-Jazarī.

[105] Hasil usaha A. J. Winsink, J. P. Mansing serta beberapa orang yang lain, dengan sebuah ensiklopedia yang bertajuk *al-Mu‘jam al-Mufahras li Alfāẓ al-Ḥadīth al-Nabawī ‘an al-Kutub al-Sittah wa ‘an Musnad Dārimī wa Muwaṭṭa’ Mālik wa Musnad Aḥmad,* 7 j, Istanbul: Dār al-Da‘wah.

## 2.1 Kesimpulan

Perkataan takaful masyhur pada masa kini dan dahulunya ia dikenali sebagai *al-ḍamān* dan *al-kafālah*. Kesemua definisinya mencakupi kepentingan dalam prinsip jaminan dan kebajikan. Sementara itu *takhrīj* pula merupakan satu elemen yang penting dalam pengajian hadith. Daripada ilmu *takhrīj* ini kita dapat mengenalpasti kedudukan sesebuah hadith dan ia dapat mengukuhkan pegangan agama bersumberkan dalil yang sahih.

# BAB KETIGA

# PRINSIP HADITH TAKAFUL, *TAKHRĪJ* DAN TERJEMAHANNYA

## 3.1 Pendahuluan

Dalam Bab Ketiga ini, penulis mengemukakan *takhrīj* hadith takaful serta terjemahannya. Untuk men*takhrīj*kan hadith-hadith ini penulis merujuk kepada kitab-kitab[106] seperti yang dinyatakan di bawah ini termasuklah perisian komputer[107] bagi memudahkan proses kajian. Manakala hadith pula, penulis terjemahkan kembali dalam bahasa yang mudah difahami dengan merujuk kepada kitab-kitab yang disenaraikan di bawah termasuk laman-laman web untuk menambah kekurangan terjemahan yang telah sedia ada di dalam kitab kerana tidak semua hadith diterjemahkan. Bagi hadith-hadith yang tidak terdapat terjemahannya di dalam buku mahupun pada laman web tersebut, penulis merujuk kepada *shurūḥ al-ḥadīth* untuk memahami maksudnya dan menterjemahkannya menggunakan gaya bahasa penulis sendiri.

## 3.2 Prinsip-prinsip Hadith Takaful

Dalam bab ini, penulis mengemukakan prinsip-prinsip takaful berserta hadith-hadith yang dipilih daripada kitab *al-Kutub al-Sittah* sahaja[108]. Memandangkan prinsip-prinsip takaful dalam kajian terdahulu tidak disenaraikan secara terperinci, maka

---

[106] Kitab-kitab tersebut ialah hasil karangan Jamāl al-Dīn Abī al-Ḥajjāj bin Yūsuf al-Mizzī (1992), *Tahdhīb al-Kamāl fī Asmā' al-Rijāl, taḥqīq* Bashshār 'Awwād Ma'rūf, c. 4, 35 j., Beirut: Mu'assasah al-Risālah. Al-Ḥāfiẓ Aḥmad bin 'Alī bin Ḥajar al-'Asqalānī (1909), *Tahdhīb al-Tahdhīb*, 12 j., Hiderabad: Majlis Dā'irah al-Ma'ārif al-Niẓāmiyyah al-Kā'inah. Abī al-Faraj 'Abd al-Raḥman bin 'Alī bin Muḥammad bin 'Alī bin al-Jawzī (1986), *Kitāb al-Ḍu'afā' wa al-Matrūkīn*, 2 j., Beirut: Dār al-Kutub al-'lmiyyah. Abī 'Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad bin 'Uthmān al-Dhahabī (t.t), *Mīzān al-I'tidāl fī Naqd al-Rijāl*, 4 j., Beirut: Dār al-Fikr.

[107] Penulis juga merujuk kepada perisian komputer yang dibangunkan oleh badan-badanyang dipercayai seperti perisian hadith yang diberi nama *al-Maktabah al-Shāmilah versi 2*, yang boleh dimuat turun dari laman web www.almeshkat.net, *Mawsū'ah al-Ḥadīth al-Sharīf versi 2* (2000) oleh Global Islamic Software Company.

[108] Iaitu kitab Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Ṣaḥīḥ Muslim, Sunan Abū Dāwūd, Sunan al-Tirmidhī, Sunan al-Nasā'ī dan Sunan Ibn Mājah.

penulis membuat penilaian sendiri terhadap tulisan-tulisan dan pengamalan takaful pada hari ini serta dapat menyimpulkan dua prinsip utamanya iaitu prinsip jaminan dan prinsip kebajikan. Manakala *takhrīj* hadith di dalam bab ini dimulakan dengan menyebut sumber hadith, Kitab, Bab serta nombor hadith manakala bagi darjatnya pula, penulis hanya mengambil kira tiga darjat yang utama iaitu *ṣaḥīḥ, ḥasan* dan juga *ḍa'īf*. Bagi Imam al-Tirmidhī, yang banyak menggunakan istilah darjat hadith *ḥasan ṣaḥīḥ*[109], penulis mengkategorikannya dalam hadith *ṣaḥīḥ*. Terjemahan hadith pula, penulis nyatakan di dalam nota kaki.

Pemilihan sesebuah hadith dalam setiap bab merupakan satu usaha yang memerlukan ketelitian. Untuk menjadikan kajian ini lebih berkesan, penulis meneliti beberapa penulisan terdahulu dan hasilnya dapat disimpulkan dalam beberapa aspek seperti di bawah:

a. Menentukan kajian-kajian yang berkaitan takaful.

b. Mengumpulkan fakta-fakta penting tentang takaful.

c. Membuat rumusan tentang Prinsip takaful berdasarkan fakta terkumpul.

d. Memilih prinsip yang terpakai dan memasukan ke dalamnya sub prinsip.

e. Mengenepikan prinsip yang kurang penting.

f. Memilih hadith-hadith[110] daripada *al-Kutub al-Sittah* berpandukan prinsip yang dipilih.

g. Men*takhrīj*kan hadith serta mengemukakan darjat hadith dengan menggunakan perisian komputer serta kitab *rijāl*.

---

[109] Hadith *ḥasan ṣaḥīḥ* ialah hadith *ṣaḥīḥ lighayrih* dan ia dikategorikan sebagai *ṣaḥīḥ*. Lihat keterangan al-Shaykh Nūr al-Dīn 'Itr dalam Ibn al-Ṣalāḥ (1998), *op.cit.*, h. 39 dan 40.

[110] Di sini penulis memadankan maksud sesebuah hadith dengan prinsip takaful yang dipilih.

### 3.2.1 Prinsip Jaminan (الضَّمَانُ وَالْكَفَالَةُ)

Dalam industri takaful, prinsip ini menjadi salah satu komponen yang penting dalam pengendalian dan perjanjian kontraknya. Oleh kerana ia penting, maka penulis mengaitkannya dengan sebuah hadith yang dijadikan sebagai hadith utama bagi prinsip ini.

**a. Hadith Pertama:**

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ أَنَا
أَوْلَى بِالْمُؤْمِنِينَ مِنْ أَنْفُسِهِمْ فَمَنْ مَاتَ وَعَلَيْهِ دَيْنٌ وَلَمْ يَتْرُكْ وَفَاءً
فَعَلَيْنَا قَضَاؤُهُ وَمَنْ تَرَكَ مَالًا فَلِوَرَثَتِهِ[111]

***Takhrīj* Hadith*:***

Hadith tersebut merupakan hadith sahih yang terdapat di dalam Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, *Kitāb al-Farā'iḍ, Bāb Man Taraka Mālan fa li Ahlih*, no. hadith: 6731[112],. Lihat juga Ṣaḥīḥ Muslim, *Kitāb al-Farā'iḍ, Bāb Man Taraka Malan fa Liwarathatih*, no. hadith: 1619[113], Sunan Abū Dāwūd, *Kitāb al-Kharāj wa al-Imārah wa al-Fay', Bāb fī Arzāq al-Dhurriyyah*, no. hadith: 2954[114], Sunan al-Tirmidhī, *Kitāb*

---

[111] Daripada Abū Hurayrah r.a, daripada Nabi s.a.w., Baginda bersabda, " Aku adalah orang yang paling baik daripada kalangan orang-orang yang beriman terhadap diri mereka sendiri, sesiapa yang meninggal dunia dalam keadaan berhutang dan tidak meninggalkan harta untuk membayarnya, maka kami berkewajipan membayarnya. Sesiapa yang meninggalkan harta pusaka, maka itu adalah untuk warisnya". Lihat H. Zainuddin Hamidy, *et. al* (2002), *Terjemahan Hadis Shahih Bukhari*, j. 4, Singapura: Darel Fajr Publishing House, h. 90.

[112] Abī 'Abd Allāh Muḥammad bin Ismā'īl al-Bukhārī (1980), *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ al-Musnad min Ḥadīth al-Rasūl Sallā Allāh 'alayh wa Sallam wa Sunanih wa Ayyāmih, taḥqīq* Muḥibb al-Dīn al-Khaṭīb, *et. al*, Kaherah: Dār al-Salafiyyah, j. 4, h. 237.

[113] Muslim bin al-Ḥajāj al-Qusyairī al-Naisābūrī (2006), *al-Musnad al-Ṣaḥīḥ al-Mukhtaṣar min al-Sunan bi Naql al-'Adl 'an al-'Adl ilā Rasūl Allāh*, taḥqīq Abū Qutaybah Naẓar Muḥammad al-Faryābī, Riyadh: Dār Ṭaybah, j. 2, h. 760.

[114] Al-Imām al-Ḥāfiẓ al-Muṣannif al-Mutqin Sulaymān bin al-Ash'ath al-Sijistānī al-Azdī Abū Dāwūd (1997), *Sunan Abī Dāwūd, ta'liq* 'Izzat 'Ubayd al-Da'as, j. 3, Beirut: Dār Ibn Ḥazm, h. 242

*al-Janā'iz 'an Rasūl Allāh, Bāb Mā Jā'a fī al-Ṣalah 'alā al-Madyūn*, no. hadith: 1070[115], Sunan al-Nasā'ī, *Kitāb al-Janā'iz, Bāb al-Ṣalah 'alā Man 'alayhi Dayn*, no. hadith: 1963[116], Sunan Ibn Mājah, *Kitāb al-Sadaqāt, Bāb Man Taraka Daynan aw Ḍayā'an fa 'alā Allāh wa Rasūlih*, no. hadith: 2416[117].

**Darjat Hadith:**

Kesemua hadith di atas adalah *ṣaḥīḥ* dan perawi-perawinya *thiqah*[118]. Imam al-Tirmidhī menyatakan darjat hadithnya sebagai *ḥasan ṣaḥīḥ*[119].

Bagi prinsip ini, penulis membahagikan kepada beberapa skop yang kecil agar lebih jelas kedudukannya.

#### 3.2.1.1 Jaminan Saling Bekerjasama (التَّعَاوُنُ الْجَمَاعِيْ)

**a. Hadith Pertama:**

عَبْدَ اللَّهِ بْنَ عَمْرٍو رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا يَقُولُ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَرْبَعُونَ خَصْلَةً أَعْلَاهُنَّ مَنِيحَةُ الْعَنْزِ مَا مِنْ عَامِلٍ يَعْمَلُ بِخَصْلَةٍ مِنْهَا رَجَاءَ ثَوَابِهَا وَتَصْدِيقَ مَوْعُودِهَا إِلَّا أَدْخَلَهُ اللَّهُ بِهَا الْجَنَّةَ[120]

[115] al-Imām al-Ḥāfiẓ Abī 'Isā Muḥammad bin 'Īsā bin Sawrah al- Tīrmidhī (1987), *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ wa huwa Sunan al-Tirmidhī*, *taḥqīq* Ahmad Muhammad Shakir, c. 2, j. 4, Kaherah: Maktabah wa Maṭba'ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī wa Awlādih, h. 233

[116] Abī 'Abd al-Raḥman Aḥmad bin Shu'ayb bin 'Alī al-Nasā'ī (t.t.), *al-Sunan al-Nasā'ī, ta'līq* Nāṣir al-Dīn al-Albānī, Riyadh: Maktabah al-Ma'ārif li al-Nashr wa al-Tawzī', h. 314 dan 315.

[117] al-Ḥāfiẓ Abī 'Abd Allāh Muḥammad bin Yazīd al-Qazwīnī Ibn Mājah (1998), *Sunan Ibn Mājah*, *taḥqīq* Bashshār 'Awwād Ma'rūf, j. 4, Beirut: Dār al-Jīl, h. 74.

[118] *Thiqah* adalah istilah yang digunakan dalam ilmu penilaian sanad hadith yang merujuk kepada sifat yang baik pada seseorang perawi hadith iaitu adil dan kuat ingatan. Lihat Asyraf Ṭāhā Abū al-Dahab (2002), *op.cit.* h. 189.

[119] Penulis mendapati bahawa istilah *ḥasan ṣaḥīḥ* yang dinyatakan oleh Imam al-Tirmidhī adalah sahih pada pendapat Imam-imam yang lain. Lihat juga nota kaki bernombor 110.

[120] Daripada 'Abd Allāh bin 'Amr r.a., katanya, "Rasulullah s.a.w. bersabda, "Empat puluh (bentuk) pemberian, yang paling tinggi (kedudukannya) ialah memberi kambing. Tiada seseorang pun yang

***Takhrīj* Hadith*:***

Hadith di atas terdapat dalam Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, *Kitāb al-Hibah wa Faḍliha, Bāb Fadl al-Manīḥah*, no. hadith: 2631[121]. Lihat juga Sunan Abū Dāwūd, *Kitāb al-Zakāh, Bāb fī al-Manīḥah*, no. hadith: 1683[122].

**Darjat Hadith:**

Semua hadith di atas adalah *ṣaḥīḥ* dan perawinya *thiqah*.

**b. Hadith Kedua:**

عَنْ أَبِي سَعِيدِ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَامَ عَلَى الْمِنْبَرِ فَقَالَ إِنَّمَا أَخْشَى عَلَيْكُمْ مِنْ بَعْدِي مَا يُفْتَحُ عَلَيْكُمْ مِنْ بَرَكَاتِ الْأَرْضِ... وَإِنَّ هَذَا الْمَالَ خَضِرَةٌ حُلْوَةٌ وَنِعْمَ صَاحِبُ الْمُسْلِمِ لِمَنْ أَخَذَهُ بِحَقِّهِ فَجَعَلَهُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَالْيَتَامَى وَالْمَسَاكِينِ وَابْنِ السَّبِيلِ وَمَنْ لَمْ يَأْخُذْهُ بِحَقِّهِ فَهُوَ كَالْآكِلِ الَّذِي لَا يَشْبَعُ وَيَكُونُ عَلَيْهِ شَهِيدًا يَوْمَ الْقِيَامَةِ[123]

***Takhrīj* Hadith*:***

Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, *Kitāb al-Jihād wa al-Siyar, Bāb Faḍl al-Nafaqah fī Sabīl Allāh*, no. hadith: 2842[124]. Lihat juga Ṣaḥīḥ Muslim, *Kitāb al-Zakāh, Bāb*

mengerjakannya dengan mengharapkan pahala serta percaya dengan janjinya, pasti Allah akan memasukkan dia ke dalam syurga". Lihat H. Zainuddin Hamidy, *et. al* (2002), *op.cit.*, j. 3, h. 57.

[121] Al-Bukhārī (1980), *op.cit*, j. 2, h. 244.

[122] Abū Dāwūd (1997), *op.cit.*, j. 2, h. 215.

[123] Daripada Abū Sa'īd al-Khudrī r.a. katanya, "Rasulullah s.a.w. berdiri di atas mimbar lalu bersabda, "Aku bimbang selepas (kewafatanku ini) dibukakan kepada kamu keberkatan dunia ini... Harta merupakan kenikmatan dan sedap mata memandang. Sebaik-baik muslim ialah orang yang menunaikan tanggungjawabnya iaitu (dengan harta itu), diberikan untuk perjuangan sabilillah, anak-anak yatim, orang-orang miskin serta pejuang yang putus bekalan. Sesiapa yang tidak menunaikan hak harta tersebut seperti orang yang makan tetapi tidak pernah kenyang dan dia akan ditanya pada hari kiamat". Lihat Ma'mur Daud (2003), Terjemah Hadis Shahih Muslim, j. 2, Singapura: Darel Fajr Publishing House, h. 215.

[124] Al-Bukhārī (1980), *op.cit.*, j. 2, h. 317.

*Takhawwuf mā Yakhruj min Zahrah al-Dunyā*, no. hadith: 1052[125], Sunan al-Nasā'ī, *Kitāb al-Zakāh, Bāb al-Sadaqah 'alā al-Yatīm*, no. hadith: 2581[126], Sunan Ibn Mājah, *Kitāb al-Fitan, Bāb Fitnah al-Māl*, no. hadith: 3995[127].

**Darjat Hadith:**

Hadith-hadith di atas adalah *ṣaḥīḥ* dan semua perawinya *thiqah*.

**c. Hadith Ketiga:**

عَنْ تَمِيمٍ الدَّارِيِّ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ الدِّينُ النَّصِيحَةُ
قُلْنَا لِمَنْ قَالَ لِلَّهِ وَلِكِتَابِهِ وَلِرَسُولِهِ وَلِأَئِمَّةِ الْمُسْلِمِينَ وَعَامَّتِهِمْ[128]

***Takhrīj* Hadith*:***

Ṣaḥīḥ Muslim, *Kitāb al-Īmān, Bāb Bayān anna al-Dīn al-Naṣīḥah*, no. hadith: 55[129], Sunan Abū Dāwūd, *Kitāb al-Adab, Bāb fī al-Naṣīḥah*, no. hadith: 4944[130], Sunan al-Tirmidhī, *Kitāb al-Birr wa al-Ṣilah 'an Rasūl Allāh, Bāb Mā Jā'a fī al-Naṣīḥah,* no. hadith: 1070[131]. Sunan al-Nasā'ī, *Kitāb al-Bay'ah, Bāb al-Naṣīḥah li al-Imām,* no. hadith: 4197[132].

**Darjat Hadith:**

Semua hadith di atas adalah sahih.

---

[125] Muslim (2006), *op.cit,* j. 1, h. 464.
[126] Al-Nasā'ī (t.t), *op.cit.*, h. 403.
[127] Ibn Mājah (1998), *op.cit*, j. 5, h. 474.
[128] Daripada Tamīm al-Dārī katanya, Nabi s.a.w. bersabda, "Agama itu ialah nasihat", kami bertanya, "Nasihat untuk siapa wahai Rasulullah?", jawab Baginda, "Bagi Allah, kitabNya, RasulNya dan bagi pemimpin umat Islam serta seluruh umatnya". Lihat Ma'mur Daud (2003), *op.cit.*, j. 1, h. 31.
[129] Muslim (2006), *op.cit.*, h. 44.
[130] Abū Dāwūd (1997), *op.cit.,* j. 5, h. 147.
[131] Al- Tīrmidhī (1987), *op.cit.*, j. 3, h. 373.
[132] Al-Nasā'ī (t.t), *op.cit.*, h. 647.

**d. Hadith Keempat:**

عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ حَدَّثَ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
أَنَّهُ أَرَادَ أَنْ يَغْزُوَ فَقَالَ يَا مَعْشَرَ الْمُهَاجِرِينَ وَالْأَنْصَارِ إِنَّ مِنْ
إِخْوَانِكُمْ قَوْمًا لَيْسَ لَهُمْ مَالٌ وَلَا عَشِيرَةٌ فَلْيَضُمَّ أَحَدُكُمْ إِلَيْهِ الرَّجُلَيْنِ
أَوْ الثَّلَاثَةَ فَمَا لِأَحَدِنَا مِنْ ظَهْرٍ يَحْمِلُهُ إِلَّا عُقْبَةٌ كَعُقْبَةِ يَعْنِي أَحَدِهِمْ
قَالَ فَضَمَمْتُ إِلَيَّ اثْنَيْنِ أَوْ ثَلَاثَةً قَالَ مَا لِي إِلَّا عُقْبَةٌ كَعُقْبَةِ أَحَدِهِمْ
مِنْ جَمَلِي[133]

***Takhrīj* Hadith:**

Sunan Abū Dāwūd, *Kitāb al-Jihād, Bāb al-Rajul Yataḥammal bi Māl Ghayrihī Yaghzū,* no. hadith: 2534[134].

**Darjat Hadith:**

Hadith di atas adalah *ṣaḥīḥ* dan semua perawinya *thiqah.*

### 3.2.1.2 Jaminan Saling Bertanggungjawab(تَحَمُّلُ الْمَسْؤُوْلِيَّة)

**a. Hadith Pertama:**

عَنْ أَبِي مُوسَى قَالَ قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّ الْأَشْعَرِيِّينَ إِذَا
أَرْمَلُوا فِي الْغَزْوِ أَوْ قَلَّ طَعَامُ عِيَالِهِمْ بِالْمَدِينَةِ جَمَعُوا مَا كَانَ عِنْدَهُمْ

---

[133] Daripada Jābir bin ʻAbd Allāh r.a., katanya, "Daripada Rasulullah s.a.w., Baginda hendak pergi berperang, kemudian Baginda bersabda, "Wahai kaum Muhajirin dan Ansar, sesungguhnya ada di antara saudara-saudara kamu ada yang tidak mempunyai harta dan kaum keluarga. Kamu hendaklah membawa mereka bersama-sama dua orang atau tiga orang". "Kami bergilir-gilir menaiki tunggangan termasuklah untaku juga".
Lihat Al-ʻAẓīm Ābādī (1968), *op.cit.*, j. 7, h. 207 dan juga al-ʻAllāmah al-Muḥaddith al-Kabīr al-Shaykh Khalīl Aḥmad al-Sahāranfūrī (t.t), *Badhl al-Majhūd fī Ḥall Abī Dāwūd*, j. 6, Beirut: Dār al-Kutub al-ʻIlmiyyah, h. 23.

[134] Abū Dāwūd (1997), *op.cit,* j. 3, h. 31.

فِي ثَوْبٍ وَاحِدٍ ثُمَّ اقْتَسَمُوهُ بَيْنَهُمْ فِي إِنَاءٍ وَاحِدٍ بِالسَّوِيَّةِ فَهُمْ مِنِّي وَأَنَا مِنْهُمْ[135]

***Takhrīj* Hadith*:***

Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, *Kitāb al-Sharikah, Bāb al-Sharikah fī al-Ṭa'ām wa al-Nahd wa al-'Urūḍ*, no. hadith: 2486[136], Ṣaḥīḥ Muslim, *Kitāb Faḍā'il al-Ṣaḥābah, Bāb Faḍā'il al-Ash'ariyyīn*, no. hadith: 2500[137].

**Darjat Hadith:**

Kedua-dua hadith di atas adalah *ṣaḥīḥ* dan semua perawinya *thiqah*.

**b. Hadith Kedua:**

عَنْ ثَوْبَانَ مَوْلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ عَادَ مَرِيضًا لَمْ يَزَلْ فِي خُرْفَةِ الْجَنَّةِ حَتَّى يَرْجِعَ [138]

***Takhrīj* Hadith*:***

Ṣaḥīḥ Muslim, *Kitāb al-Birr w al-Ṣilah wa al-Ādāb, Bāb Faḍl 'Iyādah al-Marīḍ*, no. hadith: 2568[139], Sunan al-Tirmidhī, *Kitāb al-Janā'iz 'an Rasūl Allāh, Bāb Mā Jā'a fī 'Iyadah al-Marīḍ*, no. hadith: 967[140].

---

135 Daripada Abū Mūsā r.a katanya, Nabi s.a.w. bersabda: "Kaum Ash'arī, apabila mereka kehabisan bekalan dalam peperangan atau keluarga mereka kekurangan mekanan di Madinah, mereka kumpulkan apa yang ada di atas sehelai kain kemudian mereka bahagikan makanan tersebut sama banyak; mereka adalah kaumku dan aku adalah daripada kalangan mereka". Lihat H. Zainuddin Hamidy, *et. al* (2002), *op.cit.*, j. 3, h. 42.

136 Al-Bukhārī (1980), *op.cit*, h. 203.

137 Muslim (2006), *op.cit.*, j. 2, h. 1167 dan 1168.

138 Daripada Thawbān r.a, daripada Nabi s.a.w., sabdanya, "Apabila seorang Islam menziarahi saudaranya yang Islam (ketika sakit) dia akan sentiasa berada dalam sebuah taman syurga sehingga dia pulang". Lihat Ma'mur Daud (2003), *op.cit.*, j. 4, h. 207.

**Darjat Hadith:**

Kedua-dua hadith di atas adalah *ṣaḥīḥ* dan perawi-perawinya *thiqah*.

**c. Hadith Ketiga:**

عَنْ أَبِي مُوسَى عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ إِنَّ الْمُؤْمِنَ لِلْمُؤْمِنِ كَالْبُنْيَانِ يَشُدُّ بَعْضُهُ بَعْضًا وَشَبَّكَ أَصَابِعَهُ[141]

***Takhrīj* Hadith*:***

Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, *Kitāb al-Maẓālim wa al-Ghaṣb, Bāb Naṣr al-Maẓlūm*, no. hadith: 2446[142], Ṣaḥīḥ Muslim, *Kitāb al-Birr wa al-Ṣilah wa al-Adab, Bāb Tarāḥum al-Mu'minīn wa Ta'āṭufihim wa Ta'āḍudihim*, no. hadith: 2585[143], Sunan al-Tirmidhī, *Kitāb al-Birr wa al-Ṣilah 'an Rasūl Allāh, Bāb Mā Jā'a fī Shafaqah al-Muslim 'alā Muslim*, no. hadith: 1928[144]. Sunan al-Nasā'ī, *Kitāb al-Zakāh, Bāb Ajr al-Khādim (al-Khāzin) idhā Taṣaddaqa bi Idhn Mawlāhu*, no. hadith: 2560[145].

**Darjat Hadith:**

Kesemua hadith di aas adalah *ṣaḥīḥ* dan semua perawinya *thiqah*.

---

139 Muslim (2006), *op.cit.*, j. 2, h. 1195.

140 Al- Tīrmidhī (1987), *op.cit.*, h. 290.

141 Daripada Abu Musa r.a, katanya, Rasulullah s.a.w. bersabda, "Seorang yang beriman dengan orang beriman yang lain seperti satu binaan, masing-masing saling menguatkan antara satu sama lain", kemudian Baginda merapatkan jari jemarinya. Lihat Ma'mur Daud (2003), *op.cit,* h. 216.

142 Al-Bukhārī (1980), *op.cit*, h. 191.

143 Muslim (2006), *op.cit.*, h. 1201.

144 Al- Tīrmidhī (1987), *op.cit.*, j. 4, h. 325.

145 Al-Nasā'ī (t.t), *op.cit.*, h. 399.

**d. Hadith Keempat:**

عَنْ عَوْنِ بْنِ أَبِي جُحَيْفَةَ عَنْ أَبِيهِ قَالَ آخَى النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَيْنَ سَلْمَانَ وَأَبِي الدَّرْدَاءِ فَزَارَ سَلْمَانُ أَبَا الدَّرْدَاءِ فَرَأَى أُمَّ الدَّرْدَاءِ مُتَبَذِّلَةً فَقَالَ لَهَا مَا شَأْنُكِ قَالَتْ أَخُوكَ أَبُو الدَّرْدَاءِ لَيْسَ لَهُ حَاجَةٌ فِي الدُّنْيَا فَجَاءَ أَبُو الدَّرْدَاءِ فَصَنَعَ لَهُ طَعَامًا فَقَالَ كُلْ قَالَ فَإِنِّي صَائِمٌ قَالَ مَا أَنَا بِآكِلٍ حَتَّى تَأْكُلَ قَالَ فَأَكَلَ فَلَمَّا كَانَ اللَّيْلُ ذَهَبَ أَبُو الدَّرْدَاءِ يَقُومُ قَالَ نَمْ فَنَامَ ثُمَّ ذَهَبَ يَقُومُ فَقَالَ نَمْ فَلَمَّا كَانَ مِنْ آخِرِ اللَّيْلِ قَالَ سَلْمَانُ قُمْ الْآنَ فَصَلَّيَا فَقَالَ لَهُ سَلْمَانُ إِنَّ لِرَبِّكَ عَلَيْكَ حَقًّا وَلِنَفْسِكَ عَلَيْكَ حَقًّا وَلِأَهْلِكَ عَلَيْكَ حَقًّا فَأَعْطِ كُلَّ ذِي حَقٍّ حَقَّهُ فَأَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَذَكَرَ ذَلِكَ لَهُ فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صَدَقَ سَلْمَانُ[146]

***Takhrīj* Hadith:**

Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, *Kitāb al-Sawm, Bāb Man Aqsama ‘alā Akhīhi li Yufṭir fī al-Taṭawwu‘,* no. hadith: 1968[147], Sunan al-Tirmidhī, *Kitāb al-Zuhd ‘an Rasūl Allāh, Bāb Minhu,* no. hadith: 2413[148].

**Darjat Hadith:**

Kedua-dua hadith di atas adalah *ṣaḥīḥ* dan semua perawinya *thiqah.*

---

[146] Dari Abū Juḥayfah r.a. katanya, Nabi s.a.w. mempersaudarakan antara Salmān dan Abū al-Dardā’. Pada suatu hari Salmān datang mengunjungi Abū al-Dardā’ dan dilihatnya Ummu al-Dardā’ berpakaian kusam lalu dia bertanya, “Apa khabar?”. Ummu al-Dardā’ menjawab, “Saudaramu Abū al-Dardā’ tidak berhajatkan dunia lagi”. Sementara itu Abū al-Dardā’ datang sambil menyediakan makanan kepada Salmān lalu dipersilakannya makan, “Makanlah, aku berpuasa”. Salmān berkata, “Aku tidak akan makan selagi engkau tidak makan”. Abū al-Dardā’ pun makan. Apabila malam, Abū al-Dardā’ bangun untuk sembahyang malam. Salmān berkata, “Tidurlah!”, dia pun tidur. Kemudian Abū al-Dardā’ bangun lagi untuk solat. Salmān berkata, “Tidur!”, dia pun tidur kembali. Setelah larut malam Salmān berkata kepadanya, “Bangunlah sekarang”, mereka pun solat bersama-sama. Kemudian Salmān berkata kepada Abū al-Dardā’, “Sesungguhnya engkau ada kewajipan terhadap Tuhanmu, dirimu sendiri dan juga keluargamu. Oleh itu, tunaikanlah kewajipan itu kesemuanya”. Abū al-Dardā’ menceritakan kepada Nabi s.a.w. tentang perkara itu lalu Nabi bersabda, “Apa yang diperkatakan oleh Salmān adalah benar”. Lihat H. Zainuddin Hamidy, *et. al* (2002), *op.cit.*, j. 2, h. 230.

[147] Al-Bukhārī (1980), *op.cit*, h. 50.

[148] Al- Tīrmidhī (1987), *op.cit.*, h. 605.

### 3.2.1.3 Jaminan Saling Melindungi(الْحِمَايَةُ وَ التَّحَامِيْ)

**a. Hadith Pertama:**

سَمِعْتُ النُّعْمَانَ بْنَ بَشِيرٍ يَقُولُ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
تَرَى الْمُؤْمِنِينَ فِي تَرَاحُمِهِمْ وَتَوَادِّهِمْ وَتَعَاطُفِهِمْ كَمَثَلِ الْجَسَدِ إِذَا
اشْتَكَى عُضْوًا تَدَاعَى لَهُ سَائِرُ جَسَدِهِ بِالسَّهَرِ وَالْحُمَّى[149]

***Takhrīj* Hadith:**

Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, *Kitāb al-Adab, Bāb Raḥmah al-Nās wa al-Bahā'im*, no. hadith: 6011[150], Ṣaḥīḥ Muslim, *Kitāb al-Birr wa al-Ṣilah wa al-Adab, Bāb Tarāḥum al-Mu'minīn wa Ta'āṭufihim wa Ta'āḍudihim*, no. hadith: 2586[151].

**Darjat Hadith:**

Kedua-dua hadith di atas adalah sahih manakala perawinya adalah thiqah.

**b. Hadith Kedua:**

عَنْ عُقْبَةَ بْنِ عَامِرٍ عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ مَنْ رَأَى عَوْرَةً
فَسَتَرَهَا كَانَ كَمَنْ أَحْيَا مَوْءُودَةً[152]

---

[149] Daripada Nu'mān bin Bashīr r.a. katanya, Rasulullah s.a.w. bersabda, "Perumpamaan hubungan sesama orang-orang yang beriman dalam berkasih sayang seperti satu jasad. Apabila satu anggota menderita sakit seluruh tubuh akan merasa sakit serta berjaga malam dan demam". Lihat Ma'mur Daud (2003), *op.cit.*

[150] Al-Bukhārī (1980), *op.cit*, j. 4, h. 93.

[151] Muslim (2006), *op.cit.*, h. 1201.

[152] Daripada 'Uqbah bin 'Amir r.a., daripada Nabi s.a.w., Baginda bersabda, "Sesiapa yang melihat keaiban (saudaranya) lalu dia merahsiakannya, (pahalanya) seperti dia menghidupkan kembali anak perempuan yang telah ditanam hidup-hidup". Lihat al-Sahāranfūrī (t.t), *op.cit.*, j. 10, h. 130 dan al-'Aẓīm Ābādī (1968), *op.cit.*, j. 13, h. 235.

***Takhrīj* Hadith*:***

Sunan Abū Dāwūd, *Kitāb al-Adab, Bāb fī al-Satr 'alā al-Muslim*, no. hadith: 4891[153].

**Darjat Hadith:**

Penulis mengkategorikan hadith di atas sebagai *ḍa'īf* kerana ada seorang perawi yang meriwayatkan hadith ini yang bernama Abī al-Haytham[154] adalah seorang perawi yang *ma'lūl* atau tidak kuat pada pendapat Ibn Yūnus[155], tetapi ada juga imam-imam yang mengambil riwayat daripadanya seperti al-Bukhārī dalam *al-Adab al-Mufrad*, Abū Dāwūd dan Nasā'ī dan al-Mizzī[156] tidak memberikan komentar terhadapnya, manakala al-Dhahabī menyatakan bahawa dia seorang yang tidak dikenali[157].

**c. Hadith Ketiga:**

عَنْ سَهْلٍ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَنَا وَكَافِلُ الْيَتِيمِ فِي
الْجَنَّةِ هَكَذَا وَأَشَارَ بِالسَّبَّابَةِ وَالْوُسْطَى وَفَرَّجَ بَيْنَهُمَا شَيْئًا[158]

***Takhrīj* Hadith*:***

Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, *Kitāb al-Adab, Bāb Faḍl Man Ya'ūl Yatīman*, no. hadith: 6005[159], Ṣaḥīḥ Muslim, *Kitāb al-Zuhd wa al-Raqā'iq, Bāb al-Iḥsān ilā al-*

[153] Abū Dāwūd (1997), *op.cit.*, j. 5, h. 128.
[154] Beliau ialah Kathīr Mawlā 'Uqbah bin 'Āmir al-Juhanī al-Miṣrī.
[155] Lihat al-Ḥāfiẓ Aḥmad bin 'Alī bin Ḥajar al-'Asqalānī (t.t), *Tahdhīb al-Tahdhīb*, *taḥqīq* Ibrāhīm al-Zībaq, *et.al.*, 4 j., Beirut: Mu'assasah al-Risālah, j. 3, h. 464.
[156] Lihat al-Ḥāfiẓ al-Mutqin Jamāl al-Dīn Abī al-Ḥajjāj bin Yūsuf al-Mizzī (1992), *Tahdhīb al-Kamāl fī Asmā' al-Rijāl, taḥqīq* Bashshār 'Awwād Ma'rūf, c. 4, j. 34, Beirut: Mu'assasah al-Risālah., h. 385.
[157] Beliau menyebut perawi yang mengambil hadithnya iaitu Abū Dāwūd dan al-Nasā'ī tetapi beliau mengkategorikan Abū al-Haytham sebagai tidak dikenali. Lihat Abī 'Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad bin 'Uthmān al-Dhahabī (t.t), *Mīzān al-I'tidāl fī Naqd al-Rijāl*, J. 4, Beirut: Dār al-Fikr, h. 440.
[158] Dari Sahl bin Sa'ad r.a katanya, "Nabi s.a.w. bersabda, "Saya dan orang yang menjamin anak yatim di dalam syurga nanti seperti ini"; sambil Baginda menunjukkan jari telunjuk dan jari tengahnya dan merenggangkannya sedikit". Lihat Ma'mur Daud (2003), *op.cit.*, h. 395.

*Armalah wa al-Miskīn wa al-Yatīm*, no. hadith: 2983[160], Sunan Abū Dāwūd, *Kitāb al-Adab, Bāb fī Man Ḍamm al-Yatīm*, no. hadith: 5150[161], Sunan al-Tirmidhī, *Kitāb al-Birr wa al-Ṣilah ʻan Rasūl Allāh, Bāb Mā Jā'a fī Raḥmah al-Yatīm wa Kafālatih*, no. hadith: 1918[162].

**Darjat Hadith:**

Semua hadith di atas adalah *ṣaḥīḥ* manakala perawi-perawinya adalah *thiqah.*

**d. Hadith Keempat:**

عَنْ جُبَيْرِ بْنِ نُفَيْرٍ الْحَضْرَمِيِّ أَنَّهُ سَمِعَ أَبَا الدَّرْدَاءِ يَقُولُ سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ ابْغُونِي الضُّعَفَاءَ فَإِنَّمَا تُرْزَقُونَ وَتُنْصَرُونَ بِضُعَفَائِكُمْ°[163]

***Takhrīj* Hadith*:***

Sunan Abū Dāwūd, *Kitāb al-Jihād, Bāb al-Intiṣār bi Rudhul al-Khayl wa al-Ḍaʻafah*, no. hadith: 2594[164], Sunan al-Tirmidhī, *Kitāb al-Jihād ʻan Rasūl Allāh, Bāb Mā Jā'a fī al-Istiftāḥ bi Ṣaʻālīk al-Muslimīn*, no. hadith: 1702[165], Sunan al-Nasā'ī, *Kitāb al-Jihād, Bāb al-Istinṣār bi al-Daʻīf*, no. hadith: 3179[166].

**Darjat Hadith:**

Ketiga-tiga hadith di atas *ṣaḥīḥ* dan semua perawinya *thiqah.*

---

[159] Al-Bukhārī (1980), *op.cit*, h. 92.
[160] Muslim (2006), *op.cit.,* h. 1360.
[161] Abū Dāwūd (1997), *op.cit.*, h. 224.
[162] Al- Tīrmidhī (1987), *op.cit.*, h. 320 dan 321.
[163] Rasulullah s.a.w. bersabda, "Carikanlah aku orang-orang yang lemah kerana kamu dikurniakan rezeki dan diberi kemenangan dengan adanya mereka di kalangan kamu". Lihat H. Bey Arifin et. al (1992), Tarjamah Sunan Abu Dawud, Kuala Lumpur: Darul Fikir, j. 3, h. 342.
[164] Abū Dāwūd (1997), *op.cit.*, j. 3, h. 52 dan 53.
[165] Al- Tīrmidhī (1987), *op.cit.*, h. 206.
[166] Al-Nasā'ī (t.t), *op.cit.*, h. 492.

**e. Hadith Kelima:**

عَنْ عَمْرِو بْنِ شُعَيْبٍ عَنْ أَبِيهِ عَنْ جَدِّهِ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْمُسْلِمُونَ تَتَكَافَأُ دِمَاؤُهُمْ يَسْعَى بِذِمَّتِهِمْ أَدْنَاهُمْ وَيُجِيرُ عَلَيْهِمْ أَقْصَاهُمْ وَهُمْ يَدٌ عَلَى مَنْ سِوَاهُمْ يَرُدُّ مُشِدُّهُمْ عَلَى مُضْعِفِهِمْ وَمُتَسَرِّيهِمْ عَلَى قَاعِدِهِمْ لَا يُقْتَلُ مُؤْمِنٌ بِكَافِرٍ وَلَا ذُو عَهْدٍ فِي عَهْدِهِ[167]

***Takhrīj* Hadith:**

Sunan Abū Dāwūd, *Kitāb al-Jihād, Bāb fī al-Sariyyah Turadd ʻalā Ahl al-ʻAskar,* no. hadith: 2751[168], Sunan al-Nasā'ī, *Kitāb al-Qasāmah, Bāb al-Qawad Bayn al-Aḥrār wa al-Mamālīk*, no. hadith: 6911[169], Sunan Ibn Mājah, *Kitāb al-Diyāt, Bāb al-Muslimūn Tatakāfa' Dimā'uhum*, no. hadith: 2683[170].

**Darjat Hadith:**

Ketiga-tiga hadith di atas *ṣaḥīḥ* kerana semua perawinya *thiqah*.

---

[167] ʻAbd Allāh bin ʻAmr r.a. berkata, Rasulullah s.a.w. bersabda, "Orang-orang Islam menyamai nilai darahnya dan juga hak-hak mereka walaupun daripada kalangan orang-orang yang lemah. Orang-orang yang kuat menjadi pelindung kepada mereka. Semuanya saling tolong menolong dan orang yang kuat menyamai orang yang lemah (dalam pembahagian *ghanīmah*) termasuklah *sariyyah* (rampasan dalam peperangan kecil). Orang yang beriman tidak diqisas kerana membunuh orang yang kafir. Orang yang meminta perlindungan akan sentiasa dilindungi". Lihat al-Sahāranfūrī (t.t), *op.cit.*, j. 6, h. 266 dan al-ʻAẓīm Ābādī (1968), *op.cit.*, j. 7, h. 426.

[168] Abū Dāwūd (1997), *op.cit.*, h. 125.

[169] Al-Nasā'ī (t.t), *op.cit.*, h. 231.

[170] Ibn Mājah (1998), *op.cit,* j. 4, h. 256 dan 257.

### 3.2.1.4 Jaminan Keselamatan (ضَمَانُ الأَمْنِ)

**a. Hadith Pertama:**

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ الْمُسْلِمُ مَنْ سَلِمَ الْمُسْلِمُونَ مِنْ لِسَانِهِ وَيَدِهِ وَالْمُهَاجِرُ مَنْ هَجَرَ مَا نَهَى اللَّهُ عَنْهُ[171]

***Takhrīj* Hadith*:***

Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, *Kitāb al-Īmān, Bāb al-Muslim Man Salima al-Muslimūn min Lisānih wa Yadih*, no. hadith: 10[172], Ṣaḥīḥ Muslim, *Kitāb al-Īmān, Bāb Bayān Tafāḍul al-Islām wa Ayyi Umūr Afḍal*, no. hadith: 40[173], Sunan Abū Dāwūd, *Kitāb al-Jihād, Bāb fī al-Hijrah Hal Inqaṭa'at*, no. hadith: 2481[174], Sunan al-Tirmidhī, *Kitāb al-Īmān 'an Rasūl Allāh, Bāb Mā Jā'a fī Anna al-Muslim Man Salima al-Muslimūn min Lisānih wa Yadih*, no. hadith: 2628[175], Sunan al-Nasā'ī, *Kitāb al-Īmān wa Sharā'i'ihi, Bāb Sifah al-Muslim*, no. hadith: 4996[176].

**Darjat Hadith:**

Kesemuanya hadith *ṣaḥīḥ* dan semua perawinya *thiqah*.

---

[171] Daripada 'Abd Allāh bin 'Amr, daripada Nabi s.a.w. sabdanya, "Seseorang Islam itu ialah seorang yang menjaga orang Islam yang lain daripada (kejahatan) lidah serta tangannya. Manakala orang yang berhijrah pula ialah seorang yang meninggalkan apa yang dilarang oleh Allah". Lihat H. Zainuddin Hamidy, *et. al* (2002), *op.cit.*, j. 1, h. 16.

[172] Al-Bukhārī (1980), *op.cit*, j. 1, h. 20.

[173] Muslim (2006), *op.cit.*, j. 1, h. 39.

[174] Abū Dāwūd (1997), *op.cit.*, h. 9.

[175] Al- Tīrmidhī (1987), *op.cit.*, j. 5, h. 17.

[176] Al-Nasā'ī (t.t), *op.cit.*, h. 759.

**b. Hadith Kedua:**

عَنْ سَعِيدِ بْنِ زَيْدٍ عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ إِنَّ مِنْ أَرْبَى الرِّبَا الِاسْتِطَالَةَ فِي عِرْضِ الْمُسْلِمِ بِغَيْرِ حَقٍّ[177]

***Takhrīj* Hadith*:***

Sunan Abū Dāwūd, *Kitāb al-Adab, Bāb fī al-Ghībah*, no. hadith: 4876[178].

**Darjat Hadith:**

Hadith di atas adalah *ṣaḥīḥ* kerana semua perawinya *thiqah*.

**c. Hadith Ketiga:**

عَنْ زُبَيْدٍ قَالَ سَأَلْتُ أَبَا وَائِلٍ عَنْ الْمُرْجِئَةِ فَقَالَ حَدَّثَنِي عَبْدُ اللَّهِ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ سِبَابُ الْمُسْلِمِ فُسُوقٌ وَقِتَالُهُ كُفْرٌ[179]

***Takhrīj* Hadith*:***

Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, *Kitāb al-Īmān, Bāb Khawf al-Mu'min min an Yaḥbaṭa 'Amaluh*, no. hadith: 48[180], Ṣaḥīḥ Muslim, *Kitāb al-Īmān, Bāb Bayān Qawl Rasūl Allāh Sallā Allāh 'alayhi wa Sallam Sibāb al-Muslim Fusūq*, no. hadith: 64[181], Sunan al-Tirmidhī, *Kitāb al-Birr wa al-Ṣilah 'an Rasūl Allāh, Bāb Mā Jā'a fī al-Shatm,* no. hadith: 1983[182], Sunan al-Nasā'ī, *Kitāb Taḥrīm al-Dam (al-Muḥārabah), Bāb Qitāl al-Muslim*, no. hadith: 4105[183], Sunan Ibn Mājah, *al-Muqaddimah, Bāb fī al-Īmān*, no. hadith: 69[184].

---

[177] Daripada Sa'īd bin Zayd r.a., daripada Nabi s.a.w., Baginda bersabda, "Antara riba yang paling teruk ialah mencemar maruah seseorang Islam tanpa kebenaran". Lihat al-Sahāranfūrī (t.t), *op.cit.*, j. 10, h. 116 dan al-'Aẓīm Ābādī (1968), *op.cit.*, j. 13, h. 220.

[178] Abū Dāwūd (1997), *op.cit.*, j. 5, h. 123.

[179] Daripada 'Abd Allāh r.a katanya Rasulullah s.a.w. bersabda, "Memaki orang Islam adalah fasik dan membunuhnya pula adalah kafir". Lihat H. Zainuddin Hamidy, *et. al* (2002), *op.cit.*, j. 1, h. 32.

[180] Al-Bukhārī (1980), *op.cit*, h. 32.

[181] Muslim (2006), *op.cit.,* h. 48.

[182] Al- Tīrmidhī (1987), *op.cit.*, j. 4, h. 353.

[183] Al-Nasā'ī (t.t), *op.cit.*, h. 633.

[184] Ibn Mājah (1998), *op.cit,* j. 1, h. 86 dan 87.

**Darjat Hadith:**

Hadith di atas *ṣaḥīḥ* dan semua perawinya *thiqah*.

### 3.2.2 Prinsip Kebajikan (التَّضَامُنُ الْخَيْرِي)

Kebajikan merupakan tuntutan Islam yang diterapkan dalam industri Takaful. Tanpa prinsip ini, perjalanan prinsip yang terdahulu tidak akan dapat disempurnakan. Maka penulis padankan prinsip ini dengan hadith:

**a. Hadith Pertama:**

أَنَّ عَبْدَ اللَّهِ بْنَ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا أَخْبَرَهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ الْمُسْلِمُ أَخُو الْمُسْلِمِ لَا يَظْلِمُهُ وَلَا يُسْلِمُهُ وَمَنْ كَانَ فِي حَاجَةِ أَخِيهِ كَانَ اللَّهُ فِي حَاجَتِهِ وَمَنْ فَرَّجَ عَنْ مُسْلِمٍ كُرْبَةً فَرَّجَ اللَّهُ عَنْهُ كُرْبَةً مِنْ كُرُبَاتِ يَوْمِ الْقِيَامَةِ وَمَنْ سَتَرَ مُسْلِمًا سَتَرَهُ اللَّهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ[185]

***Takhrīj* Hadith:**

Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, *Kitāb al-Maẓālim wa al-Ghaṣb, Bāb lā Yaẓlim al-Muslimu al-Muslima wa lā Yuslimuh*, no. hadith: 2442[186], Ṣaḥīḥ Muslim, *Kitāb al-Birr*

[185] Daripada ‘Abd Allah bin ‘Umar r.a, Rasulullah s.a.w. bersabda, “Seorang Islam merupakan saudara kepada orang Islam yang lain, dia tidak akan menganiayainya dan tidak pula membiarkannya teraniaya. Sesiapa yang memenuhi keperluan saudaranya, Allah akan memenuhi keperluannya, sesiapa yang melapangkan kesusahan seseorang Islam, Allah akan memberi kelapangan kepadanya pada hari kiamat dan sesiapa yang menyimpan rahsia (keaiban) seorang Islam, maka Allah akan menutup keaibannya pada hari kiamat”. Lihat H. Zainuddin Hamidy, *et. al* (2002), *op.cit.*, j. 3, h. 27.

[186] Al-Bukhārī (1980), *op.cit*, j.2, h. 190.

*wa al-Ṣilah wa al-Adab, Bāb Taḥrīm al-Ẓulm*, no. hadith: 2580[187], Sunan Abū Dāwūd, *Kitāb al-Adab, Bāb al-Mu'ākhāh*, no. hadith: 4893[188], Sunan al-Tirmidhī, *Kitāb al-Ḥudūd 'an Rasūl Allāh, Bāb Mā Jā'a fī al-Satr 'alā al-Muslim*, no. hadith: 1426[189].

**Darjat Hadith:**

Hadith di atas adalah *ṣaḥīḥ* dan semua perawinya *thiqah.*

**b. Hadith Kedua:**

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا أَنَّ رَجُلًا سَأَلَ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَيُّ الْإِسْلَامِ خَيْرٌ قَالَ تُطْعِمُ الطَّعَامَ وَتَقْرَأُ السَّلَامَ عَلَى مَنْ عَرَفْتَ وَمَنْ لَمْ تَعْرِفْ[190]

***Takhrīj* Hadith*:***

Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, *Kitāb al-Īmān, Bāb Iṭ'ām al-Ṭa'ām min al-Islām*, no. hadith: 12[191], Ṣaḥīḥ Muslim, *Kitāb al-Īmān, Bāb Bayān Tafāḍul al-Islām wa Ayyi Umūr Afḍal*, no. hadith: 39[192], Sunan Abū Dāwūd, *Kitāb al-Adab, Bāb fī Ifshā' al-Salām*, no. hadith: 5194[193], Sunan al-Tirmidhī, *Kitāb al-Aṭ'imah 'an Rasūl Allāh, Bāb Mā Jā'a fī Faḍl Iṭ'ām al-Ṭa'ām*, no. hadith: 1855[194], Sunan al-Nasā'ī, *Kitāb al-Īmān wa Sharā'i'ih, Bāb Ayy al-Islām Khayr*, no. hadith:

---

[187] Muslim (2006), *op.cit.,* j. 2, h. 1199.
[188] Abū Dāwūd (1997), *op.cit.*, h. 129.
[189] Al- Tīrmidhī (1987), *op.cit.*, h. 34 dan 35.
[190] 'Abd Allāh bin 'Umar r.a menceritakan, "Seorang lelaki bertanya Nabi s.a.w., "(Amalan) apakah dalam Islam yang baik?". Baginda menjawab, "Memberi makanan dan mengucapkan salam kepada orang yang engkau kenal serta orang yang engkau tidak mengenalinya". Lihat H. Zainuddin Hamidy, *et. al* (2002), *op.cit.*, j. 1, h. 17.
[191] Al-Bukhārī (1980), *op.cit*, j. 1, h. 21.
[192] Muslim (2006), *op.cit.,* j. 1, h. 39.
[193] Abū Dāwūd (1997), *op.cit.*, h. 237.
[194] Al- Tīrmidhī (1987), *op.cit.*, h. 287.

5000[195], Sunan Ibn Mājah, *Kitāb al-Aṭ‘imah, Bāb Iṭ‘ām al-Ṭa‘ām*, no. hadith: 3253[196].

**Darjat Hadith:**

Semuanya hadith *ṣaḥīḥ* dan semua perawinya *thiqah*.

**c. Hadith Ketiga:**

عَنْ حَنَشٍ عَنْ عِكْرِمَةَ عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
قَالَ مَنْ قَبَضَ يَتِيمًا مِنْ بَيْنِ الْمُسْلِمِينَ إِلَى طَعَامِهِ وَشَرَابِهِ أَدْخَلَهُ اللَّهُ
الْجَنَّةَ إِلَّا أَنْ يَعْمَلَ ذَنْبًا لَا يُغْفَرُ لَهُ
قَالَ وَفِي الْبَاب عَنْ مُرَّةَ الْفِهْرِيِّ وَأَبِي هُرَيْرَةَ وَأَبِي أُمَامَةَ وَسَهْلِ بْنِ
سَعْدٍ قَالَ أَبُو عِيسَى وَحَنَشٌ هُوَ حُسَيْنُ بْنُ قَيْسٍ وَهُوَ أَبُو عَلِيٍّ
الرَّحَبِيُّ وَسُلَيْمَانُ التَّيْمِيُّ يَقُولُ حَنَشٌ وَهُوَ ضَعِيفٌ عِنْدَ أَهْلِ
الْحَدِيثِ[197]

***Takhrīj* Hadith*:***

Sunan al-Tirmidhī, *Kitāb al-Birr wa al-Ṣilah ‘an Rasūl Allāh, Bāb Mā Jā’a fi Raḥmah al-Yatīm wa Kafālatih*, no. hadith: 1917[198].

**Darjat Hadith:**

Hadith *ḍa‘īf* kerana dalam riwayatnya ada seorang lelaki yang bergelar Ḥanash merupakan seorang yang tidak dipercayai[199].

---

195 Al-Nasā’ī (t.t.), *op.cit.*, h. 759.

196 Ibn Mājah (1998), *op.cit,* j. 5, h. 4.

197 Rasulullah s.a.w. bersabda, “Sesiapa yang mengambil anak yatim untuk memberi makanan dan minuman kepadanya maka Allah akan memasukkannya ke dalam syurga kecuali jika melakukan dosa yang tidak diampuni”. Moh Zuhri et.al (1992), Terjemah Sunan at-Tirmidzi, j. 3, Semarang: CV.Asy Syifa’, h. 448. Lihat juga, al-Marbawī (t.t), *op.cit*, j. 7, h. 92.

198 Al- Tīrmidhī (1987), *op.cit.*, h. 320.

199 Beliau ialah Ḥusayn bin Qays Abū ‘Alī al-Raḥabī. Lihat al-Ḥāfiẓ al-Mutqin Jamāl al-Dīn Abī al-Ḥajjāj bin Yūsuf al-Mizzī (1992), *Tahdhīb al-Kamāl fī Asmā’ al-Rijāl, taḥqīq* Bashshār ‘Awwād

Prinsip kebajikan ini bersifat umum dan penulis memperincikannya kepada dua skop.

#### 3.2.2.1 Pengorbanan (التَّضْحِيَة)

#### a. Hadith Pertama:

عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّى يُحِبَّ لِأَخِيهِ مَا يُحِبُّ لِنَفْسِهِ.[200]

***Takhrīj* Hadith:**

Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, *Kitāb al-Īmān, Bāb min al-Īmān an Yuḥibb li Akhīh mā Yuḥibb li Nafsih*, no. hadith: 13[201], Ṣaḥīḥ Muslim, *Kitāb al-Īmān, Bāb al-Dalīl ʻalā anna min Khiṣāl al-Īmān an Yuḥibb li Akhīh al-Muslim ma Yuḥibb li Nafsih min al-Khayr*, no. hadith: 45[202], Sunan al-Tirmidhī, *Kitāb Ṣifah al-Qiyāmah wa al-Raqā'iq wa al-War' 'an Rasūl Allāh, Bāb Mīnh,* no. hadith: 2515[203], Sunan al-Nasā'ī, *Kitāb al-Īmān wa Sharā'i'ih*, *Bāb 'Alāmah al-Īmān,* no. hadith: 5016[204], Sunan Ibn Mājah, *al-Muqaddimah*, *Bāb fī al-Īmān,* no. hadith: 66[205].

---

Ma'rūf, c. 4, j. 7, Beirut: Mu'assasah al-Risālah, h. 431, Abī 'Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad bin 'Uthmān al-Dhahabī (t.t), *Mīzān al-I'tidāl fī Naqd al-Rijāl*, j. 1, Beirut: Dār al-Fikr, h. 546 dan Abī al-Faraj 'Abd al-Raḥman bin 'Alī bin Muḥammad bin 'Alī bin al-Jawzī (1986), *Kitāb al-Ḍu'afā' wa al-Matrūkīn*, j. 1, Beirut: Dār al-Kutub al-'lmiyyah, h. 241.

[200] Daripada Anas, daripada Nabi s.a.w., Baginda bersabda, "Tidak (sempurna) iman seseorang daripada kalangan kamu sehinggalah dia menyukai saudaranya seperti dia menyukai dirinya sendiri". Lihat H. Zainuddin Hamidy, *et. al* (2002), *op.cit.*

[201] Al-Bukhārī (1980), *op.cit.*

[202] Muslim (2006), *op.cit.*, h. 40.

[203] Al- Tīrmidhī (1987), *op.cit.*, h. 667.

[204] Al-Nasā'ī (t.t.), *op.cit.*, h. 762.

[205] Ibn Mājah (1998), *op.cit,* j. 1, h. 90.

**Darjat Hadith:**

Hadith-hadith di atas semuanya *ṣaḥīḥ* dan semua perawinya *thiqah*

**b. Hadith Kedua:**

شَدَّادٌ قَالَ سَمِعْتُ أَبَا أُمَامَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَا ابْنَ آدَمَ إِنَّكَ أَنْ تَبْذُلَ الْفَضْلَ خَيْرٌ لَكَ وَأَنْ تُمْسِكَهُ شَرٌّ لَكَ وَلَا تُلَامُ عَلَى كَفَافٍ وَابْدَأْ بِمَنْ تَعُولُ وَالْيَدُ الْعُلْيَا خَيْرٌ مِنْ الْيَدِ السُّفْلَى[206]

***Takhrīj* Hadith*:***

Ṣaḥīḥ Muslim, *Kitāb al-Zakāh, Bāb Bayān anna al-Yad al-'Ulyā Khayr min al-Yad al-Suflā*, no. hadith: 1033[207], Sunan al-Tirmidhī, *Kitāb al-Zuhd 'an Rasūl Allāh*, *Bāb Mīnh,* no. hadith: 2343[208].

**Darjat Hadith:**

Kedua-dua hadith di atas *ṣaḥīḥ* dan semua perawinya *thiqah.*

**3.2.2.2 Al-*Ṣadaqah* dan *al-Tabarru'* (الصَّدَقَةُ وَ التَبَرُّعُ)**

**a. Hadith Pertama:**

عَنْ أَبِي مَسْعُودٍ الْأَنْصَارِيِّ عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ إِذَا أَنْفَقَ الْمُسْلِمُ نَفَقَةً عَلَى أَهْلِهِ وَهُوَ يَحْتَسِبُهَا كَانَتْ لَهُ صَدَقَةً[209]

---

[206] Daripada Abū Umāmah r.a. katanya Rasulullah s.a.w. bersabda, "Wahai anak Adam, sesungguhnya jika engkau sedekahkan hartamu yang berlebihan, sesungguhnya ia lebih baik bagimu daripada kamu simpan. Tetapi engkau tidak akan dicela jika menyimpan sekadar untuk keperluan. Dahulukan memberi nafkah kepada tanggunganmu. Tangan yang memberi lebih baik daripada tangan yang menerima". Lihat Ma'mur Daud (2003), *op.cit*, j. 2. h. 205.

[207] Muslim (2006), *op.cit.*, h. 458.

[208] Al- Tīrmidhī (1987), *op.cit.*, h.573.

***Takhrīj* Hadith*:***

Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, *Kitāb al-Nafaqāt, Bāb al-Nafaqah ‘alā al-Ahl*, no. hadith: 5351[210], Ṣaḥīḥ Muslim, *Kitāb al-Zakāh, Bāb Faḍl al-Nafaqah wa al-Ṣadaqah ‘alā al-Aqrabīn wa al-Zawj wa al-Awlād wa al-Wālidayn*, no. hadith: 1002[211], Sunan al-Tirmidhī, *Kitāb al-Birr wa al-Ṣilah ‘an Rasūl Allāh, Bāb Mā Jā’a fī al-Nafaqah fī al-Ahl*, no. hadith: 1965[212], Sunan al-Nasā’ī, *Kitāb al-Zakāh, Bāb Ayy al-Ṣadaqah Afḍal*, no. hadith: 2545[213].

**Darjat Hadith:**

Hadith-hadith di atas semuanya *ṣaḥīḥ* manakala semua perawinya *thiqah*.

**b. Hadith Kedua:**

سَمِعَ جَابِرَ بْنَ عَبْدِ اللَّهِ يَقُولُا دَخَلَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى أُمِّ مَعْبَدٍ حَائِطًا فَقَالَ يَا أُمَّ مَعْبَدٍ مَنْ غَرَسَ هَذَا النَّخْلَ أَمُسْلِمٌ أَمْ كَافِرٌ فَقَالَتْ بَلْ مُسْلِمٌ قَالَ فَلَا يَغْرِسُ الْمُسْلِمُ غَرْسًا فَيَأْكُلَ مِنْهُ إِنْسَانٌ وَلَا دَابَّةٌ وَلَا طَيْرٌ إِلَّا كَانَ لَهُ صَدَقَةً إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ[214]

[209] Daripada Abū Mas‘ūd al-Anṣārī r.a, Rasulullah s.a.w. bersabda, “Apabila seseorang Islam itu menafkahkan (harta) kepada keluarganya semata-mata mencari keredaan Allah, ia menjadi kebajikan baginya”. Lihat H. Zainuddin Hamidy, *et. al* (2002), *op.cit.*, j. 4, h. 21.

[210] Al-Bukhārī (1980), *op.cit*, j. 3, h, 424.

[211] Muslim (2006), *op.cit.,* h. 447.

[212] Al- Tīrmidhī (1987), *op.cit.*, h. 334.

[213] Al-Nasā’ī (t.t), *op.cit.*, h. 396.

[214] Jabir bin ‘Abd Allah berkata, Nabi s.a.w. bertemu Umm Ma‘bad lalu bertanya, “Wahai Umm Ma‘bad, siapa yang menanam pokok kurma ini?” Dia menjawab, “Seorang Islam”. Lalu Baginda Bersabda, “Sesiapa yang menanam satu tanaman, kemudian (buah-buahnya) dimakan oleh manusia, binatang dan burung, semuanya itu menjadi kebajikan untuknya sehingga hari kiamat”. Al-Hadith al-Islam, http://hadith.al-islam.com/Bayan/Display.asp?Lang=mal&ID=884, 7 Mac 2008.

***Takhrīj* Hadith*:***

Ṣaḥīḥ Muslim, *Kitāb al-Musāqah, Bāb Faḍl al-Ghars wa al-Zar'*, no. hadith: 1552[215].

**Darjat Hadith:**

Hadith di atas merupakan sebuah hadith *ṣaḥīḥ* dan semua perawinya juga *thiqah.*

**c. Hadith Ketiga:**

عَنْ جَابِرٍ قَالَ أَعْتَقَ رَجُلٌ مِنْ بَنِي عُذْرَةَ عَبْدًا لَهُ عَنْ دُبُرٍ فَبَلَغَ ذَلِكَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ أَلَكَ مَالٌ غَيْرُهُ فَقَالَ لَا فَقَالَ مَنْ يَشْتَرِيهِ مِنِّي فَاشْتَرَاهُ نُعَيْمُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ الْعَدَوِيُّ بِثَمَانِ مِائَةِ دِرْهَمٍ فَجَاءَ بِهَا رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَدَفَعَهَا إِلَيْهِ ثُمَّ قَالَ ابْدَأْ بِنَفْسِكَ فَتَصَدَّقْ عَلَيْهَا فَإِنْ فَضَلَ شَيْءٌ فَلِأَهْلِكَ فَإِنْ فَضَلَ عَنْ أَهْلِكَ شَيْءٌ فَلِذِي قَرَابَتِكَ فَإِنْ فَضَلَ عَنْ ذِي قَرَابَتِكَ شَيْءٌ فَهَكَذَا وَهَكَذَا يَقُولُ فَبَيْنَ يَدَيْكَ وَعَنْ يَمِينِكَ وَعَنْ شِمَالِكَ[216]

***Takhrīj* Hadith*:***

Ṣaḥīḥ Muslim, *Kitāb al-Zakāh, Bāb al-Ibtidā' fī al-Nafaqah bi al-Nafs thumma Ahlih thumma al-Qarābah,* no. hadith: 997[217], Sunan Abū Dāwūd,

[215] Muslim (2006), *op.cit.,* j. 2, h. 728.
[216] Daripada Jābir r.a., katanya: "Seorang laki-laki dari Banī 'Udhrah memerdekakan hamba sahayanya dengan tebusan. Berita itu sampai kepada Rasulullah s.a.w. lalu Baginda bertanya kepada pemilik budak itu, "masih adakah hartamu selain budak itu?" Jawab orang itu, "Tiada wahai Rasulullah". Maka Nabi s.a.w. bersabda, " Siapakah yang mahu membeli hamba itu daripadaku?" Akhirnya hamba itu dibeli oleh Nu'aym bin 'Abd Allāh al-'Adawī dengan harga lapan ratus dirham yang diserahkan kepada Rasulullah s.a.w. Dan Baginda terus memberikannya kepada pemilik hamba tersebut sambil bersabda, "Manfaatkanlah duit ini untuk keperluan dirimu sendiri terlebih dahulu, jika ada bakinya untuk keluargamu, jika masih berbaki maka kepada kaum kerabatmu dan jika masih berbaki maka untuk orang disekitarmu". Lihat Ma'mur Daud (2003), *op.cit.*, j. 2, h. 181.
[217] Muslim (2006), *op.cit.,* j. 1, h. 445.

*Kitāb al-'Itq, Bāb fī Bay' al-Mudbir*, no. hadith: 3957[218], Sunan al-Nasā'ī, *Kitāb al-Buyū', Bāb Bay' al-Mudabbar* , no. hadith: 4652[219].

**Darjat Hadith:**

Semuanya hadith *ṣaḥīḥ* kerana semua perawinya *thiqah.*

**d. Hadith Keempat:**

حَدَّثَنَا سَعِيدُ بْنُ أَبِي بُرْدَةَ عَنْ أَبِيهِ عَنْ جَدِّهِ عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ صَدَقَةٌ فَقَالُوا يَا نَبِيَّ اللَّهِ فَمَنْ لَمْ يَجِدْ قَالَ يَعْمَلُ بِيَدِهِ فَيَنْفَعُ نَفْسَهُ وَيَتَصَدَّقُ قَالُوا فَإِنْ لَمْ يَجِدْ قَالَ يُعِينُ ذَا الْحَاجَةِ الْمَلْهُوفَ قَالُوا فَإِنْ لَمْ يَجِدْ قَالَ فَلْيَعْمَلْ بِالْمَعْرُوفِ وَلْيُمْسِكْ عَنْ الشَّرِّ فَإِنَّهَا لَهُ صَدَقَةٌ[220]

***Takhrīj* Hadith*:***

Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, *Kitāb al-Zakāh, Bāb 'alā Kull Muslim Ṣadaqah*, no. hadith: 1445[221], Ṣaḥīḥ Muslim, *Kitāb al-Zakāh, Bāb Bayān anna Ism al-Ṣadaqah Yaqa' 'alā Kull Naw' min al-Ma'rūf*, no. hadith: 1008[222], Sunan al-Nasā'ī, *Kitāb al-Zakāh, Bāb Ṣadaqah al-'Abd*, no. hadith: 2538[223].

---

[218] Abū Dāwūd (1997), *op.cit.*, j. 4, h. 172.
[219] Al-Nasā'ī (t.t), *op.cit.*, h. 709.
[220] Daripada Nabi s.a.w.: "Setiap orang Islam berkewajipan untuk bersedekah", Para sahabat bertanya, "Wahai Nabi Allah! Jika tiada apa-apa?" Baginda menjawab, "Seseorang berusaha memajukan dirinya juga bersedekah", Mereka bertanya, "Jika tidak mampu ataupun tidak berbuat demikian?" Baginda menjawab, "Dia menolong orang-orang yang sangat memerlukan pertolongan", mereka bertanya lagi, "jika tidak dilakukan?" Baginda menjawab, "Dia menyuruh kepada kebaikan", Mereka bertanya lagi, Jika dia tidak melakukannya?" baginda bersabda, "Dia hendaklah mebuat kebaikan dan menahan diri dari melakukan keburukan".
Lihat H. Zainuddin Hamidy, *et. al* (2002), *op.cit.*, j. 4, h. 52.
[221] Al-Bukhārī (1980), *op.cit*, j. 1, h. 446.
[222] Muslim (2006), *op.cit.*, h. 448.
[223] Al-Nasā'ī (t.t), *op.cit.*, h. 395.

**Darjat Hadith:**

Hadith-hadith di atas terdiri daripada kumpulan hadith yang *ṣaḥīḥ* dan semua perawinya *thiqah.*

**e. Hadith Kelima:**

عَنْ عَدِيِّ بْنِ حَاتِمٍ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ذَكَرَ النَّارَ فَأَشَاحَ بِوَجْهِهِ فَتَعَوَّذَ مِنْهَا ثُمَّ ذَكَرَ النَّارَ فَأَشَاحَ بِوَجْهِهِ فَتَعَوَّذَ مِنْهَا ثُمَّ قَالَ اتَّقُوا النَّارَ وَلَوْ بِشِقِّ تَمْرَةٍ فَمَنْ لَمْ يَجِدْ فَبِكَلِمَةٍ طَيِّبَةٍ[224]

***Takhrīj* Hadith*:***

Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, *Kitāb al-Riqāq, Bāb Ṣifah al-Jannah wa al-Nār*, no. hadith: 6563[225], Ṣaḥīḥ Muslim, *Kitāb al-Zakāh, Bāb al-Ḥath 'alā al-Ṣadaqah walaw bi Shiqqi Tamrah aw bi Kalimah Tayyibah,* no. hadith: 1016[226], Sunan al-Nasā'ī, *Kitāb al-Zakāh, Bāb al-Qalīl fī al-Ṣadaqah*, no. hadith: 2553[227].

**Darjat Hadith:**

Kesemua hadith di atas *ṣaḥīḥ* dan semua perawinya *thiqah.*

**f. Hadith Keenam:**

سَعِيدُ بْنُ الْمُسَيَّبِ أَنَّهُ سَمِعَ أَبَا هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ خَيْرُ الصَّدَقَةِ مَا كَانَ عَنْ ظَهْرِ غِنًى وَابْدَأْ بِمَنْ تَعُولُ

[224] Dari 'Adī bin Ḥātim r.a. bahawa Nabi s.a.w. menyebut neraka, lalu memalingkan mukanya dan mohon berlindung daripada neraka. Kemudian Baginda menyebutnya sekali lagi, lalu memalingkan mukanya dan mohon berlindung daripadanya. Kemudian bersabda: "Peliharalah dirimu dari neraka walaupun dengan memberikan sebelah kurma. Jika siapa yang tidak mampu hendaklah dengan mengucapkan perkataan yang baik". Lihat Ma'mur Daud (2003), *op.cit.*, j. 2, h. 193.

[225] Al-Bukhārī (1980), *op.cit*, j. 4, h. 202.

[226] Muslim (2006), *op.cit.*, h. 451.

[227] Al-Nasā'ī (t.t), *op.cit.*, h. 397 dan 398.

بَاب لَا صَدَقَةَ إِلَّا عَنْ ظَهْرِ غِنًى كِتَابُ الزَّكَاةِ[228]

***Takhrīj* Hadith:**

Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, *Kitāb al-Zakāh, Bāb lā Ṣadaqah illā ‘an Ẓahr Ghinan*, no. hadith: 1426[229], Sunan Abū Dāwūd, *Kitāb al-Zakāh, Bāb fī al-Rajul Yukhrij min Mālih*, no. hadith: 1676[230], Sunan al-Nasā’ī, *Kitāb al-Zakāh, Bāb al-Ṣadaqah ‘an Ẓahr Ghinan*, no. hadith: 2534[231].

**Darjat Hadith:**

Semua hadith di atas *sahih* dan semua perawinya *thiqah*.

**g. Hadith Ketujuh:**

عَنْ الْمَعْرُورِ بْنِ سُوَيْدٍ قَالَ لَقِيتُ أَبَا ذَرٍّ بِالرَّبَذَةِ وَعَلَيْهِ حُلَّةٌ وَعَلَى غُلَامِهِ حُلَّةٌ فَسَأَلْتُهُ عَنْ ذَلِكَ فَقَالَ إِنِّي سَابَبْتُ رَجُلًا فَعَيَّرْتُهُ بِأُمِّهِ فَقَالَ لِي النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَا أَبَا ذَرٍّ أَعَيَّرْتَهُ بِأُمِّهِ إِنَّكَ امْرُؤٌ فِيكَ جَاهِلِيَّةٌ إِخْوَانُكُمْ خَوَلُكُمْ جَعَلَهُمْ اللَّهُ تَحْتَ أَيْدِيكُمْ فَمَنْ كَانَ أَخُوهُ تَحْتَ يَدِهِ فَلْيُطْعِمْهُ مِمَّا يَأْكُلُ وَلْيُلْبِسْهُ مِمَّا يَلْبَسُ وَلَا تُكَلِّفُوهُمْ مَا يَغْلِبُهُمْ فَإِنْ كَلَّفْتُمُوهُمْ فَأَعِينُوهُمْ[232]

---

[228] Daripada Abū Hurayrah r.a., daripada Nabi s.a.w., Baginda bersabda, “Sebaik-baik sedekah ialah yang diberikan oleh orang yang kaya dan mulakanlah dengan memberi kepada keluargamu”. Lihat H. Zainuddin Hamidy, *et. al* (2002), *op.cit.*, j. 4, h. 22.

[229] Al-Bukhārī (1980), *op.cit*, j. 1, h. 441.

[230] Abū Dāwūd (1997), *op.cit.*, j. 2, h. 213.

[231] Al-Nasā’ī (t.t), *op.cit.*, h. 394.

[232] Dari al-Ma‘rūr bin Suwayd, dia berkata, “Saya bertemu dengan Abū Dhar di Rabdhah dan dia memakai pakaian yang sama dengan hambanya lalu saya bertanya tentang perkara itu”. Dia menjawab, “Dahulu saya telah memaki seorang lelaki dengan mencela ibunya, lalu Rasulullah s.a.w. menegur saya seraya bersabda, “Hai Abu Dhar! Mengapa engkau mencela dia dengan memaki ibunya? Rupanya fikiran jahiliah masih tertanam dalam dirimu. Hambamu itu adalah keluargamu yang Allah jadikan dia berada di bawah tanggungjawabmu. Maka sesiapa yang mempunyai hamba di bawah tanggungannya hendaklah dia memberi makan kepadanya dari apa yang dia makan, memberi pakai dari apa yang dia pakai dan janganlah membebankan mereka dengan pekerjaan yang di luar kemampuan mereka. Jika kamu bebankan mereka dengan tugasan maka bantulah mereka”. Lihat Ma‘mur Daud (2003), *op.cit.*, j. 3, h. 227.

***Takhrīj* Hadith*:***

Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, *Kitāb al-Īmān, Bāb al-Ma'āṣī min Amr al-Jāhiliyyah wa la Yukaffar Ṣāḥibuhā*, no. hadith: 30[233], Ṣaḥīḥ Muslim, *Kitāb al-Aymān, Bāb Iṭ'ām al-Mamlūk mimmā Ya'kul wa Ilbāsuh mimmā Yalbis wa lā Yukallifhu mā Yughlibuh,* no. hadith: 1661[234], Sunan Abū Dāwūd, *Kitāb al-Adab, Bāb fī Ḥaqq al-Mamlūk*, no. hadith: 5158[235], Sunan al-Tirmidhī, *Kitāb al-Birr wa al-Ṣilah 'an Rasūl Allāh, Bāb Mā Jā'a fī al-Iḥsān ilā al-Khadam*, no. hadith: 1945[236], Sunan Ibn Mājah, *Kitāb al-Adab, Bāb al-Iḥsān Ilā al-Mamālīk*, no. hadith: 3690[237].

**Darjat Hadith:**

Hadith-hadith di atas semuanya *ṣaḥīḥ* dan perawi-perawinya *thiqah*.

**h. Hadith Kelapan:**

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ أَنْظَرَ مُعْسِرًا أَوْ وَضَعَ لَهُ أَظَلَّهُ اللَّهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ تَحْتَ ظِلِّ عَرْشِهِ يَوْمَ لَا ظِلَّ إِلَّا ظِلُّهُ

قَالَ وَفِي الْبَاب عَنْ أَبِي الْيَسَرِ وَأَبِي قَتَادَةَ وَحُذَيْفَةَ وَابْنِ مَسْعُودٍ وَعُبَادَةَ وَجَابِرٍ قَالَ أَبُو عِيسَى حَدِيثُ أَبِي هُرَيْرَةَ حَدِيثٌ حَسَنٌ صَحِيحٌ غَرِيبٌ مِنْ هَذَا الْوَجْهِ

بَاب مَا جَاءَ فِي إِنْظَارِ الْمُعْسِرِ وَالرِّفْقِ بِهِ كِتَاب الْبُيُوعِ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ[238]

[233] Al-Bukhārī (1980), *op.cit*, h. 26.
[234] Muslim (2006), *op.cit.*, j. 2, h. 787.
[235] Abū Dāwūd (1997), *op.cit.*, j. 5, h. 226 dan 227.
[236] Al- Tīrmidhī (1987), *op.cit.*, h. 334.
[237] Ibn Mājah (1998), *op.cit,* j. 5, h. 266.
[238] Daripada Abū Hurayrah, dia berkata, "Rasulullah s.a.w. bersabda, "Sesiapa yang memberi tangguh (membayar hutang) kepada orang yang kesempitan ataupun melepaskan (menghalalkannya), Allah

***Takhrīj* Hadith*:***

Sunan al-Tirmidhī, *Kitāb al-Buyū‘ ‘an Rasūl Allāh, Bāb Mā Jā’a fī Inẓār al-Mu‘sir wa al-Rifq bih,* no. hadith: 1306[239]. Sunan Ibn Mājah, *Kitāb al-Aḥkām, Bāb Inẓār al-Mu‘sir,* no. hadith: 2418[240].

**Darjat Hadith:**

Hadith daripada riwayat al-Tirmidhī adalah *ṣaḥīḥ*. Manakala hadith daripada riwayat Ibn Mājah adalah *ḍa‘īf* kerana salah seorang perawinya yang bernama Nufay‘ bin al-Ḥārith Abū Dāwūd al-Nakh‘ī seorang yang tidak dipercayai[241].

**i. Hadith Kesembilan:**

عَنْ رَافِعِ بْنِ خَدِيجٍ قَالَ سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ الْعَامِلُ عَلَى الصَّدَقَةِ بِالْحَقِّ كَالْغَازِي فِي سَبِيلِ اللَّهِ حَتَّى يَرْجِعَ إِلَى بَيْتِهِ[242]

***Takhrīj* Hadith*:***

Sunan Abū Dāwūd, *Kitāb al-Farā’iḍ*, *Bāb fī al-Si‘āyah ‘alā al-Ṣadaqah*, no. hadith: 2936[243], Sunan al-Tirmidhī, *Bāb Mā Jā’a fī al-‘Āmil ‘alā al-Ṣadaqah bi al-Ḥaqq, Kitāb al-Zakāh ‘an Rasūl Allāh*, no. hadith: 645[244], Sunan Ibn Mājah, *Kitāb al-Zakāh, Bāb Mā Jā’a fī ‘Ummāl al-Ṣadaqah*, no. hadith: 1809[245].

---

akan menaunginya di bawah naungan Arasy pada hari yang tiada naungan kecuali naungan Allah”. Lihat al-Mubārākfūrī (1995), *op.cit.*, j. 2, h. 534.

[239] Al- Tīrmidhī (1987), *op.cit.*, j. 3, h. 590.

[240] Ibn Mājah (1998), *op.cit,* j. 4, h. 74.

[241] Al-‘Asqalānī (1909), *op.cit.,* j. 10, h. 470 dan juga al-Dhahabī (t.t), *op.cit.*, j. 4, h. 272.

[242] Daripada Rāfi‘ bin Khadīj r.a., dia berkata, “Aku mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda, “Amil adalah sedekah yang sebenar, (pahalanya) ialah seperti seorang pejuang pada jalan Allah sehingga dia pulang ke rumah”. Lihat al-Sahāranfūrī (t.t), *op.cit.*, j. 7, h. 225 dan al-‘Aẓīm Ābādī (1968), *op.cit.*, j. 8, h. 155.

[243] Abū Dāwūd (1997), *op.cit.*, j. 3, h. 235.

[244] Al- Tīrmidhī (1987), *op.cit.*, h. 28.

[245] Ibn Mājah (1998), *op.cit,* j. 3, h. 271.

**Darjat Hadith:**

Hadith riwayat Abū Dāwūd *ṣaḥīḥ* manakala riwayat al-Tirmidhī dan Ibn Mājah adalah *ḥasan* melalui riwayat Rāfi‘ bin Khadīj[246] kerana ada seorang perawi hadith al-Tirmidhī yang bernama Yazīd bin ‘Iyāḍ[247] dianggap lemah oleh kebanyakan ahli hadith[248] dan perawi hadith Ibn Mājah iaitu Yūnus bin Bukayr diragui kedudukannya sebagai perawi yang *thiqah*[249]. Oleh kerana ada riwayat lain yang sahih, maka ia menyokong riwayat hadith al-Tirmidhī ḍān Ibn Mājah ini sehingga kedudukannya berubah daripada *ḍa‘īf* kepada *ḥasan.*

Walaupun prinsip-prinsip tersebut dikategorikan pada tahap yang berbeza, namun semuanya saling menguatkan di antara satu sama lain.

## 3.3 Kesimpulan

Setelah disaring, penulis dapati hanya 31 buah hadith yang sama daripada keseluruhan al-Sunan al-Sittah yang ada kaitan dengan takaful dan prinsipnya. Kesemua hadith tersebut berjumlah 96 buah dan 91 daripadanya merupakan hadith *ṣaḥīḥ* atau 95 % daripada keseluruhan hadith takaful dalam *al-Kutub al-Sittah* yang dapat dikenalpasti oleh penulis. Hadith-hadith sahih tersebut diriwayatkan oleh al-Bukhārī iaitu sebanyak 18 buah dan Muslim sebanyak 20 buah. Kedua-dua perawi ini

---

[246] Beliau ialah seorang sahabat iaitu Rāfi‘ bin Khadīj bin Rāfi‘ bin ‘Adī al-Awsī al-Anṣārī Abū ‘Abd Allāh.

[247] Beliau ialah Yazīd bin ‘Iyāḍ bin Ju‘dubah al-Laythī Abū al-Ḥakam al-Madanī. Imam al-Bukhārī, Muslim, Abū Dāwūd, al-Nasā’ī, Ibn Abī Ḥātim dan lain-lain menyatakan perlu ditinggalkan hadith yang diriwayatkan olehnya. Lihat al-‘Asqalānī (t.t), *op.cit.,* j. 4, h. 425.

[248] Al- Tīrmidhī (1987), *op.cit.,* j.2, h. 29.

[249] Beliau ialah Yūnus bin Bukayr bin Wāṣil al-Shaybānī. Para ulama berkhilaf pendapat tentangnya, ada yang menyatakannya *thiqah* dan ramai juga yang menyatakannya sebagai perawi yang lemah. Lihat al-‘Asqalānī (t.t), *op.cit.,* j. 4, h. 466 dan 467.

telah meriwayatkan hadith *ṣaḥīḥ* terbanyak daripada hadith-hadith takaful tersebut. Di samping itu, Abu Dawud telah meriwayatkan sebanyak 15 buah hadith, al-Tirmidhī, 16, al-Nasā'ī sebanyak 15 buah dan Ibn Mājah sebanyak 7 buah hadith *ṣaḥīḥ*.

Di sana juga terdapat dua buah hadith *ḥasan* yang mewakili 2 % daripada keseluruhan hadith takaful yang diriwayatkan oleh al-Tirmidhī dan Ibn Mājah. Selebihnya merupakan hadith *ḍa'īf*, iaitu kira-kira 3 % yang diwakili oleh 3 hadis sahaja dan diriwayatkan oleh Abū Dāwūd, Tirmidhī dan Ibn Mājah.

Di bawah ini disediakan jadual darjat bagi hadith-hadith takaful dan carta berkaitan.

| Kitab | Bilangan Hadith | *Ṣaḥīḥ* | *Ḥasan* | *Ḍa`īf* |
|---|---|---|---|---|
| Al-Bukhārī | 18 | 18 | - | - |
| Muslim | 20 | 20 | - | - |
| Abū Dāwūd | 16 | 15 | - | 1 |
| Al-Tirmidhī | 18 | 16 | 1 | 1 |
| Al-Nasā'ī | 15 | 15 | - | - |
| Ibn Mājah | 9 | 7 | 1 | 1 |

| Darjat Hadith | Bilangan Hadith | Peratus |
|---|---|---|
| *Ṣaḥīḥ* | 91 | 95% |
| *Ḥasan* | 2 | 2% |
| *Ḍa`īf* | 3 | 3% |

**3.3.1 Carta Keseluruhan Hadith Takaful.**



### 3.3.2 Carta Darjat Hadith Takaful




### 3.3.3 Carta Darjat Keseluruhan Hadith Takaful




### 3.3.4 Carta Hadith Takaful Mengikut Tajuk



### 3.4 Penutup

Ungkapan, “Sabda Nabi s.a.w...” kadang-kadang menjadi penyedap bicara walaupun tanpa disaring ketulenannya. Untuk mengelakkan daripada berlaku pencemaran hadith, mestilah melalui pemulihan dan ia perlu segera dilakukan oleh ulama Islam atau badan yang menaungi ajaran Islam. Antara tindakan yang perlu diambil ialah menggiatkan lagi pengajian hadith dan juga ilmu-ilmu yang berkaitan dengannya seperti ilmu *takhrīj* hadith ini. Dengan mendalami ilmu *takhrīj* hadith ini akan dapat menjamin kesuciannya kerana hadith Nabi merupakan sumber yang terpenting selepas al-Quran al-Karim yang mesti dijaga. Justeru, ia perlulah dikuasai oleh umat Islam bagi memastikan keunggulannya tetap terpelihara.

# BAB KEEMPAT

# ANALISIS HUKUM HADITH-HADITH TAKAFUL

## 4.1 Pendahuluan

Di dalam bab keempat ini, penulis lebih mengutamakan kitab-kitab syarah hadith dalam menganalisis hukum hadith-hadith takaful. Walaupun begitu, penulis tidak mengenepikan kitab-kitab *fiqh* sebagai tambahan untuk memperkayakan kefahaman penulis. Kitab-kitab tersebut dikategorikan kepada dua bahagian.

A. Kitab *Shurūḥ al-Ahadīth.*

i. Syarah *al-Kutub al-Sittah* antaranya:

a. Syarah Sahih Bukhari[250].

b. Syarah Sahih Muslim[251].

c. Syarah Sunan Abi Dawud[252].

d. Syarah Sunan al-Tirmidhi[253].

e. Syarah Sunan al-Nasa'i[254].

---

[250] Kitab karangan al-Ḥāfiẓ Aḥmad bin 'Alī bin Ḥajar al-'Asqalānī (t.t), *Fath al-Bārī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, taḥqīq* al-Shaykh 'Abd al-'Azīz bin 'Abd Allāh bin Bāz, *et. al*, 13 j., Beirut: Dār al-Ma'rifah. Abī al-Ḥasan 'Alī bin Khalaf bin 'Abd al-Malik bin Baṭṭāl (t.t), *Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, taḥqīq* Abū Tamīm Yāsir bin Ibrāhīm, 10 j., Riyadh: Maktabah al-Rushd.

[251] Dikarang oleh al-Imām Muḥyī al-Dīn Yaḥyā bin Sharaf al-Nawāwī (1929), *Ṣaḥīḥ Muslim bi Sharḥ al-Nawawī*, 9 j., c. 1, Kaherah: Maṭba'ah al-Miṣriyyah dan juga al-Imām al-Ḥāfiẓ Abī al-Faḍl 'Iyāḍ bin Mūsā bin 'Iyād al- Yaḥṣubī (1998), *Ikmāl al-Mu'lim li Fawā'id Muslim*, 9 j., c. 1, Mansurah: Dār al-Wafā'.

[252] Karangan al-'Allāmah Abī al-Tayyib Muḥammad Shams al-Haqq al-'Aẓīm Ābādī (1968), *'Awn al-Ma'būd Sharh Sunan Abī Dāwūd, taḥqīq* 'Abd al-Raḥmān Muḥammad 'Uthmān, 13 j., c. 3, Madinah: al-Maktabah al-Salafiyyah dan al-Imām al-'Allāmah al-Kabīr al-Ḥāfiẓ al-Bāri' Shaykh al-Islām Badr al-Dīn Abū Muḥammad Maḥmud bin Aḥmad bin Mūsā bin Aḥmad bin Ḥusayn al-Ḥalabī al-'Aynī (1999), *Sharh Sunan Abī Dāwūd*, 7 j., Riyadh: Maktabah al-Rushd dan juga al-'Aẓīm Ābādī (1979), *'Awn al-Ma'būd Sharh Sunan Abī Dāwūd*, 13 j., c. 3, T.T.P.: al-Maktabah al-Salafiyyah.

[253] Dikarang oleh, al-Imām al-Ḥāfiẓ Abī al-'Ulā Muḥammad 'Abd al-Raḥmān bin 'Abd al-Raḥīm al-Mubārākfūrī (1995), *Tuḥfah al-Aḥwadhī bi Sharḥ Jāmi' al-Tirmidhī, taḥqīq* 'Abd al-Raḥmān Muḥammad 'Uthmān, 5 j., Beirut: Dār al-Fikr dan juga karangan Muḥammad bin Idrīs bin 'Abd al-Ra'ūf al-Azharī al-Marbawī (t.t), *Baḥr al-Mādhī Sharḥ Mukhtaṣar Ṣaḥīḥ al-Tirmidhī*, 9 j., Beirut: Dār al-Fikr

[254] Dikarang oleh al-Ḥāfiẓ Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī (1930), *Sharḥ Sunan al-Nasā'ī wa ma'ahū Ḥāshiyah al-Imām al-Sindī*, 4 j., Beirut: Dār al-Fikr dan karangan Muḥammad ibn al-Shaykh al-'Allāmah 'Alī

ii. Kitab syuruh hadith seperti *Subul al-Salām*[255], *Nayl al-Awṭār*[256].

B. Kitab *fiqh* serta *Fatāwā*[257].

Untuk menganalisis hadith-hadith ini, penulis menggunakan metod yang dianjurkan oleh Dr. Yusuf al-Qaradawi iaitu menghimpunkan hadith-hadith yang berkaitan dalam satu tajuk[258], mentarjihkan di antara hadith-hadith yang bertentangan[259], memahami hadith melalui sebab *wurud*nya[260] sesuatu perkara serta tujuan hadith[261] dan penelitian kepada makna lafaz hadith[262].

## 4.2 Analisis Hukum Daripada Prinsip Hadith Takaful

Bab ini khusus membicarakan tentang analisis hadith-hadith yang dikelaskan sebagai hadith takaful. Walaupun hadith-hadith tersebut tidak menyebut perkataan takaful secara khusus, namun ia meliputi maksudnya secara umum. Di sini, penulis

---

bin Ādam bin Mūsa al-Ityūbī al-Wallawī (1999), *Dhakhīrah al-'Uqbā fī Sharḥ al-Mujtabā*, 20 j., Mekah: Dār Āl Burūm.

255 Kitab karangan al-Shaykh al-Imām Muḥammad bin Ismā'īl al-Amīr al-Yamanī al-Ṣan'ānī (1980), *Subul al-Salām Sharḥ Bulūgh al-Marām min Jāmi' Adillah al-Aḥkām, ta'līq* Muḥammad 'Abd al-'Azīz al-Khawlī, 4 j., Beirut: Dār al-Jīl.

256 Dikarang oleh al-Imām Muḥammad bin 'Alī bin Muḥammad al-Shawkānī (t.t), *Nayl al-Awṭār Sharḥ Muntaqā al-Akhbār min Ḥadīth Sayyid al-Akhyār*, Dicetak bersama dengan Ibn Taymiyyah, al-Imām Majd al-Dīn Abī al-Barakāt 'Abd al-Salām al-Harrānī (t.t), *al-Muntaqā,* 4 j., Beirut: Dār al-Fikr.

257 Kitab-kitab tersebut seperti yang disusun oleh Dār al-Iftā' al-Kuwaytiyyah (1986), *al-Mawsū'ah al-Fiqhiyyah*, 29 j., c, 2, Kuwait: Wizārah al-Awqāf wa al-Shu'ūn al-Islāmiyyah, al-Shaykh Jād al-Ḥaqq 'Alī Jād al-Ḥaqq, al-Shaykh Ibrāhīm al-Dusūqī, *et. al.* (1982), *al-Fatāwā al-Islāmiyyah min Dār al-Iftā' al-Miṣriyyah*, 12 j., Kaherah: al-Majlis al-A'lā li al-Shu'ūn al-Islāmiyyah Wizārah al-Awqāf , Fadilah al-Imam al-Akbar al-Shaykh Jād al-Ḥaqq 'Alī Jād al-Ḥaqq (1982), *Buhūth wa Fatāwā Islāmiyyah fī Qaḍāyā Mu'āṣarah*, 4 j., Kaherah: al-Amānah al-'Āmmah li al-Lajnah al-'Ulyā li al-Da'wah al-Islāmiyyah dan juga Jabatan Mufti Kerajaan Jabatan Perdana Menteri Negara Brunei Darussalam (2000), *Fatwa Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam: Isu-isu Keewangan*, Kuala Lumpur: MK Print Sdn Bhd.

258 Yusuf al-Qaradawi (1996), Huda Mohsin dan Jawiah Dakir (terj.), *Bagaimana Berinteraksi Dengan al-Sunnah*, c.2, Kuala Lumpur: Budaya Ilmu Sdn Bhd, h. 125 hingga 232.

259 Ibid, h. 140.

260 Sebab dinyatakan sesuatu hadith.

261 Yusuf al-Qaradawi (1996), *op.cit.*, h. 156.

262 Ibid, h. 232.

menyatakan beberapa permasalahan yang dibincangkan oleh ulama-ulama menerusi kitab-kitab yang telah disebutkan di atas.

### 4.2.1 Prinsip Jaminan (الضَّمَانُ وَالْكَفَالَةُ)[263]

*Al-Ḍamān wa al-Kafālah* maknanya ialah bertanggungjawab, berjanji dan menjamin[264]. Para ulama mentakrifkannya sebagai menghimpunkan hak penjamin kepada orang yang dijamin bagi menjamin sesuatu perkara yang hak[265]. Jaminan pada asalnya adalah ketentuan yang ditetapkan bagi menjamin kebajikan umat Islam yang memerlukan bantuan seperti yang telah diamalkan oleh Rasulullah[266].

Berdasarkan hadith-hadith dalam prinsip ini, penulis dapat mengenalpasti dan menyenaraikan beberapa jenis jaminan. Jaminan utama ialah sebagaimana yang telah dijanjikan oleh Rasulullah s.a.w. di dalam hadith di atas. Manakala jaminan selanjutnya adalah yang dikeluarkan daripada hadith-hadith yang dikumpulkan dan ia dapat disusun dalam senarai berikut iaitu saling bekerjasama (التَّعَاوُنُ الْجَمَاعِيْ), jaminan saling bertanggungjawab (تَحَمُّلُ الْمَسْؤُوْلِيَّة), jaminan saling melindungi(الْحِمَايَةُ وَ التَّحَامِيْ)

---

[263] Sa‘dī Abū Jayb (1982), *op.cit.*, h. 322.
[264] Alā’ al-Dīn Maḥmūd Za‘tarī (1996), *al-Nuqūd Waẓā’ifuhā al-Asāsiyyah wa Aḥkamuhā al-Shar‘iyyah*, c. 1, Damsyiq: Dār Qutaybah, h. 260.
[265] Muḥammad Husayn Manṣūr (t.t), *Mabādi’ Qānun al-Ta’mīn*, Iskandariah: Dār al-Jāmi‘ah al-Jadīdah, h. 32. Lihat juga Za‘tarī (1996), *op.cit.*, h. 260
[266] Sebagaimana hadith pertama daripada prinsip ini.

dan jaminan keselamatan (ضَمَانُ الأَمْنِ) [267]. Kesemua jaminan tersebut diletakkan di bawah satu perbahasan iaitu *al-ḍamān wa al-kafālah*. Berpandukan hadith-hadith prinsip ini bolehlah disimpulkan beberapa perkara.

**4.2.1.1 Rukun Jaminan**

Rukun jaminan secara umumnya ada tiga[268].

a. Penjamin (الْكَفِيْلِ)

Penjamin ialah orang yang memegang suatu ketetapan dan sanggup menanggung atau memenuhi keperluan orang yang dijamin sebagai tanggungjawabnya.

Ia telah dinyatakan dalam hadith pertama daripada prinsip ini iaitu tentang orang yang menjadi tanggungan Nabi s.a.w.[269]. Makna '*awla*' menunjukkan bahawa Nabi s.a.w. menjadi orang yang bertanggungjawab terhadap ahli keluarga si mati yang tidak berkemampuan[270]. Menunaikan hutang[271] si mati menjadi

---

267 Kesemua hadith-hadith yang berkaitan telah penulis nyatakan dalam Bab Ketiga. Lihat juga bab *al-ḍamān* dalam Ibn Qudāmah al-Maqdisī (1999), *op.cit.*, j. 12, h. 541dan juga 'Alī bin Muḥammad al-Jum'ah (2000), *op.cit.*, h. 437.

268 Lihat Ḥasan Ayyūb (2003), *op.cit.*, h. 455-471, 'Alī bin Muḥammad al-Jum'ah (2000), *op.cit.* dan juga Muḥammad 'Imārah (1993), *Qāmūs al-Muṣṭalaḥāt al-Iqtiṣādiyyah fī al-Ḥaḍārah al-Islāmiyyah*, Beirut: Dār al-Shurūq, h. 484. Ada juga ulama yang membahagikannya kepada lima rukun iaitu ditambah orang yang menuntut (الْمَكْفُوْلُ عَنْهُ) dan bukti (kenyataan) perjanjian (الصِّيْغَة). Lihat al-Shaykh Muḥammad al-Khaṭīb al-Sharbīnī (1978), *Mughnī al-Muḥtaj ilā Ma'rifah Ma'ānī al-Minhāj*, j. 2, Beirut: Dār al-Fikr, h. 198. Sulaymān al-Bujayrimī (1981), *op.cit.*, j. 8, h. 174 dan juga Muṣṭafā al-Khin *et al* (1989), *op.cit*, j. 2, h. 123 hingga 128. 'Alī bin Muḥammad al-Jum'ah (2000), *op.cit.*, h. 436.

269 Al-Nawawī (1998), *op.cit.*, j. 6, h. 2.

270 Al-'Aẓīm Ābādī (1968), *op.cit.*, j. 6, h. 432.
Al-Imām Abī al-Ḥasan al-Ḥanafī al-Sindī (1996), Ḥāshiah al-Sindī 'alā Ibn Mājah, Beirut: Dār al-Ma'rifah,

271 Ia merupakan akad *tabarru'* walaupun boleh menuntut bayarannya kembali. Lihat al-Shaykh Sulaymān al- Bujayrimī(t.t), *Ḥāshiyah al-Bujayrimī 'alā Sharḥ Manhaj al-Ṭullāb al-Musammāh al-Tajrīd li Naf' al-'Abīd*, Dicetak bersama dengan al-Marṣafī, al-Shaykh al-Kabīr Muḥammad, *al-Taqrīr,* j. 3, Beirut: Dār Ṣādir, h. 25.

*khaṣā'iṣ*[272] Nabi s.a.w. dan tidak diwajibkan ke atas ketua negara selain baginda. Ada juga ulama yang menyatakan wajib ditunaikan oleh pemimpin Islam dan ia boleh diambil daripada baitul mal[273] iaitu pendapat Ibn Baṭṭāl[274] dan al-Rāfi'ī[275]. Imam Ibn al-Jazarī menyatakan dalam kitab al-Nihāyah bahawa ketua negara hanya menjamin keselamatan rakyat bukan menjamin hutang[276].

b. Orang yang dijamin (الْمَكْفُوْلُ لَهُ)

Jaminan tidak dikhususkan kepada individu atau kelompok tertentu sahaja[277]. Ia termasuk orang Islam dan juga orang yang bukan Islam[278] yang bernaung dan taat setia di bawah pemerintahan Islam. Mereka juga diberi keistimewaan sebagaimana rakyat yang beragama Islam[279]. Menurut pendapat Dr. Yūsuf al-Qaraḍāwī, penganut fahaman komunis tidak

---

272 Keistimewaan.
273 Al-Imām Abī al-Ḥasan al-Ḥanafī al-Sindī (1994),*Sunan al-Nasā'ī bi Sharḥ al-Ḥāfiẓ Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī, Ḥāsyiah al-Imām al-Sindī*, c. 3, j. 3, Beirut: Dār al-Ma'rifah, h. 47.
274 Salah seorang yang mensyarahkan kitab Ṣaḥīḥ al-Bukhārī. Beliau ialah al-'Allāmah Abū al-Ḥasan 'Alī bin Khalaf bin Baṭṭāl al-Bakrī al-Qurṭubī. Beliau meninggal dunia pada tahun 449 H.
275 Al-Ṣan'ānī (1980), *op.cit*., j. 4, h. 260.
276 Al-Mubārākfūrī (1995), *op.cit.,* j. 1, h. 613.
277 Al-Marbawī (t.t), *op.cit.*, j. 7, h. 110.
278 Hadithnya ialah:

حَدَّثَنَا قَيْسُ بْنُ حَفْصٍ حَدَّثَنَا عَبْدُ الْوَاحِدِ حَدَّثَنَا الْحَسَنُ بْنُ عَمْرٍو حَدَّثَنَا مُجَاهِدٌ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ مَنْ قَتَلَ مُعَاهَدًا لَمْ يَرِحْ رَائِحَةَ الْجَنَّةِ وَإِنَّ رِيحَهَا تُوجَدُ مِنْ مَسِيرَةِ أَرْبَعِينَ عَامًا

Daripada 'Abd Allah bin 'Amr r.a., Nabi s.a.w. bersabda, "Sesiapa yang membunuh orang kafir mu'āhad (dhimmī), maka dia tidak akan mencium bau syurga. Sesungguhnya bau syurga itu boleh dicapai dengan perjalanan empat puluh tahun".
Lihat al-'Asqalānī (t.t) *op.cit.*, h. 259.
279 Bassām Dāwūd 'Ijik (1998), *al-Ḥiwār al-Islāmī al-Masīḥī*, c. 1, Beirut: Dār Qutaybah, h. 34 hingga 54. Lihat juga Wahbah al-Zuḥaylī (1997), *op.cit.*, j. 8, h. 6394.

termasuk dalam kategori ini dan mereka tidak dianggap sebagai *ahl al-dhimmah*[280].

c. Barang Jaminan. (الْمَكْفُوْلُ بِهِ)

Barang jaminan samada ia berbentuk abstrak seperti nyawa, maruah, aurat (keaiban), keturunan dan sebagainya atau ia berbentuk benda seperti harta, pinjaman, hutang dan sebagainya. Penjamin boleh memberi balik kepada pihak ketiga dengan bayaran yang sama atau lebih baik daripada apa yang diberikan oleh pihak ketiga kepada orang yang dijamin[281]. Antara pokok permasalahan ini ialah tentang jaminan untuk membayar hutang. Imam Nawawī menjelaskan bahawa dalam mazhab Syafii terdapat dua pendapat tentang menunaikan hutang dan ia juga pendapat al-Qādī ‘Iyāḍ. Pendapat yang pertama menyatakan hutang wajib ditunaikan dengan bantuan baitul mal jika si mati tidak meninggalkan harta. Manakala pendapat yang kedua tidak mengharuskannya[282].

#### 4.2.1.2 Bentuk Jaminan

Menurut hadith-hadith yang dinyatakan dalam bab ketiga, bentuk jaminan boleh dibahagikan kepada beberapa kategori.

---

280 Yusuf al-Qaradawi (1994), Sidi Ahmad et.al (terj.), *Fatwa Masa Kini*, Kuala Lumpur: Pustaka Salam, j. 2, h. 452-458.

281 Semua ulama bersependapat tentang perkara ini. Lihat al-‘Asqalānī (t.t), *op.cit.*, j. 7, h. 262. Lihat juga Muḥammad Husayn Manṣūr (t.t), *Mabādi’ Qānun al-Ta’mīn*, Iskandariah: Dār al-Jāmi‘ah al-Jadīdah, h. 32 dan Rafīq Yūnus al-Miṣrī (2001), *al-Khaṭar wa al-Ta’mīn: Hal al-Ta’mīn al-Tijārī Jā’iz Shar‘an*, Damsyik: Dār al-Qalam, h. 34.

282 Al-‘Asqalānī (t.t), *op.cit.* j. 12, h. 235. Lihat juga al-Nawāwī (1929), *op.cit,* j. 11, h. 60 dan 61.

a. Jaminan membayar hutang

فَمَنْ مَاتَ وَعَلَيْهِ دَيْنٌ وَلَمْ يَتْرُكْ وَفَاءً فَعَلَيْنَا قَضَاؤُه[283]

b. Jaminan memberi pinjaman

أَرْبَعُونَ خَصْلَةً أَعْلَاهُنَّ مَنِيحَةُ الْعَنْزِ[284]

c. Memberi pertolongan (bekerjasama)

إِنَّ الْمُؤْمِنَ لِلْمُؤْمِنِ كَالْبُنْيَانِ يَشُدُّ بَعْضُهُ بَعْضًا[285]

Ibn Baṭṭāl menyatakan bahawa tolong menolong dalam urusan dunia dan akhirat adalah digalakkan[286]. Wajib menjaga kepentingan orang-orang Islam, mengasihi mereka serta berlemah-lembut dan menolong mereka pada perkara yang tidak dilarang atau perkara dosa[287].

d. Jaminan untuk saling bertanggungjawab

الدِّينُ النَّصِيحَةُ قُلْنَا لِمَنْ قَالَ لِلَّهِ وَلِكِتَابِهِ وَلِرَسُولِهِ وَلِأَئِمَّةِ الْمُسْلِمِينَ وَعَامَّتِهِمْ[288]

e. Jaminan menjaga maruah

سِبَابُ الْمُسْلِمِ فُسُوقٌ وَقِتَالُهُ كُفْرٌ[289]

---

[283] Lihat halaman 33, hadith pertama.
[284] Halaman 34, hadith pertama.
[285] Halaman 39, hadith ketiga.
[286] Al-Imām al-Ḥāfiẓ Aḥmad bin ʻAlī bin Ḥajar al-ʻAsqalānī (2000), *Fatḥ al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Riyadh: Dār al-Salām, j. 17, h. 173. Al-Mubārakfūrī (1995), *op.cit.*, j. 5, h. 152.
[287] Al- Nawawī (1929), *op.cit*, j. 8, h. 394.
Al-Mubārakfūrī (1995), *op.cit.* j. 5, h. 152.
[288] Halaman 36, hadith ketiga.
[289] Halaman 46, hadith ketiga.

f. Memberi perlindungan

ابْغُونِي الضُّعَفَاءَ فَإِنَّمَا تُرْزَقُونَ وَتُنْصَرُونَ بِضُعَفَائِكُمْ[290]

Bersikap baik dan tolong menolong walaupun berlainan agama. Al-Khaṭṭābī[291] menyatakan tolong menolong yang utama adalah menjaga kepentingan orang Islam dan jangan menghampakan mereka[292].

g. Menjaga keselamatan

الْمُسْلِمُ مَنْ سَلِمَ الْمُسْلِمُونَ مِنْ لِسَانِهِ وَيَدِهِ[293]

h. Memenuhi keperluan

وَمَنْ كَانَ فِي حَاجَةِ أَخِيهِ كَانَ اللَّهُ فِي حَاجَتِهِ[294]

Di dalam Islam, *al-mu'ākhāh* berlaku dua kali iaitu sebelum dan selepas hijrah[295]. Yang pertama ialah persaudaraan antara golongan yang lemah dengan orang-orang yang dihormati di Mekah dan yang kedua ialah persaudaraan antara Muhajirin dan Ansar.

#### 4.2.1.3 Prinsip Yang Digunakan Oleh Pengamal Takaful

Selain itu, pengamal takaful juga sering mengemukakan dua permasalahan yang kebiasaannya dijadikan hujah dalam amalan takaful sekarang iaitu *al-qasāmah* dan

---

[290] Halaman 43, hadith keempat.
[291] Al-Imām al-'Allāmah al-Ḥafiẓ al-Lughawī Abū Sulaymān Ḥamd bin Muḥammad bin Ibrāhīm bin Khaṭṭāb al-Bustī al-Khaṭṭābī, beliau meninggal dunia pada tahun 388 H.
[292] Lihat al-'Aẓīm Ābādī (1968), j. 7, h. 426.
[293] Halaman 45, hadith pertama.
[294] Halaman 47, hadith pertama.
[295] Al-'Asqalānī (t.t), *op.cit*, j. 6, h. 236.

*al-'āqilah*. Penulis merasakan ia perlu diketengahkan di sini kerana perkara ini juga termasuk dalam permasalahan *al-ḍamān* dan *al-kafālah.*

### 4.2.1.3.1 Prinsip *al-Qasāmah*

*Al-Qasāmah* menurut bahasa ialah *al-aymān*[296]*, al-yamīn*[297] dan *al-ḥalf*[298]*, al-qismah*[299] yang bererti sumpah. Ia adalah satu permasalahan yang ditimbulkan apabila tuduhan membunuh ditujukan kepada mana-mana kumpulan secara umum tanpa ditentukan siapa pembunuhnya kerana tidak dapat dipastikan[300]. Untuk mensabitkan kesalahan itu, orang yang mendakwa mesti bersumpah[301] dan hendaklah membawa pewaris si mati seramai lima puluh orang. Jika tidak cukup, mereka mestilah bersumpah sebanyak lima puluh kali[302]. Orang-orang yang didakwa pula mesti bersumpah sebanyak lima puluh kali juga untuk membatalkan tuduhan tersebut[303] dan tiada sebarang tindakan atau denda yang dikenakan terhadap mereka[304]. Ia salah satu daripada amalan pada zaman

---

[296] Al-'Asqalānī (t.t), *ibid.*, j. 12, h. 231. Al-'Aẓīm Ābādī (1968), *op.cit,* j. 12, h. 241.Al-Mubārākfūrī (1995), *op.cit.,* j. 2, h. 682. Al-Ṣan'ānī (1980), *op.cit.,* j. 3, h. 1221. Al-Shawkānī (t.t), *op.cit.*, j. 7, h. 184.

[297] Al-Suyūṭī (1930), *op.cit.*, j. 6, h. 281. al-Wallawī (1999), *op.cit,* j. 18, h. 352.

[298] Al-'Asqalānī (1991), *op.cit.* j. 12, h. 231 dan Al-Suyūṭī (1930), *op.cit.,* j. 6, h. 281.

[299] Al-'Asqalānī (1991), *op.cit.* Ia bermaksud pembahagian.

[300] Al-'Asqalānī (t.t), *op.cit.*j. 6, h. 236, al-Mubārākfūrī (1995), *op.cit,* j. 2, h. 682, al-'Aẓīm Ābādī (1968), *op.cit,* h. 241 dan 242. Lihat juga al-Ṣan'ānī (1980), *op.cit*., j. 3, h. 1221.

[301] Pendapat Imam Mālik, Imam Syāfi'ī dan Imam Aḥmad. Pendapat ini juga dipilih oleh Ibn Qudāmah dan pengikut mazhab Ḥanafī. Imam al-Qurṭubī berpendapat asal sumpah itu adalah dimestikan terhadap yang didakwa, tetapi kes *al-qasāmah* ini adalah khusus dan tersendiri yang menuntut pendakwa supaya bersumpah. Tetapi ahli Kufah, kebanyakan ahli Basrah dan juga sesetengah ahli Madinah serta Imam al-Awzā'ī berpendapat sebaliknya. Lihat al-'Asqalānī (t.t),*op.cit.,* dan al-'Aẓīm Ābādī (1968), *op.cit.,* j. 7, h. 426.

[302] Ini adalah pendapat jumhur ulama. Menurut pendapat Mu'awiyah, sumpah boleh dikurangkan daripada lima puluh.

[303] Terdapat kekhilafan di kalangan ulama, antara mereka yang mengatakan orang yang mendakwa yang mesti bersumpah. Manakala pendapat yang lain pula menyatakan bahawa orang yang didakwa mesti melafazkan sumpah. Lihat al-'Asqalānī (t.t), *op.cit.,* j. 6, h. 236 , al-Nawāwī (1929), *op.*cit, h. 144, al-'Aẓīm Ābādī (1968), *op.cit*, h. 242 dan al-Mubārākfūrī (1995), *op.cit,* h. 682 dan 683.

[304] Al-'Asqalānī (t.t), *op.cit.,* j. 6, h. 236 dan juga al-Shawkānī (t.t), *op.cit,* j. 7, h. 186.

jahiliah yang diakui oleh Islam kerana ia boleh menyekat daripada berlakunya pertumpahan darah serta menggambarkan suatu tanggungjawab yang dipikul dalam sesebuah masyarakat. Daripada prinsip *al-Qasāmah* ini, dapat dibuat kesimpulan bahawa setiap anggota dalam sesuatu kumpulan mestilah sama-sama menanggung dan saling bantu membantu untuk menyelesaikan sesuatu permasalahan.

### i. Permasalahan yang menjadi kekhilafan dalam *al-Qasāmah*

Terdapat kekhilafan yang berlaku dalam masalah *al-Qasāmah* yang menjadi perbahasan di kalangan ulama. Antara permasalahan tersebut ialah:

A. Penerimaan *al-Qasāmah* sebagai hukum.

Terdapat dua pendapat dalam masalah ini iaitu pendapat yang menerima dan pendapat yang menolaknya sebagai salah satu hukum dalam Islam. Sememangnya *al-Qasāmah* ini adalah amalan jahiliah yang pernah diakui dan diamalkan oleh Nabi s.a.w. berdasarkan satu peristiwa yang berlaku. Peristiwa ini dinyatakan sepenuhnya dalam Ṣaḥīḥ al-Bukhārī dan Sunan al-Tirmidhī[305].

---

[305] Lihat juga al-Qādī ‘Iyāḍ (1998), *op.cit.*, j. 5, h. 448. Matan hadith tersebut berbunyi:

خَرَجَ عَبْدُ اللَّهِ بْنُ سَهْلِ بْنِ زَيْدٍ وَمُحَيِّصَةُ بْنُ مَسْعُودِ بْنِ زَيْدٍ حَتَّى إِذَا كَانَا بِخَيْبَرَ تَفَرَّقَا فِي بَعْضِ مَا هُنَاكَ ثُمَّ إِنَّ مُحَيِّصَةَ وَجَدَ عَبْدَ اللَّهِ بْنَ سَهْلٍ قَتِيلًا قَدْ قُتِلَ فَدَفَنَهُ ثُمَّ أَقْبَلَ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ هُوَ وَحُوَيِّصَةُ بْنُ مَسْعُودٍ وَعَبْدُ الرَّحْمَنِ بْنُ سَهْلٍ وَكَانَ أَصْغَرَ الْقَوْمِ ذَهَبَ عَبْدُ الرَّحْمَنِ لِيَتَكَلَّمَ قَبْلَ صَاحِبَيْهِ قَالَ لَهُ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَبِّرْ لِلْكُبْرِ فَصَمَتَ وَتَكَلَّمَ صَاحِبَاهُ ثُمَّ تَكَلَّمَ مَعَهُمَا فَذَكَرُوا لِرَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَقْتَلَ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ سَهْلٍ فَقَالَ لَهُمْ أَتَحْلِفُونَ خَمْسِينَ يَمِينًا فَتَسْتَحِقُّونَ صَاحِبَكُمْ أَوْ قَاتِلَكُمْ قَالُوا وَكَيْفَ نَحْلِفُ وَلَمْ نَشْهَدْ قَالَ فَتُبْرِئُكُمْ يَهُودُ بِخَمْسِينَ يَمِينًا قَالُوا وَكَيْفَ نَقْبَلُ أَيْمَانَ قَوْمٍ كُفَّارٍ فَلَمَّا رَأَى ذَلِكَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَعْطَى عَقْلَهُ

Maksudnya: ‘Abd Allāh bin Sahl bin Zayd dan Muhayyisah bin Mas‘ud bin Zayd keluar ke Khaybar lalu mereka berpisah. Selepas itu Muhayyisah mendapati ‘Abd Allah bin Sahl dibunuh kemudian dia

a. Pendapat yang menerima *al-Qasāmah.*

Antara mereka adalah al-Khulafā' al-Rāshidīn dan kebanyakan ulama termasuklah al-Qāḍī 'Iyāḍ[306] menyatakan ia adalah satu rukun yang dapat menjaga maslahah umum. Begitu juga imam-imam mazhab empat, mereka juga berpendapat sedemikian kerana ia terdapat dalam hadith Nabi s.a.w. sebagai hukuman yang dilaksanakan pada masa itu.

b. Pendapat yang menolak *al-Qasāmah.*

Antara mereka yang menolaknya pula ialah al-Ḥakam bin 'Utaybah[307], Abū Qilābah[308], Sālim bin 'Abd Allāh[309], Sulaymān bin Yasār[310], Qatādah[311], Muslim bin Khālid[312], Ibrāhīm bin 'Ulayyah[313], Khalīfah

---

mengebumikan jenazahnya. Lalu dia, Huwayyisah bin Mas'ud serta Abd al-Rahman bin Sahl mengadap Rasulullah s.a.w. Abd al-Raḥmān mula berucap sedangkan dia adalah orang yang paling muda antara mereka bertiga. Rasulullah s.a.w. bersabda: "Seelok-eloknya orang yang lebih tua bercakap... Seelok-eloknya orang yang lebih tua". Kemudian kedua-dua temannya itu bercakap sambil dia juga menyertainya dan diberitahu tentang pembunuhan 'Abd Allāh bin Sahl. Baginda bersabda: "Adakah kamu sanggup bersumpah sebanyak lima puluh kali?". Mereka menjawab, "Bagaimana kami bersumpah sedangkan kami tidak menyaksikannya sendiri". Nabi bersabda' "Kalau begitu orang-orang Yahudi itu mesti bersumpah untuk menyelesaikannya". Mereka berkata, "Kami tidak menerima sumpah orang-orang kafir". Kemudian Rasulullah memberi *diyah*(pampasan) kepada mereka (yang diambil daripada baitul mal).

306 Al-'Asqalānī (t.t), *op.cit.,* j. 12, h. 231. Al-Qādī 'Iyāḍ ialah Abū al-Fadl 'Iyāḍ bin 'Īsā bin 'Amr bin Mūsā bin 'Iyāḍ al-Yaḥṣubī al-Andalūsī salah seorang yang mensyarahkan kitab Ṣaḥīḥ Muslim.

307 Salah seorang tabi'in, beliau ialah Abū Muḥammad al-Kindī, seorang yang sangat alim di Kufah. Beliau meninggal dunia pada tahun 114H.

308 Beliau ialah 'Abd Allāh bin Zayd bin 'Amr al-Jurmī al-Biṣrī Shaykh al-Islām, merupakan seorang tabi'in yang disegani dan sering memberi pendapat apabila ditanya oleh Khalifah 'Umar bin 'Abd al-'Azīz. Beliau meninggal dunia pada tahun 104 atau 105 H.

309 Beliau ialah Abū 'Umar Sālim bin 'Abd Allāh bin 'Umar bin al-Khaṭṭāb mufti Madinah. Seorang tabi'in dan beliau juga adalah cucu Khalifah yang kedua selepas kewafatan Rasulullah s.a.w. Beliau meninggal dunia pada tahun 106 H.

310 Beliau ialah Abū Ayyūb Sulaymān bin Yasār al-Madanī mawlā umm al-mu'minīn Maymūnah al-Hilāliyyah merupakan seorang yang sangat alim di kota Madinah. Beliau dilahirkan pada zaman pemerintahan 'Uthman bin 'Affan dan meninggal dunia pada tahun 94 atau 100 H.

311 Qatādah bin Da'āmah Abū al-Khaṭṭāb al-Sadūsī al-Biṣrī seorang tabi'in yang sangat terkenal dalam bidang tafsir dan hadith. Beliau meninggal dunia pada tahun 118 H.

312 Beliau ialah Muslim bin Khālid al-Zanjī. Imām al-Bukhārī menyatakannya daripada kalangan perawi yang *ḍa'īf.* Beliau dilahirkan pada tahun 110 H dan meninggal dunia di Basrah pada tahun 182 H.

313 Abū Bishr Ibrāhīm bin 'Ulayyah al-Asadī. Beliau meninggal di Basrah pada tahun 198 H.

'Umar bin 'Abd al-'Azīz dan Imam al-Bukhārī lebih menyetujui pendapat ini[314].

Masalah *al-Qasāmah* merupakan salah satu permasalahan yang menjadi khilaf di kalangan ulama. Antara mereka ada yang menerima amalan ini dan ada pula yang menolaknya. Walaupun begitu, Nabi s.a.w. pernah menjadi penjamin bagi membayar *diyah* dalam masalah ini.

Hikmah daripada perlaksanaan hukum ini adalah untuk mengelak daripada berlakunya masalah yang lebih besar seperti pertumpahan darah yang tidak dapat dibendung dan juga dapat mengubat duka ahli keluarga yang ditimpa musibah.

**ii. Perincian Prinsip *al-Qasāmah*.**

a. Prinsip ini berkaitan dengan *diyah*. Antara hikmah *diya*h ialah menghiburkan hati waris mangsa. *Diyah* yang diperuntukkan kepada keluarga si mati boleh dikatakan sebagai ganti rugi dan juga pengalas bebanan dan kesedihan mereka. Sistem ini diambil oleh takaful dan dibuat penyelarasan supaya boleh digunakan dengan tujuan untuk mengurangkan bebanan keluarga si mati. Membawa sistem ini ke dalam takaful diharap menjamin pembayaran bagi individu atau keluarga yang ditimpa musibah[315] mengikut syarat-syarat perjanjian yang telah ditetapkan.

b. Hukum *al-Qasāmah* ini hanya diambil sebahagian elemennya sahaja iaitu penyertaan setiap ahli sesuatu kumpulan dalam menyelesaikan sesuatu

[314] Al-'Asqalānī (t.t), *op.cit.,* j. 12, h. 231, h. 232 dan al-Ṣan'ānī (1980), *op.cit.*
[315] Lihat 'Asqalānī (t.t), *ibid.*, h. 238.

permasalahan yang timbul. Ini merupakan antara prinsip takaful yang menjadi asas dalam perjanjian.

c. *Al-Qasāmah* adalah antara amalan pada zaman jahiliah yang diterima Rasulullah ketika baginda memerintah Madinah. Kebanyakan ulama termasuk para sahabat menerima amalan ini sebagai hukum, tetapi ada juga yang tidak menerimanya. Mungkin kerana banyak kekacauan yang berlaku menyebabkan ada ulama yang menolak hukum ini atas dasar *sadd al-dharī'ah*[316] kerana ia boleh menyebabkan berlaku penipuan[317].

d. Secara umumnya prinsip *al-Qasāmah* ini berkaitan dengan perlaksanaan hukuman jenayah, namun ia dijadikan antara hujah takaful yang menggambarkan jaminan kerjasama dalam sesuatu kumpulan.

#### 4.2.1.3.2 Prinsip *al-'Āqilah*

*Al-'Āqilah* bermaksud *dāfi' al-diyah*[318] atau *al-'aṣabah*[319]. Ia merupakan satu istilah yang digunakan bagi satu-satu keluarga yang bersepakat untuk menjelaskan *diyah al-khaṭa'*[320]. Pada asalnya, perkataan *al-'Āqilah* diambil

---

[316] *Sadd al-dharī'ah atau al-dharāi'* merupakan satu aplikasi dalam ilmu Usul Fiqh yang menekankan pengamalan atau tidak sesuatu hukum itu menepati maslahah tanpa menolak asal syarak dan menolak kemudaratan. Lihat Ashraf Ṭāhā Abū al-Dahab (2002),*op.cit.*, h. 315.

[317] Berikut adalah pandangan 'Umar bin 'Abd al-'Azīz yang menafikan hukuman ini dalam pemasalahan mangsa yang ditemui berhampiran rumah penjual minyak sapi di Basrah, lalu dia menulis kepada gabenornya 'Adī bin Arṭāh:

إِنْ وَجَدَ أَصْحَابُهُ بَيِّنَةً وَإِلَّا فَلَا تَظْلِمْ النَّاسَ فَإِنَّ هَذَا لَا يُقْضَى فِيهِ إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ

Bermaksud: "(Jalankan hukuman) jika terdapat bukti. Jikalau tidak, janganlah kamu menzalimi manusia kerana hukuman seperti ini tidak dapat diselesaikan sehingga hari kiamat".
Lihat al-'Asqalānī (t.t) *op.cit.*, j. 12, h. 229.

[318] Al-'Asqalānī (t.t), *ibid.*, h. 246. Ia bermaksud orang yang membayar diyat. Lihat juga al-Mubārākfūrī (1995), *op.cit.,* j. 4, h. 645.

[319] Maksudnya waris keluarga yang terdekat.Lihat al-Ṣan'ānī (1980), *op.cit.*, h. 1196. Ibn Manẓūr al-Afrīqī al-Miṣrī (t.t), *op.cit.*, j. 11, h. 458.

[320] *Diyah al-khaṭa'* merupakan denda yang dikenakan kepada penjenayah yang membunuh tanpa niat atau tersalah bunuh. Denda yang disepakati oleh ulama ialah sebanyak seratus ekor unta atau seribu

daripada perkataan *'aqlan* iaitu unta yang digunakan sebagai penebus si mati yang diikat di halaman waris si mati. Oleh kerana perkataan itu kerap disebut, lalu ia dijadikan sebagai istilah bagi denda yang mesti dibayar. Jika unta tiada, maka *al-'aṣabah* atau waris penjenayah tersebut mesti menjadi penjamin untuk membayar denda tersebut[321]. Prinsip *al-'Āqilah* digunapakai dalam takaful untuk menggambarkan kerjasama yang perlu dibuat oleh ahli sesuatu kumpulan terutamanya untuk menyelesaikan sesuatu masalah khususnya yang menjamin kebajikan mereka sendiri.

Ini merupakan aturan syarak bagi menjamin kerukunan dalam sesebuah masyarakat. Apabila timbul permasalahan seperti ini, Islam menggesa penyertaan semua ahli keluarga atau kabilah untuk sama-sama membantu menyelesaikan sesuatu masalah dengan baik. Prinsip *al-'Āqilah* ini digunapakai dalam takaful untuk menggambarkan persefahaman dan pengorbanan sesuatu kumpulan dalam menampung kesusahan yang menimpa salah seorang individu dalam kumpulan tersebut.

**i. Permasalahan Yang Menjadi Kekhilafan Dalam *al-Āqilah.***

Para ulama berselisih pendapat tentang beberapa permasalahan dalam *al-Āqilah.*

A. Permasalahan tentang siapa yang dipertanggungjawabkan untuk membayar denda.

---

dinar emas. Satu dinar menyamai 4.25 gram dan ia ditanggung oleh penjenayah dan ahli keluarganya (*'āqilah*). Lihat Jād al-Ḥaqq, *et. al.* (1982), j. 6, h. 22.

[321] 'Asqalānī (t.t) *op.cit.*, h. 246 dan al-Mubārākfūrī (1995),*op.cit.,* j. 4, h. 645.

a. Pendapat yang mengatakan *al-'aṣabah* atau kaum keluarga sahaja.

Pendapat ini berpandukan hadith Nabi s.a.w. yang menyatakan bahawa *diyah* itu menjadi tanggungjawab *al-'Āqilah. Al-Āqilah* ialah ialah saudara mara di sebelah bapa iaitu *'aṣabah*[322] menurut pendapat Imam Malik dan Syafii[323] ataupun keluarga yang paling dekat[324].

b. Pendapat yang mengatakan penjenayah mesti bertanggungjawab terhadap jenayah yang dilakukannya.

*Diyah* mestilah diambil daripada harta penjenayah. Pendapat ini berdalilkan kepada firman Allah Ta'ala:

وَلَا تَزِرُ وَازِرَةٌ وِزۡرَ أُخۡرَىٰۚ

Maksudnya: "Dan seseorang tidak akan memikul dosa perbuatan orang lain (bahkan dosa usahanya sahaja)".

Surah al-An'am (6):164.

Sabda Nabi s.a.w.:

وَعَنْ أَبِي رِمْثَةَ قَالَ : أَتَيْت النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
وَمَعِي ابْنِي، فَقَالَ : مَنْ هَذَا ؟ فَقُلْت : ابْنِي وَأَشْهَدُ بِهِ ،
فَقَالَ : أَمَا إِنَّهُ لَا يَجْنِي عَلَيْك ، وَلَا تَجْنِي عَلَيْهِ.
رَوَاهُ النَّسَائِيّ وَأَبُو دَاوُد ، وَصَحَّحَهُ ابْنُ خُزَيْمَةَ وَابْنُ الْجَارُودِ.

---

[322]*Al-'Aṣabah* ialah waris yang menerima semua baki harta pusaka setelah di agihkan secara fardu atau orang yang mewarisi semua harta si mati yang ketiadaan waris seperti ayah dan juga anak. *Al-'aṣabah* juga merupakan istilah yang digunapakai terhadap wali seseorang iaitu bapa serta nenek-moyangnya, anak serta cucu-cicitnya, bapa saudara di sebelah bapa serta keturunannya dan adik beradik lelaki serta keturunannya. Lihat Ibn Manẓūr al-Afrīqī al-Miṣrī (t.t), *op.cit.*, j. 1, h. 602.

[323] Lihat al-Mubārākfūrī (1995), *op.cit.*, j. 4, h. 645 dan al-Shawkānī (t.t), *op.cit,* h. 244.

[324] Al-'Asqalānī (t.t) *op.cit*, h. 253.

Dan juga sabda Nabi s.a.w.:

وَأَخْرَجَهُ أَبُو دَاوُد وَالتِّرْمِذِيُّ وَابْنُ مَاجَهْ مِنْ حَدِيث عَمْرِو بْنِ الْأَحْوَصِ أَنَّهُ شَهِدَ حَجَّةَ الْوَدَاعِ مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، فَقَالَ: لَا يَجْنِي جَانٍ إلَّا عَلَى نَفْسِهِ ، وَلَا يَجْنِي جَانٍ عَلَى وَلَدِهِ.[325]

Antara mereka yang berpendapat sedemikian ialah al-Aṣam[326], Ibn ‘Ulayyah[327] dan sesetengah golongan Khawarij[328].

B. Siapakah *al-‘Āqilah*

a. *Al-‘Aqilah* ialah *al-‘aṣabah* mengikut hadith di atas[329]. Ini merupakan amalan pada zaman Rasulullah.

b. Pendapat yang kedua ialah *ahl al-dīwān*[330] sebagaimana yang telah diamalkan pada zaman Sayyidina Umar al-Khattab dan seterusnya diikuti oleh Uthman dan Ali[331]. Pendapat ini disokong oleh Imam Abū Ḥanīfah.

---

325 Al-Ṣan‘ānī (1980), *op.cit.*, h. 435. al-Shawkānī (t.t), *op.cit,* h. 245.

326 Abū Bakr al-Aṣam al-Mu‘tazilī, meninggal dunia pada tahun 201 H.

327 Beliau ialah Abū Bishr Ismā‘īl bin Ibrāhīm bin Muqsim al-Asadī, meninggal dunia pada tahun 193 H.

328 Al-Shawkānī (t.t), *op.cit*, h. 180.

329 Ia merupakan pendapat Imam Syafii, lihat Ibn Qudāmah al-Maqdisī (1999), *op.cit.*, j. 12, h. 42. *Al-‘Āqilah* termasuk kaum keluarga yang berkemampuan, lihat Miṣrī, Rafīq Yūnus al- (2001), *op.cit.*, h. 34.

330 Tentera yang terdapat dalam sesebuah negeri atau orang yang berkemampuan di kalangan rakyat seperti ahli perniagaan. Lihat Dār al-Iftā’ al-Kuwaytiyyah (1986), *al-Mawsū‘ah al-Fiqhiyyah*, c, 2, Kuwait: Wizārah al-Awqāf wa al-Shu’ūn al-Islāmiyyah, j. 7, h. 119-120.

331 ‘Asqalānī (t.t) *op.cit.*, h. 290. Lihat juga Ibn Qudāmah al-Maqdisī (1999), *op.cit.*, j. 12, h. 42 dan Yusuf al-Qaradawi (1996), Huda Mohsin dan Jawiah Dakir (terj.), *op.cit.*, h. 169 dan 170.

C. Masa yang diperlukan untuk menyelesaikan *diyah*[332].

Imam Ahmad dan Ishak[333] sependapat bahawa *diyah* mesti diselesaikan dalam masa tiga tahun berpandukan apa yang dilaksanakan ketika pemerintahan Khalifah 'Umar bin al-Khattab[334]. Pendapat ini juga disokong oleh Imam al-Syafii[335]

Imam Rabī'ah melanjutkan pembayaran *diyah* sehingga lima tahun[336].

D. Adakah *diyah* satu gantirugi?

*Diyah* merupakan perkara yang wajib ditunaikan kepada pihak waris si mati dalam masalah bunuh. Hukumnya sahih dalam al-Quran dan al-sunnah dengan kadar yang ditetapkan mengikut kategori jenayah.

Persoalan yang ditimbulkan, adakah diyah boleh dianggap sebagai gantirugi? Imam Ibn Hajar menganggap ia sebagai ganti rugi bagi jiwa yang terkorban[337].

**ii. Perincian Prinsip *al-'Āqilah***

a. *Al-Āqilah* merupakan prinsip saling bantu membantu yang diperkenalkan dalam Takaful untuk memudahkan proses memberi bantuan.

b. Penyertaan semua pihak dalam sesuatu kumpulan menitikberatkan rasa tanggungjawab yang dituntut oleh Islam sebagai salah satu bentuk pertolongan ke arah kebaikan.

---

332 Penulis menyertakan permasalahan ini kerana ia boleh dijadikan sandaran bagi tempoh bayaran pampasan bagi orang yang ditimpa musibah.
333 Isḥāk bin Rāhawayh, beliau dilahirkan pada tahun 161 H.
334 Al-Mubārākfūrī (1995), *op.cit.,* 645 dan 646.
335 Al-Shawkānī (t.t), *op.cit*, h. 248.
336 *Ibid.*
337 Al-'Asqalānī (t.t) *op.cit.*, h. 187 dan 188.

c. Adalah menjadi kesalahan bagi individu yang berada dalam sesuatu kumpulan untuk lepas tangan jika berlaku sesuatu masalah.

d. Secara umum, hukum ini berkaitan dengan jenayah, namun ia dijadikan prinsip oleh pengamal Takaful untuk menggambarkan bantuan dan kerjasama anggota setiap kumpulan dalam menyelesaikan setiap masalah.

e. Ijmak fuqaha dalam menerima hukum ini tanpa khilaf dan ia menjadi amalan sejak zaman Nabi s.a.w. sehingga kini dan kita dapat melihat ia diamalkan di negara-negara teluk[338].

Adakah pembayaran *diyah* atau denda boleh disamakan dengan ganti rugi atau pampasan yang dibayar Takaful kepada pencarumnya?

Oleh kerana kerana Takaful adalah baru, penulis beranggapan bahawa pampasan daripada Takaful adalah termasuk dalam jaminan *al-ḍamān wa al-kafālah* yang tidak berkait dengan *diyah*, ia berikutan perjanjian yang dibuat di antara dua belah pihak. *Al-Qasāmah* dan *al-'Āqilah* adalah masalah yang berkaitan dengan jaminan dalam kes jenayah pembunuhan.

Bagi prinsip ini secara keseluruhannya, penulis menyimpulkan bahawa *al-ḍamān* dan *al-kafālah* adalah jaminan yang menyeluruh serta mencakupi semua perkara. Manakala *al-qasāmah* dan *al-'āqilah* pula jaminan yang mencakupi permasalahan *diyah* sahaja. Namun begitu kedua-duanya ada kaitan dari segi jaminan sebagai penyelesaian bagi sesuatu permasalahan.

---

338 Rafīq Yūnus al-Miṣrī (2001), *op.cit.*, h. 44 dan lihat juga Dār al-Iftā' al-Kuwaytiyyah (1986), *op.cit.*, j. 29, h. 221.

### 4.2.2 Prinsip Kebajikan (التَّضَامُنُ الْخَيْرِي)[339]

Menjaga kebajikan sangat dituntut sehinggakan Islam mewajibkan zakat kepada orang yang mampu daripada lebihan harta mereka. Selain itu Islam juga menggalakkan pemberian sunat sebagai kebajikan tambahan bagi orang-orang yang berkemampuan dan juga orang-orang kurang mampu[340].

#### 4.2.2.1 Pengorbanan(التَّضْحِيَة) dalam *Al-Ṣadaqah* dan *al-Tabarru'*(الصَّدَقَةُ وَ التَبَرُّعُ)

*Al-Ṣadaqah*[341] atau *al-tabarru'*[342] pada bahasa ialah *al-hibah*[343], *al-minḥah*[344] dan *al-mu'āṭāh*[345] iaitu pemberian. Ia dikategorikan sama seperti *al-waṣiyyah* dan *al-waqf* yang bermaksud memberi sesuatu tanpa mengharapkan balasan[346] dengan hasrat berbuat kebajikan[347] atau memberi sesuatu yang tidak diwajibkan tanpa diminta[348].

**i. Rukun *Ṣadaqah* dan *Hibah*[349]**

a. Orang yang memberi (الْوَاهِب)

b. Orang yang diberikan sesuatu kepadanya (الْمَوْهُوْبُ لَه)

---

339 Lihat al-Zuḥaylī (1997), *op.cit.*, h. 6397.
340 Za'tarī (1996), *op.cit.*, h. 84 hingga 87.
341 Ibn Baṭṭāl (t.t), *op.cit.,* j. 7, h. 96. Ia bermaksud pemberian dan perkataan ini umumnya biasa digunakan pada perkara yang berbentuk pemberian. Lihat juga al-Mubārākfūrī (1995), *op.cit,* j. 3, h. 86 dan al-Shawkānī (t.t), *op.cit,* j.2, h. 99.
342 Ibn Baṭṭāl (t.t), *op.cit.,* j. 7, h. 96.
343 Al-Wallawī (1999), *op.cit.,* j. 15, h. 207.
344 Al-Mubārākfūrī (1995), *op.cit,* j. 3, h. 90.
345 Al-Ṣan'ānī (1980), *op.cit*, h. 937. Ibn Manẓūr al-Afrīqī al-Miṣrī (t.t), *op.cit.*, j. 8, h. 8.
346 Al-Wallawī (1999), *op.cit.* j. 15, h. 207.
347 Dār al-Iftā' al-Kuwaytiyyah (1986), *al-Mawsū'ah al-Fiqhiyyah*, c, 2, Kuwait: Wizārah al-Awqāf wa al-Shu'ūn al-Islāmiyyah, j. 10, h. 65.
348 Ibn Manẓūr (t.t), *op. cit.* Lihat juga al-Nawawī (t.t), *op.cit.*, j. 16, h. 340.
349 Shihāb al-Dīn Aḥmad bin Idrīs al-Qarāfī (1994), *al-Dhakhīrah*, j. 6, Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmī, , h. 223-228.

c. Sesuatu pemberian (الْمَوْهُوْب)

d. Pernyataan atau transaksi (السَّبَبُ النَّاقِل/ الصِّيْغَة)

Terdapat hadith yang menyebut tentang pemberian yang dibalas oleh Nabi dengan balasan setimpal ataupun lebih baik daripadanya iaitu *al-'iwaḍ*[350]. Ia menimbulkan perselisihan pendapat di kalangan ulama dalam menentukan hukum yang berkaitan dengannya.

**ii. Permasalahan Yang Menjadi Kekhilafan Dalam *al-Ṣadaqah.***

Dalam permasalahan ini terdapat kekhilafan yang berlaku di kalangan ulama. Perselisihan pendapat ini hanya tertumpu kepada hukum yang berkait secara langsung dengan *al-ṣadaqah* (*al-tabarru'*) kerana ijmak menerimanya lebih-lebih lagi terdapat hadith-hadith yang banyak yang menggesa untuk bertabarru'. Antara perbincangan ulama ialah tentang:

A. Permasalahan *al-'iwaḍ.*

Permasalahan ini ditimbulkan apabila didapati hadith Nabi s.a.w. yang menyatakan tentang *al-'iwaḍ*. Antara hadith-hadith tersebut ialah:

عَنْ عَائشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا قَالَتْ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقْبَلُ الْهَدِيَّةَ وَيُثِيبُ عَلَيْهَا [351]

[350] Ganjaran ataupun balasan dari pemberian yang diterima.

[351] Al-Bukhārī (1980), *op.cit*, j. 2, h. 232, Abū Dāwūd (1997), *op.cit.*, j. 3, h. 517 dan al-Tīrmidhī (1987), *op.cit.*, j. 4, h. 338.

Maksudnya:

Daripada 'Ā'ishah r.a. berkata, Nabi s.a.w. menerima hadiah dan dia membalasnya kembali. Lihat al-Ṣan'ānī (1980), *op.cit*, h. 940.

Daripada hadith di atas, para ulama berselisih pendapat tentang penerimaan dan penolakan *al-‘iwaḍ* ini.

a. Pendapat yang mengharuskan *al-‘iwaḍ*.

Mereka berpandangan bahawa jika *al-tabarru‘* atau *al-hibah* itu semata-mata pemberian maka sekurang-kurangnya ia harus dibalas dengan balasan yang setimpal ataupun lebih baik. Mengikut pandangan sesetengah ulama dalam mazhab Maliki, wajib diberikan *al-‘iwaḍ* kerana hadith di atas yang membuktikan bahawa ia kebiasaan yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w.[352] namun, sesuatu pemberian kerana menuntut pahala tidak perlu diberi *al-‘iwaḍ*[353]. Ia juga merupakan pendapat Imam al-Syafii yang terdahulu[354]. Mereka menambah, jika sesuatu pemberian yang tidak diharapkan balasan, itu dinamakan *ṣadaqah* kerana kebiasaan bagi orang yang memberi pasti akan mengharapkan balasan lebih-lebih lagi pemberian itu datangnya daripada seorang yang kurang berkemampuan. Namun hukum *al-‘iwaḍ* ini tidak tertakluk kepada pemberian orang kaya terhadap orang miskin berdasarkan pandangan ulama-ulama yang mengharuskannya[355].

---

[352] Lihat al-Mubārākfūrī (1995), *op.cit.,* h. 86, al-Ṣan‘ānī (1980), *op.cit.*, h. 940 dan al-Shawkānī (t.t), *op.cit.*, j. 9, h. 215.

[353] Abū al-Walīd Sulaymān bin Khalaf al-Bājī (1984), *al-Muntaqā Sharḥ Muwaṭṭa' Imām Mālik*, j. 6, c. 4, Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabī, h. 111.

[354] Istilahnya, "*Qawl al-Shāfi‘ī fi al-qadīm*". Lihat Ibn Baṭṭāl (t.t), *op.cit.,* j. 7, h. 96. dan al-Mubārākfūrī (1995), *op.cit.,* h. 86. Dibolehkan mengambil upah (*al-mukāfa'ah*) daripada *al-tabarru‘,* lihat al-‘Aẓīm Ābādī (1968), *op.cit.*, j. 9, h. 451-452.

[355] Lihat Ibn Baṭṭāl (t.t), *op.cit.*, j. 7, h. 96 dan al-Mubārākfūrī (1995), *op.cit.,* h. 86.

b. Pendapat yang menolak *al-'iwaḍ*.

Para ulama yang menolak *al-'iwaḍ* pula berpandangan bahawa ia tidak sah diamalkan kerana balasan atau *al-'iwaḍ* yang diwajibkan daripada sesuatu pemberian itu menggambarkan bentuk muamalah seolah-olah ia merupakan akad dalam sesuatu perniagaan iaitu berjual beli dengan nilaian atau tukaran yang tidak pasti. Pendapat ini dipilih oleh ulama-ulama dari mazhab al-Ḥanafī dan pendapat Imam al-Syafii yang terkemudian[356]. *Al-'Iwaḍ* ini tidak diakui kerana asal makna pemberian itu adalah *al-tabarru'* dan jika diwajibkan *al-'iwaḍ* nescaya balasan itu menjadi akad *al-mu'āwaḍah*[357] yang tidak sah lagi dinamakan pemberian[358].

B. Adakah dibolehkan *al-tabarru'* bagi orang yang tidak cukup keperluan?

Berpandukan hadith Nabi s.a.w. yang bermaksud, "Sebaik-baik sedekah ialah daripada orang yang berkemampuan"[359]. Para ulama berselisih pendapat tentang tabarru' daripada fakir atau miskin kerana boleh jadi dia berhajat kepada apa yang diberikan itu. Imam Ibn Ḥajar al-'Asqalānī menyatakan tidak sah *tabarru*' daripada orang yang dibebani hutang[360].

---

356 Atau "*Qawl al-Shāfi'ī fi al-jadīd*". Lihat Ibn Baṭṭāl (t.t), *op.cit.,* j. 7, h. 96. dan al-Mubārākfūrī (1995), *op.cit.*, h. 86.

357 Al-Mu'āwaḍah bermaksud akad yang dijadikan persetujuan untuk menukar barang yang berlainan atau *al-hudnah*. Lihat Ashraf Ṭāhā Abū al-Dahab (2002), *op.cit.,* h. 594.

358 Lihat Ibn Baṭṭāl (t.t), *op.cit.*, j. 7, h. 96, al-Ṣan'ānī (1980), *op.cit.*, h. 940 dan 941 dan juga al-Shawkānī (t.t), *op.cit,* j. 6, h. 109. Jād al-Ḥaqq, al-Shaykh Jād al-Ḥaqq 'Alī, al-Shaykh Ibrāhīm al-Dusūqī, *et. al.* (1982), *op.cit.*, j. 7, h. 2329.

359 Lihat *takhrīj*nya dalam Bab Ketiga, hadith keenam, h. 55.

360 Lihat al-'Asqalānī (t.t) *op.cit.*, j. 5, h. 25.

C. *Al-Tabarru'* yang dikenakan secara perjanjian.

Hukum al-tabarru' adalah sunat dan tidak ditentukan kadarnya. Namun dalam sistem takaful terdapat prinsip yang dinamakan *al-tabarru'*. Tetapi tabarru' dalam takaful dimestikan pemberiannya setiap bulan dengan kadar yang disepakati bersama di antara pencarum dan pengurus Takaful. *Al-Tabarru'* merupakan salah satu kaedah yang disyorkan dalam Islam untuk bantu membantu tanpa paksaan. Tetapi timbul persoalan yang berkaitan dengan perkara ini jika ia dijadikan ketetapan dengan kadar yang dijanjikan. Perkara ini merupakan permasalahan yang baru yang perlu diberi perhatian dan ia boleh dilihat menerusi dua perkara.

a. Tabarru' secara berkala setiap bulan

Permasalahan ini boleh dikaitkan dengan kisah *Ḥadīth a-Ifk* ketika Abu Bakar telah menahan perbelanjaan yang selalu diberikan kepada sepupu di sebelah ibunya Misṭaḥ bin Athāthah yang miskin, lalu Allah menegur perbuatan beliau tersebut[361]. Daripada kisah ini boleh disimpulkan bahawa pemberian yang sunat boleh bertukar menjadi wajib jika ia diperlukan.

b. Ketetapan kadar setiap bulan

Permuafakatan seperti ini diharuskan oleh syarak[362]. Walaupun pada asalnya ia merupakan *tabarru'* yang sunat, tetapi menyediakan aset yang boleh menjamin kehidupan masyarakat adalah wajib[363].

---

[361] Ibn Kathīr, al-Imām al-Ḥāfiẓ 'Imād al-Dīn Abū al-Fidā' Ismā'īl bin Kathīr al-Qurashī al-Dimashqī (2000), *Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓīm*, *taḥqīq* Muṣṭafā al-Sayyid Muḥammad, *et.al.,* j. 10, Kaherah: Mu'assasah Qarṭabah, h. 197 dan 198.
[362] Alā' al-Dīn Maḥmūd Za'tarī (1996), *op.cit*, h. 480.

D. Meminta kembali pemberian yang telah diberikan.

Ulama berbeza pendapat tentang perkara ini.

a. Pendapat yang menolak perkara ini ialah pendapat al-Syafii berpandukan hadith, "Sesiapa yang meminta kembali apa yang diberikannya seperti anjing yang menjilat muntahnya"[364].

b. Pendapat yang mengharuskan iaitu pendapat Imam Abu Hanifah yang mengatakan hadith tersebut melarang kerana meminta kembali barang yang telah diberi menunjukkan sifat yang buruk dan bukanlah larangan itu bermakna haram[365].

Prinsip kebajikan ini berlatarbelakangkan *al-tabarru'*, tetapi dalam pengamalan takaful sekarang ia dikaitkan dengan perkataan bersyarat. Menurut pengamal takaful, *tabarru'* bersyarat ini tidak menggambarkan *tabarru'* yang diketahui umum tetapi ia lebih kepada pemahaman luaran terhadap maksud *tabarru'* itu sendiri. Contohnya perkataan *al-khashyah* yang diertikan sebagai takut tetapi maksudnya lebih daripada itu dan ia berbeza dengan *al-khawf* [366]. Ini mungkin kerana tiada perkataan khusus yang boleh dijadikan sandaran maka perkataan *tabarru*' digunakan.

Walaupun begitu, pemberian bersyarat dianggap boleh diterima jika ia tidak membebankan dan menyusahkan penyumbangnya. Sepertimana prinsip muamalah

---

[363] Muḥammad Abū Zahrah (t.t.), *Tanẓīm al-Islām li al-Mujtama'*, Kaherah: Dār al-Fikr al-'Arabī, h. 160.
[364] Lihat al-Wallawī (1999), *op.cit.,* j. 15, h. 224 dan juga h. 219.
[365] 'Abd al-Ghanī al-Ghunaymī al-Dimashqī al-Maydānī (1993), *Kashf al-Iltibās 'Ammā Awradahū al-Imām al-Bukhārī 'alā Ba'ḍ al-Nās*, Aleppo: Maktab al-Maṭbu'āt al-Islāmiyyah, h. 91-92.
[366] Bermakna takut.

Islam yang umum iaitu mengelak penindasan[367]. Jika berlaku sebarang penindasan maka setiap akad dihukumkan tidak sah dan akan terbatal dengan sendirinya[368]. Selagi sistem takaful ini tidak merujuk kepada muamalah perniagaan, secara umumnya ia dianggap bersih daripada sumber yang diragukan.

## 4.3 Kesimpulan

Menurut hemat penulis, prinsip-prinsip yang digunapakai dalam muamalah takaful pada hari ini tidak bercanggah dengan kehendak syarak kerana prinsip-prinsip asas yang diketengahkan adalah selari dengan dalil yang pasti sebagaimana yang telah dinyatakan dalam bab ketiga dan keempat. Perkataan takaful walaupun sukar dicapai dalam perbendaharaaan *ma'ājim* secara khusus, namun ia lebih tertumpu kepada makna *al-ḍamān wa al-kafālah* yang menggambarkan perihal saling tolong menolong dan bertanggungjawab secara umumnya. Tetapi takaful pada hari ini hanya menyentuh secara khusus dalam bidang kewangan sahaja daripada skop *al-ḍamān wa al-kafālah* yang umum.

## 4.4 Penutup

Musibah yang menimpa umat Islam kini memperlihatkan kurangnya pembelaan yang dilakukan terhadap mereka oleh mana-mana pihak. Agama meletakkan daruriyyat sebagai perkara yang utama dan ia perlu dijaga sebaik mungkin. Ketika wujudnya kerajaan Islam, sejarah menunjukkan keutamaan tersebut telah dijaga dengan rapi. Justeru, pada zaman kemunduran umat Islam kini, satu badan yang menjaga

---

367 Rafīq Yūnus al-Miṣrī (2001), *op.cit.*, h. 38.
368 Lihat Jabatan Mufti Kerajaan Jabatan Perdana Menteri Negara Brunei Darussalam (2000), *op.cit.*, h. 505-508 dan juga Muḥammad Husayn Manṣūr (t.t), *op.cit.*, h. 60.

kebajikan mereka mesti ditubuhkan walaupun tidak bernama takaful agar dapat menjaga kebajikan umat Islam keseluruhannya.

# BAB KELIMA

# PENUTUP

## 5.1 Pendahuluan

Bab ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bahagian pertama mengandungi rumusan dapatan kajian yang diperolehi daripada penganalisaan data. Manakala bahagian kedua pula mengandungi saranan-saranan hasil daripada kajian yang dilakukan oleh penulis.

## 5.2 Rumusan

Daripada analisis data yang dilakukan oleh penulis, beberapa rumusan boleh disimpulkan iaitu :-

- Hadith Nabi s.a.w merangkumi pelbagai aspek kehidupan dunia dan akhirat. Penumpuan hadith takaful adalah antara galakan untuk menjaga kebajikan umat Islam supaya lebih terjamin dan ia mencakupi lapangan hidup di dunia dan mendapat ganjaran di akhirat.

- *Takhrīj* merupakan satu kaedah bagi mengenalpasti sumber dan darjat sesebuah hadith. Ini secara tidak langsung dapat dijadikan satu panduan umum bagi mengelak daripada penggunaan hadith yang diragui kesahihannya terutama dalam persoalan akidah.

- *Al-Kutub al-Sittah* ialah enam buah kitab hadith yang utama iaitu *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, *Ṣaḥīḥ Muslim, Sunan Abī Dāwūd, Sunan al-Tirmidhī, Sunan al-Nasā'ī* serta *Sunan Ibn Mājah* dan setiap satu mempunyai keistimewaannya yang tersendiri. Ia juga dikenali dengan *al-Sunan al-Sittah.*

- Bagi memahami hadith takaful dengan lebih mendalam, selain menggunakan *shurūh al-ḥadīth,* seseorang itu perlu juga merujuk kepada kitab-kitab *fiqh* bagi mendapat gambaran dan kefahaman yang lebih jelas dan tepat.

- Terdapat di antara hadith takaful yang dikemukakan adalah hadith *ḍa'īf* dan ia dihukum sebagai *ḍa'īf* kerana seorang periwayat dalam rantaian sanad dituduh sebagai penipu.

- Terdapat perbezaan penggunaan *takhrīj* di kalangan ahli hadith dan ahli *fiqh* kerana perbezaan kefahaman mereka terhadap makna perkataan. Menurut ahli hadith, *takhrīj* ialah menyatakan sumber sesebuah hadith serta mengetengahkan darjatnya. Ahli *fiqh* pula berpendapat bahawa *takhrīj* ialah mengeluarkan hukum terhadap permasalahan baru berpandukan hukum sebelumnya.

- Makna *takhrīj* hadith di kalangan ulama mempunyai beberapa definisi. Setiap definisi yang diberikan adalah mengikut kefahaman serta aplikasi mereka terhadap *takhrīj.* Definisi yang digunapakai sekarang ialah menyebut hadith-hadith yang dinyatakan oleh seseorang imam hadith serta menjelaskan darjatnya.

- Proses *takhrīj ḥadīth* dapat dipermudahkan dengan menggunakan perisian-perisian komputer yang terdapat di pasaran atau di laman-laman web. Walaupun begitu, merujuk kepada kitab asal lebih terjamin kesahihannya.

- Pengaplikasian ilmu *takhrīj* hadith perlu diketengahkan supaya umat Islam sedar tentang nilai sesebuah hadith yang dikemukakan.

- Dengan menggunakan ilmu *takhrīj*, seseorang dapat membuat penilaian terhadap sanad dari pelbagai sumber, selain dapat membantu kita mengenalpasti kekuatan dan kelemahan serta darjat sesebuah hadith. Ia juga dapat membantu seseorang pengkaji mengesan kelemahan seseorang perawi dan kecacatan yang terdapat dalam sesebuah hadith.

- Penulis dapati hanya sebanyak 31 teks hadith yang sama daripada keseluruhan *al-Kutub al-Sittah* yang ada kaitan dengan takaful dan prinsipnya. Kesemua hadith tersebut berjumlah 96 buah daripada semua kitab Sunan tersebut. Ia terdiri daripada 91 buah hadith *ṣaḥīḥ*, 2 buah hadith *ḥasan* dan 3 buah hadith *ḍa'īf*.

- Tidak banyak kajian tentang takaful atau insuran Islam yang meletakkan dasar perbahasannya dengan memberi tumpuan terhadap hadith serta men*takhrīj*kannya. Kebanyakannya lebih cenderung kepada perbahasan konsep dan meletakkan tumpuan utama terhadap kajian tentang perlaksanaan takaful di syarikat-syarikat dan institusi kewangan.

- Masih banyak lagi aspek dalam takaful yang tidak dibincangkan di sini. Kajian penulis hanya berkisar tentang prinsip takaful yang menjadi dasar utama pelaksanaannya.

- Takaful yang ada sekarang adalah instrumen baru dalam muamalah Islam yang menggabungkan antara *al-ḍamān, al-kafālah* dan *al-tabarru'*.

- Penggunaan perkataan *al-takāful* tidak terdapat dalam penggunaan orang Arab mahupun dalam kamus-kamus serta kitab-kitab dahulu. Ia hanya dikenali sebagai *al-ḍamān* dan *al-kafālah*. Perkataan takaful hanya dimasyhurkan serta digunakan pada masa kini.

- Terdapat beberapa ayat al-Quran yang menyebut tentang takaful walaupun melalui mafhumnya sahaja termasuklah hadith Nabi s.a.w. yang mengakui pengamalan takaful tersebut.

- Ajaran Islam sentiasa menggalakkan penganutnya supaya saling bantu-membantu. Ia tersirat dalam pengertian prinsip takaful, dimana penjamin sanggup menolong saudaranya yang tidak berkemampuan dengan menyalurkan bantuan seperti dorongan, kewangan dan sebagainya mengikut kemampuan.

- Terdapat dua prinsip takaful yang utama iaitu prinsip jaminan dan kebajikan. Gabungan kedua-dua prinsip ini akan melahirkan satu institusi kewangan yang berteraskan perkongsian serta bantuan.

## 5.3 Cadangan

Hasil daripada kesimpulan yang dibuat, penulis ingin mengemukakan beberapa cadangan seperti berikut:

- Ilmu hadith perlu dimasyhurkan kembali termasuklah ilmu *takhrīj* dan ilmu *rijāl* sebagaimana ia dahulu dimasyhurkan sehingga dianggap sebagai ilmu teras oleh kebanyakan ulama.

- Perbanyakkan rujukan tentang hadith serta ilmu yang berkaitan dengannya termasuk al-Quran di perpustakaan awam negeri-negeri.

- Membuat *dawrah al-hadīth* sebagaimana yang dilaksanakan di negara-negara yang mempunyai ramai ilmuwan yang tinggi pengetahuannya tentang hadith.

- Pelbagaikan terjemahan terhadap kitab-kitab hadith seperti kitab *Ṣaḥīḥ*, *Sunan*, *Musnad*, *Muṣannaf*, *Mustakhraj*, *Mustadrak* dan sebagainya.

- Perbanyakkan terjemahan kitab-kitab hadith dalam bahasa Melayu kerana di Malaysia sangat ketandusan bahan terjemahan seperti ini.

- Alim ulama pada masa akan datang diharap agar lebih produktif dalam menghasilkan karya ilmiah khususnya dalam bidang hadith.

- Taraf pendidikan memerlukan penambahbaikan lebih-lebih lagi yang melibatkan pelajar-pelajar sekolah rendah. Dengan program j-QAF yang dilaksanakan di sekolah rendah diharapkan dapat mengetengahkan serta memperkenalkan pengajian hadith dalam pendidikan Islam sebagai perintis bagi pengkhususan matapelajaran hadith di masa akan datang.

- Menubuhkan sebuah institusi hadith di negara ini.

- Penulis mencadangkan agar jawatankuasa Fatwa Kebangsaan membuat satu resolusi yang meyakinkan tentang sesuatu permasalahan termasuk takaful supaya semua rakyat  mengetahui hasil perbincangan yang disepakati.

- Menggalakkan pembinaan laman web *takhrīj* hadith yang mudah dicapai oleh semua pengguna samada ia milik persendirian, badan-badan kerajaan atau bukan kerajaan seperti IKIM, JAKIM, Jabatan Mufti dan sebagainya.

- Perlu diwujudkan satu perisian komputer yang mampu men*takhrīj* secara lengkap dan tepat semua hadith Nabi s.a.w.

- Institusi Takaful juga patut dikendalikan oleh pihak pemerintah kerana ia berkaitan dengan kebajikan untuk rakyat. Jika pihak pemerintah mengendalikannya, ia lebih mudah untuk membangkitkan kesedaran rakyat terhadap kepentingan sistem ini.

- Menjadikan institusi takaful sebagai penjamin kebajikan semua sebagaimana yang diamalkan pada zaman Rasulullah serta al-Khulafā’ al-Rāshidīn dan tidak terhad kepada individu tertentu sahaja.

- Pusat zakat di setiap negeri boleh berperanan sebagai institusi takaful yang berkesan dan ia akan menampakkan ketelusan dalam pengurusan wang zakat yang ditunaikan oleh semua umat Islam.

- Institusi Takaful perlu diperbanyakkan samada melalui pihak pemerintah atau agensi swasta supaya dengan kepelbagaian ini boleh menutup ruang-ruang syubhah dalam institusi insuran dalam negara ini.

- Satu badan yang menjaga kebajikan umat Islam perlu ditubuhkan samada daripada pihak pemerintah sendiri ataupun gabungan pihak pemerintah dengan pertubuhan bukan kerajaan.

- Umat Islam mesti kembali kepada sumber Islam yang asal iaitu al-Quran dan al-Sunnah dalam segala urusan kehidupan kerana kedua-duanya memenuhi keperluan semasa di dunia dan di akhirat.

## BIBLIOGRAFI

### Rujukan Bahasa Arab


*Al-Qur'ān al-Karīm bi Rasm al-'Uthmānī*, Damsyik: Dār al-Rashīd.

'Abd al-Salām Muḥammad Hārun (1989), *al-Alif al-Mukhtārah min Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, j. 2, c. 2, Kaherah: Maktabah al-Khanjī.

'Abd Allāh Nāṣiḥ ʿUlwān (1983), *al-Takāful al-Ijtimāʿī fi al-Islām*, c. 4, Kaherah: Dār al-Salām.

Abī Bakr bin Muḥammad al-Ḥusaynī al-Ḥiṣnī al-Dimashqī al-Shāfi'ī Al-Imām Taqī al-Dīn (2001), *Kifāyah al-Akhyār fī Ḥall Ghāyah al-Ikhtiṣār*, *taḥqīq* Kāmil Muḥammad Muḥammad 'Uwayṣah, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah

'Alūsh, 'Abd al-Salām Muḥammad (1995), *'Ilm Zawā'id al-Ḥadīth: Dirāsah wa Manhaj wa Muṣannafāt*, Beirut: Dār Ibn Ḥazm.

'Ānī, Ruwaylid bin Ḥaṣan al- (1999), *Manhaj Dirāsah al-Asānīd wa al-Ḥukm 'alayhā*, c. 2. Amman: Dār al-Nafā'is, h. 198.

'Asqalānī, Abī al-Faḍl Shihāb al-Dīn Aḥmad bin 'Alī al-Ma'rūf bi Ibn Ḥajar al- (1991), *Fath al-Bārī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, taḥqīq* al-Shaykh 'Abd al-'Azīz bin 'Abd Allāh bin Bāz, 17 j., Beirut: Dār al-Fikr.

_________________ (t.t), *Fath al-Bārī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, taḥqīq* al-Shaykh 'Abd al-'Azīz bin 'Abd Allāh bin Bāz, *et. al*, 13 j., Beirut: Dār al-Ma'rifah.

_________________ (t.t), *Tahdhīb al-Tahdhīb*, *taḥqīq* Ibrāhīm al-Zībaq, *et.al.*, 4 j., Beirut: Mu'assasah al-Risālah.

__________________ (1909), *Tahdhīb al-Tahdhīb*, 12 j., Hiderabad: Majlis Dā'irah al-Ma'ārif al-Niẓāmiyyah al-Kā'inah.

_________________ (1982), *al-Qawl al-Musaddad fī al-Dhabb 'an al-Musnad al-Imām Aḥmad*, Dicetak bersama dengan al-Hindī, Muḥammad Ṣibghah Allāh al-Madrāsī (1982), *Dhayl al-Qawl al-Musaddad fī al-Dhabb 'an al-Musnad al-Imām Aḥmad*,c. 4, Riyadh: Maktabah al-Ma'ārif.

'Aynī, Abū Muḥammad Maḥmud bin Aḥmad bin Mūsā bin Aḥmad bin Ḥusayn al-Ḥalabī al- (t.t), *'Umdah al-Qārī Sharh Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 12 j., Beirut: Dār al-Fikr.

________________ (1999), *Sharh Sunan Abī Dāwūd*, 7 j., Riyadh: Maktabah al-Rushd.

‘Aẓīm Ābādī, Abī al-Tayyib Muḥammad Shams al-Haqq al- (1968), *‘Awn al-Ma‘būd Sharh Sunan Abī Dāwūd, taḥqīq* ‘Abd al-Raḥmān Muḥammad ‘Uthmān, 13 j., c. 3, Madinah: al-Maktabah al-Salafiyyah.

‘Abd al-Mahdī, Abū Muḥammad bin ‘Abd al-Qādir bin ‘Abd al-Hādī (1987), *Ṭuruq Takhrīj Ḥadīth Rasūl Allāh Ṣallā Allāh ‘alayhi wa Sallam*. Kaherah: Dār al-I‘tiṣām.

Abū Dāwūd, Sulaymān bin al-Ash‘ath al-Sijistānī al-Azdī (1997), *Sunan Abī Dāwūd, ta‘liq* ‘Izzat ‘Ubayd al-Da‘as, 4 j., Beirut: Dār Ibn Ḥazm.

Abū Zahw, Muḥammad Muḥammad (1984), *Makānah al-Sunnah fī al-Islām*, Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabī.

Abū Zayd, Muḥammad ‘Abd al-Mun‘im (1996), al-Ḍamān fī al-Fiqh al-Islāmī wa Taṭbīqātuh fī al-Maṣārif al-Islāmiyyah, Kaherah: al-Ma‘had al-‘Ālamī li al-Fikr al-Islāmī.

Aḥmad Zakī Badawī, Muhammad Kamāl Muṣṭafā, *et. al*, (1984), Mu‘jam al-Muṣṭalaḥāt al-Qiwā al-‘Āmilah: al-Takhṭīṭ al-Tanmiyah al-Istikhdām, Iskandariah: Mu’assasah Shabāb al-Jāmi‘ah.

Akhfash al-Awsaṭ, Abī al-Haṣan Sa‘īd bin Mus‘adah al- (1990), *Kitāb Ma‘ānī al-Qur’ān*, 2j., Kaherah: Maktabah al-Khānjī li al-Ṭibā‘ah wa al-Nashr.

Albānī, Muḥammad Nāṣir al-Dīn al- (1986), *Silsilah al-Aḥādīth al-Ḍa‘īfah wa al-Mawḍū‘ah wa Atharuhā al-Sayyi’ fi al-Ummah*, 2. j, c. 3, Amman: al-Maktabah al-Islāmiyyah.

________________ (1989), *Irwā’ al-Ghalīl fī Takhrīj Ḥadīth Manār al-Sabīl*, 8 j., c. 1, Beirut: al-Maktab al-Islāmī.

________________ (1989), *Silsilah al-Aḥādīth al-Ṣaḥīḥah*, 2. j, c. 2, Damsyik: al-Maktab al-Islāmī.

________________ (1991), *Ḍa‘īf Sunan Abī Dāwūd*, Beirut: al-Maktab al-Islāmī.

________________ (1991), *Ḍa‘īf Sunan al-Tirmidhī*, Beirut: al-Maktab al-Islāmī.

________________ (t.t), *Ṣāḥīḥ Ṣūnan al-Nasa’i*, 3 j., T.T.P.: Maktab al-Tarbiyyah al-‘Arabī li Dual al-Khalīj.

Albārī, Muḥammad Ibrāhīm al- (1988), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 16 j., Kaherah: Dār al-Kitāb al-Miṣrī.

Bāḥisayn, Ya‘qūb bin ‘Abd al-Wahhāb al- (1993), *al-Takhrīj ‘inda al-Fuqahā’ wa al-Usūlīyyīn*. Riyad: Maktabah al-Rushd.

Bājī, Abū al-Walīd Sulaymān bin Khalaf al- (1984), *al-Muntaqā Sharḥ Muwaṭṭa’ Imām Mālik*, 7 j., c. 4, Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabī.

Bashshār ‘Awwād Ma‘rūf (t.t), al-Musnad al-Jāmi‘ li Aḥādīth al-Kutub al-Sittah wa Mu’allafāt Aṣḥābihā al-Ukhrā, 20 j., Beirut: Dār al-Jīl.

Birkiwī, Muḥammad bin Bīr ‘Alī al- (2002), *Uṣūl al-Ḥadīth*, c. 1, Beirut: Dār Ibn Ḥazm.

Bughā, Muṣṭafā Dīb al-, Dr. (t.t), *Mukhtaṣar Sunan al-Nasā’ī*, Damsyik: Dār al-‘Ulūm al-Insāniyyah.

Bujayrimī, al-Shaykh Sulaymān al- (1981), *Bujayrimī ‘alā al-Khaṭīb al-Musammāh bi Tuḥfah al-Ḥabīb ‘alā Sharh al-Khaṭīb*, 4 j., Beirut: Dār al-Fikr.

________________ (t.t), *Ḥāshiyah al-Bujayrimī ‘alā Sharḥ Manhaj al-Ṭullāb al-Musammāh al-Tajrīd li Naf‘ al-‘Abīd*, Dicetak bersama dengan al-Marṣafī, al-Shaykh al-Kabīr Muḥammad, *al-Taqrīr*, 4 j., Beirut: Dār Ṣādir.

Bukhārī, Abī ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ismā‘īl al- (1980), *al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ al-Musnad min Ḥadīṭḥ al-Rasūl Sallā Allāh ‘alayh wa Sallam wa Sunanih wa Ayyāmih, taḥqīq* Muḥibb al-Dīn al-Khaṭīb, *et. al*, 4 j., Kaherah: Dār al-Salafiyyah.

Dār al-Iftā’ al-Kuwaytiyyah (1986), *al-Mawsū‘ah al-Fiqhiyyah*, 29 j., c, 2, Kuwait: Wizārah al-Awqāf wa al-Shu’ūn al-Islāmiyyah.

Dhahabī, Abī ‘Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad bin ‘Uthmān al-(t.t), *Mīzān al-I‘tidāl fī Naqd al-Rijāl*, 4. j, Beirut: Dār al-Fikr.

Duwaysh, Aḥmad bin ‘Abd al-Razzāq al- (1991), *Fatāwā al-Lajnah al-Dā’imah li al-Buhūth al-‘Ilmiyyah wa al-Iftā’*, 4 j., c.1, Riyadh: Dār ‘Ālam al-Kutub.

Falātah, ‘Umar bin Ḥasan ‘Uthmān (1981), *al-Waḍ‘ fī al-Ḥadīth*, j. 3. c.1, Damsyik: Maktabah al-Ghazālī.

Farāhīdī, Abī ‘Abd al-Raḥmān al-Khalīl bin Aḥmad al- (t.t), *Mu‘jam Kitāb al-‘Ayn*, *taḥqīq* Dr. Mahrī al-Makhzūmī wa Dr. Ibrāhīm al-Sāmurā’ī, 7 j., Iraq: Dār al-Rashīd li al-Nashr.

Fayrūz Ābādī, Muḥammad bin Ya‘qūb al- (1987), *al-Qāmūs al-Muḥīṭ*, c. 2, Beirut: Mu’assasah al-Risālah.

________________ (1996), *al-Ḥadīth al-Ma'lūl: Qawā'id wa Ḍawābiṭ*, Beirut: Dār Ibn Ḥazm.

Ghazālī, Muḥammad al- (1992), *al-Sunnah al-Nabawiyyah bayn Ahl al-Fiqh wa Ahl al-Ḥadīth*, c.10, Kaherah: Dar al-Shurūq.

Ḥasan Ayyūb (2003), *Fiqh al-Mu'āmalāt al-Māliyyah fī al-Islām*, Kaherah: Dār al-Salām li al-Ṭibā'ah wa al-Nashr wa al-Tawzī'.

'Ijik, Bassām Dāwūd (1998), *al-Ḥiwār al-Islāmī al-Masīḥī*, Damsyik: Dār Qutaybah.

Ibn al-'Arabī, al-Imām al-Ḥāfiẓ al-Mālikī (1995), *'Āriḍah al-Aḥwadhī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Tirmidhī*, 7 j., c. 1, Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī.

Ibn al-Ṣalāḥ, al-Imām Abī 'Amr 'Uthmān bin 'Abd al-Raḥmān al-Shahrazūrī (1986), *'Ulūm al-Ḥadīth, taḥqiq* Nūr al-Dīn 'Itr, Damsyik: Dār al-Fikr.

Ibn al-Wazīr, Muḥammad bin Ibrāhīm al-Wazīr al-Yamānī (1992), *al-'Awāṣim wa al-Qawāṣim fī al-Dhabb 'an Sunnah Abī al-Qāsim, taḥqīq* Shu'ayb al-Arna'ūṭ, 9 j., c. 2, Beirut: Mu'assasah al-Risālah.

Ibn Baṭṭāl, Abī al-Ḥasan 'Alī bin Khalaf bin 'Abd al-Malik (t.t), *Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, taḥqīq* Abū Tamīm Yāsir bin Ibrāhīm, 10 j., Riyadh: Maktabah al-Rushd.

Ibn Kathīr, Abū al-Fidā' Ismā'īl bin Kathīr al-Qurashī al-Dimashqī (1989), *Ikhtiṣār 'Ulūm al-Ḥadīth, taḥqīq* Salah Muhammad Muhammad 'Uwayṣah, c. 1, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.

________________ (1990), *Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓīm*, 4 j., c. 2, Kaherah: Dār al-Ḥadīth.

________________ (2000), *Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓīm*, *taḥqīq* Muṣṭafā al-Sayyid Muḥammad, *et.al.,* 15 j., Kaherah: Mu'assasah Qarṭabah.

Ibn Mājah, Abī 'Abd Allāh Muḥammad bin Yazīd al-Qazwīnī (t.t), *Sunan Ibn Mājah*, *taḥqīq* Muḥammad Fu'ād 'Abd al-Bāqī, 2 j., Beirut: Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabī.

________________ (1998), *Sunan Ibn Mājah*, *taḥqīq* Dr. Bashshar 'Awwad Ma'ruf, 6 j., Beirut: Dār al-Jīl.

Ibn Manẓūr, Abī al-Faḍl Jamāl al-Dīn Muḥammad Mukrim bin Manẓūr al-Afrīqī al-Miṣrī (t.t), *Lisān al-'Arāb*, 15 j., Beirut: Dār al-Ṣādir.

Ibn Taymiyyah, Taqiy al-Dīn (1989), *'Ilm al-Ḥadīth*, c. 2, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Jād al-Ḥaqq, Jād al-Ḥaqq 'Alī, *et. al.* (1982), *al-Fatāwā al-Islāmiyyah min Dār al-Iftā' al-Miṣriyyah*, 12 j., Kaherah: al-Majlis al-A'lā li al-Shu'ūn al-Islāmiyyah Wizārah al-Awqāf.

_________________ (1982), *Buhūth wa Fatāwā Islāmiyyah fī Qaḍāyā Mu'āṣarah*, 4 j., Kaherah: al-Amānah al-'Āmmah li al-Lajnah al-'Ulyā li al-Da'wah al-Islāmiyyah.

Jawzī, Abī al-Faraj 'Abd al-Raḥmān bin 'Alī bin Muḥammad bin 'Alī al-Jawzī al-Qurashī al-Ma'rūf bi Ibn al- (1983), *Kitāb al-Mawḍū'āt*, 3 j., c. 2, Beirut: Dār al-Fikr.

________________ (1985), *Gharīb al-Ḥadīth,* 2j., c. 1, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.

________________ (1986), *Kitāb al-Ḍu'afā' wa al-Matrūkīn*, 2 j., Beirut: Dār al-Kutub al-'lmiyyah.

Jazā'irī, Ṣāliḥ bin Sa'īd 'Ūmār al- (2002), *al-Tadlīs wa Aḥkāmuh wa Āthāruh al-Naqdiyyah*, c. 1, Beirut: Dār Ibn Ḥazm.

Jum'ah, 'Alī bin Muḥammad al- (2000), Mu'jam al-Muṣṭalaḥāt al-Iqtiṣādiyyah wa al-Islāmiyyah, Riyadh: Maktabah al-'Abīkān.

Kāsānī, Abī Bakr bin Mas'ūd al-Ḥanafī al- (1982), Badā'i' al-Ṣanā'i' fī Tartīb al-Sharā'i', 7 j., c. 2, Beirut: Dār al-Kitāb al-'Arabī.

Kattānī, 'Abd al-Ḥayy bin 'Abd al-Kabīr al- (t.t), *Fahras al-Fahāris wa al-Athbāt*, 3 j., Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmī.

Khayr Ābādī, Muḥammad Abū al-Layth al- (2003), *Takhrīj al-Ḥadīth Nash'atuh wa Manhajiyyatuh*, Selangor: Dār al-Shākir.

Khuḍarī Bik, Muḥammad al- (1969), *Uṣūl al-Fiqh*, c. 6, Mesir: al-Maktabah al-Tijāriyyah al-Kubrā.

Khumaysī, 'Abd al-Raḥmān bin Ibrāhīm al- (2000), *Mu'jam 'Ulūm al-Ḥadīth al-Nabawī*, Beirut: Dār Ibn Ḥazm.

Lāshīn, Mūsā Shāhīn (2002), *Fatḥ al-Mun'im Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim*, 10 j., Kaherah: Dār al-Shurūq.

_________________ (t.t), *Taysīr Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 3 j., c. 1, Kaherah: Maktabah al-Shurūq al-Dawliyyah.

Malībārī, Ḥamzah ʻAbd Allāh al- (1995), *al-Muwāzanah Bayn al-Mutaqaddimīn wa al-Muta'akhkhirīn fī Taṣḥīḥ al-Aḥādīth wa Taʻlīlihā*, c. 1, Beirut: Dār Ibn Ḥazm.

Maqdisī, Abī Muḥammad ʻAbd Allāh bin Aḥmad bin Muḥammad bin Qudāmah al-Jammāʻīlī al-Dimashqī al-Ṣālihī al-Hanbalī al- (1999), *al-Mughnī*, 15 j., c. 4, Riyadh: Dār ʻĀlam al-Kutub.

Maydānī, ʻAbd al-Ghanī al-Ghunaymī al-Dimashqī al- (1993), *Kashf al-Iltibās ʻAmmā Awradahū al-Imām al-Bukhārī ʻalā Baʻḍ al-Nās*, c. 1, Aleppo: Maktab al-Maṭbuʻāt al-Islāmiyyah.

Miṣrī, ʻAbd al-Samīʻ al- (1980), *al-Ta'mīn al-Islāmi bayn al-Naẓariyyah wa al-Taṭbīq*, Kaherah: Maktabah Wahbah.

Miṣrī, Rafīq Yūnus al- (2001), *al-Khaṭar wa al-Ta'mīn: Hal al-Ta'mīn al-Tijārī Jā'iz Sharʻan*, Damsyik: Dār al-Qalam.

Mizzī, Abī al-Ḥajjāj bin Yūsuf al- (1992), *Tahdhīb al-Kamāl fī Asmā' al-Rijāl, taḥqīq* Dr. Bashshār ʻAwwād Maʻrūf, c. 4, 35 j., Beirut: Mu'assasah al-Risālah.

Mubārākfūrī, Abī al-ʻUlā Muḥammad ʻAbd al-Raḥmān bin ʻAbd al-Raḥīm al-(1995), *Tuḥfah al-Aḥwadhī bi Sharḥ Jāmiʻ al-Tirmidhī*, 9 j., Beirut: Dār al-Kutub al-ʻIlmiyyah.

_______________ (1995), *Tuḥfah al-Aḥwadhī bi Sharḥ Jāmiʻ al-Tirmidhī*, *taḥqīq* ʻAbd al-Raḥmān Muḥammad ʻUthmān, 5 j., Beirut: Dār al-Fikr.

Muḥammad ʻAbd al-Munʻim Abū Zayd (1996), *al-Ḍamān fi al-Fiqh al-Islāmī wa Taṭbīqātuh fī al-Maṣārif al-Islāmiyyah*, Kaherah: al-Maʻhad al-ʻĀlamī li al-Fikr al-Islāmī.

Muḥammad Abū Zahrah (1964), *al-Takāful al-Ijtimāʻī fi al-Islām***,** Kaherah: al-Dār al-Qawmiyyah li al-Ṭibāʻah wa al-Nashr.

_________________ (t.t),*Tanẓīm al-Islām li al-Mujtamaʻ*, Kaherah: Dār al-Fikr al-ʻArabī.

Muḥammad ʻImārah (1993), *Qāmūs al-Muṣṭalaḥāt al-Iqtiṣādiyyah fī al-Ḥaḍārah al-Islāmiyyah*, Beirut: Dār al-Shurūq.

Muḥammad Husayn Manṣūr (t.t), *Mabādi' Qānun al-Ta'mīn*, Iskandariah: Dār al-Jāmi'ah al-Jadīdah.

Wallawī, Muḥammad ibn al-Shaykh al-'Allāmah 'Alī bin Ādam bin Mūsa al-Ityūbī al- (1996), *Dhakhīrah al-'Uqbā fī Sharḥ al-Mujtabā*, 20 j., Riyadh: Dār al-Mi'rāj al-Dawliyyah.

Khin, Muṣṭafā al- *et al* (1989), *al-Fiqh al-Manhajī 'alā Madhhab al-Imām al-Shāfi'ī*, 3 j. Damsyik: Dār al-'Ulūm al-Insāniyyah.

Nawawī, Abī Zakariyya Muḥyī al-Dīn bin Sharaf al- (t.t), *Kitāb al-Majmū' Sharh al-Muhadhdhab li al-Shīrāzī*, 23 j. Jedah: Maktabah al-Irshād.

________________ (1996), *al-Minhāj Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim bin al-Ḥajjāj*, 9 j., c. 3, Beirut: Dār al-Ma'rifah.

________________ (1929), *Ṣaḥīḥ Muslim bi Sharḥ al-Nawawī*, 9 j., c. 1, Kaherah: Maṭba'ah al-Miṣriyyah.

Naysābūrī, Abī al-Ḥusayn Muslim bin al-Hajjāj bin Muslim al-Qushayrī al- (t.t), *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ*, 4 j., Beirut: Dār al-Fikr.

Qādī 'Iyāḍ, Abī al-Faḍl 'Iyāḍ bin Mūsā bin 'Iyād al-Yaḥṣubī al-Ma'rūf bi al- (1998), *Ikmāl al-Mu'lim li Fawā'id Muslim*, 9 j., Mansurah: Dār al-Wafā'.

Qadrī al-Ḥakīm, Muḥammad Nadīm 'Adī, *et. al* (1985), *Al-Mu'jam al-Madrasī*, Damsyiq: Dār al-Ṭalās li al-Dirāsāt wa al-Tarjamah wa al-Nashr.

Qaraḍāwī, Yūsuf al- (1998), al-Sunnah Maṣdaran li al-Ma'rifah wa al-Ḥaḍārah, Kaherah: Dār al-Shurūq.

Qarāfī, Aḥmad bin Idrīs al- (1994), *al-Dhakhīrah*, 14 j., c. 1, Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmī.

Qaṣṭalānī, Abī al-'Abbās Shihāb al-Dīn Aḥmad (1990), *Irshād al-Sārī li Sharh Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 13 j., c. 1, Beirut: Dār al-Fikr.

Qurṭubī, Abī al-'Abbās Aḥmad bin 'Umar bin Ibrāhīm al-Anṣārī al- (t.t), *al-Mufhim Sharh Ṣaḥīḥ Muslim*, Kaherah: Dār al-Kitāb al-Miṣrī.

Rūbī, Rabī' Maḥmūd al- (1998), *Al-Takāful al-Ijtimā'ī fī al-Qur'ān al-Karīm: Taḥlīl al-Iqtiṣādī wa al-Fiqhī,* Kaherah: Jāmi' al-Azhar.

Sa‘dī Abū Jayb (1982), *al-Qāmus al-Fiqhī Lughatan wa Iṣṭilāḥan*, Damsyik: Dār al-Fikr.

_______________ (1988), *al-Qāmūs al-Fiqhī Lughatan wa Iṣṭilāḥan*, c. 2, Damsyik: Dār al-Fikr.

Sahāranfūrī, Khalīl Aḥmad al- (t.t), *Badhl al-Majhūd fī Ḥall Abī Dāwūd*, 10 j., Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Ṣan‘ānī, Muḥammad bin Ismā‘īl al-Amīr al-Yamanī al- (1980), *Subul al-Salām Sharḥ Bulūgh al-Marām min Jāmi‘ Adillah al-Aḥkām, ta‘līq* Muḥammad ‘Abd al-‘Azīz al-Khawlī, 4 j., Beirut: Dār al-Jīl.

Sayyid Quṭb (1982), *Fī Ẓilāl al-Qur’ān*, 5 j., Kaherah: Dār al-Shurūq.

Sharbīnī, Muḥammad al-Khaṭīb al- (1978), *Mughnī al-Muḥtaj ilā Ma‘rifah Ma‘ānī al-Minhāj*, 4 j., Beirut: Dār al-Fikr.

Shawkānī, Muḥammad bin ‘Alī bin Muḥammad al- (t.t), *Nayl al-Awṭār Sharḥ Muntaqā al-Akhbār min Ḥadīth Sayyid al-Akhyār*, Dicetak bersama dengan Ibn Taymiyyah, al-Imām Majd al-Dīn Abī al-Barakāt ‘Abd al-Salām al-Harrānī (t.t), *al-Muntaqā,* 4 j., Beirut: Dār al-Fikr.

Siddīqī, Najāh Allāh al-(t.t), *al-Ta’mīn fī al-Iqtiṣād al-Islāmī*, *mutarjim*: al-Tijānī ‘Abd al-Qādir, Jedah: Markaz al-Nashr al-‘Ilmī.

Ṣubḥī Ṣāliḥ (1995), *‘Ulūm al-Hadīth wa Musṭalaḥuh*, c. 19, Beirut: Dār al-‘Ilm li al-Malāyīn.

Suyūṭī, Jalāl al-Dīn al- (1930), *Sharḥ Sunan al-Nasā’ī wa ma‘ahū Ḥāshiyah al-Imām al-Sindī*, 4 j., Beirut: Dār al-Fikr.

_________________ (1981), *al-La’āli’ al-Maṣnū‘ah fī al- Aḥādīth al-Mawḍū‘ah*, 2 j., c. 3, Beirut: Dār al-Ma‘rifah.

Ṭaḥḥān, Maḥmūd (t.t.), *Uṣūl al-Takhrīj wa Dirāsah al-Asānīd*, Beirut: Dār al-Qur’ān al-Karīm.

Tīrmidhī, Abī ‘Isā Muḥammad bin ‘Īsā bin Sawrah al- (1980), *al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ*, *taḥqīq* ‘Abd al-Raḥman Muḥammad ‘Uthmān, 5 j., Beirut: Dār al-Fikr.

__________________ (1987), *al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ wa huwa Sunan al-Tirmidhī*, *taḥqīq* Aḥmad Muḥammad Shākir, 5 j., c. 2, Kaherah: Maktabah wa Maṭba‘ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī wa Awlādih.

Za‘tarī, Alā’ al-Dīn Maḥmūd (1996), *al-Nuqūd Waẓā’ifuhā al-Asāsiyyah wa Aḥkamuhā al-Shar‘iyyah,* c. 1, Damsyik: Dār Qutaybah.

Zaghlūl, Abū Hājar Muḥammad al-Sa‘īd bin Baysūnī (1989), *Mawsū‘ah Aṭrāf al-Ḥadīth al-Nabawī al-Sharīf*, 11 j. Beirut: ‘Ālam al-Turāth.

Zuḥaylī, Muḥammad al- (1992), *Marja‘ al-‘Ulūm al-Islāmiyyah*, c. 2, Damsyik: Dār al-Ma‘rifah.

Zuḥaylī, Wahbah al- (1994), *al-Wajīz fī Uṣūl al-Fiqh*, Damsyik: Dār al-Fikr.

_________________ (1997), *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, 11 j., c. 4, Damsyik: Dār al-Fikr.

_________________ (2006) *al-Mu‘āmalāt al-Māliyyah al-Mu‘āṣirah: Buḥūth wa Fatāwā wa Ḥulūl*, c.3, Damsyik: Dār al-Fikr.

**Rujukan Bahasa Melayu**

‘Abd al-Rahman Zaki Ibrahim (1998), Mujaini Tarimin(terj.), *Petunjuk Amalan Ekonomi Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdul Jalil Borham (1999), *Sains Muamalah Islam di Malaysia*, Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

Bāsamīḥ, ‘Abd Allāh bin Muḥammad (2000), *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran*, Kuala Lumpur: Darul Fikir.

H. Bey Arifin *et. al* (1992), *Tarjamah Sunan Abu Dawud*, 4 j., Kuala Lumpur: Darul Fikir.

H. Zainuddin Hamidy, H Fachruddin H.S., *et. al* (2002), *Terjemahan Hadis Shahih Bukhari*, 4 j, Singapura: Darel Fajr Publishing House.

Haron Din (2007), *Islam Agama Bisnes dan Pengurusan*, Kuala Lumpur: PTS Millennia Sdn. Bhd.

Jabatan Mufti Kerajaan Jabatan Perdana Menteri Negara Brunei Darussalam (2000), *Fatwa Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam: Isu-isu Kewangan*, Kuala Lumpur: MK Print Sdn Bhd.

Ma‘mur Daud (2003), Terjemah Hadis Shahih Muslim, 4 j., Singapura: Darel Fajr Publishing House.

*Manual Peperiksaan Asas Wakil Takaful Nasional* (2004), Takaful Nasional Berhad.

Marbawī, Muḥammad bin Idrīs bin ‘Abd al-Ra’ūf al-Azharī al- (t.t), *Baḥr al-Mādhī Sharḥ Mukhtaṣar Ṣaḥīḥ al-Tirmidhī*, 9 j., Beirut: Dār al-Fikr.

Moh Zuhri, *et. al* (1992), *Terjemah Sunan at-Tirmidzi*, 5 j., Semarang: CV.Asy Syifa’.

Mohd Fadzli Yusof (1997), *Takaful Sistem Insurans Islam*, c.2, Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.

Siddiqi, Muhammad Nejatullah (1989), Mohd Amin Abdullah (terj.), *Pemikiran Ekonomi Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

_________________ (1990), Ilyas Ismail (terj.), *Insurans Dalam Ekonomi Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Warkum Sumitro SH. MH. (1996), *Asas-asas Perbankan Islam dan Lembaga-lembaga Terikat (BMUI dan Takaful di Indonesia)*, Jakarta: Pt. Raja Grafindo Persada.

Qaradawi, Yusuf al- (1994), Sidi Ahmad et.al (terj.), *Fatwa Masa Kini*, 2 j., Kuala Lumpur: Pustaka Salam.

_________________ (1996), Huda Mohsin dan Jawiah Dakir (terj.), *Bagaimana Berinteraksi Dengan al-Sunnah*, c.2, Kuala Lumpur: Budaya Ilmu Sdn Bhd.

_________________ (1999), Syed Ahmad Semait (terj.), *Halal dan Haram Dalam Islam*, Singapura: Pustaka Islamiyah Pte Ltd.

**Rujukan Bahasa Inggeris**

Lee Hock Lock (1997), *The Insurans Industry in Malaysia: A Study in Financial Development and Regulation*, New York: Oxford University Press.

Siddiqi, Muhammad Nejatullah (1985), *Insurance In An Islamic Economy,* UK: The Islamic Foundation.

Qaradawi, Yusuf al- (t.t), Kamal el-Helbawy(trans.), *The Lawful and The Prohibited*, Indianapolis: American Trust Publications.

## Rujukan Kajian Ilmiah

Ahmad Fauzi bin Hasan (2000), "al-Aḥādith al-Wāridah fī al-Qiyam al-Iqtiṣādīyyah: Dirāsah wa Taḥlīl" (Disertasi, Kullīyyah al-Dirāsāt al-Fiqhīyyah wa al-Qānūnīyyah, Jāmi'ah Āl al-Bayt).

Hussin Salamon (1991), "The Concept of Takaful in Islam and Its Aplicability in Islam" (Disertasi, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia).

Joni Tamkin Borhan (1994), "Sistem Perkongsian Islam : Suatu Analisis Khusus Terhadap Operasi Bank Islam, Syarikat Takaful dan Lembaga Urusan dan Tabung Haji di Malaysia", (Disertasi, Fakulti Syariah, Akademi Islam Universiti Malaya).

Mazlan Sidek (2004), "Hadith-hadith dalam kitab al-Durr al-Thamīn karangan Syeikh Daud al-Fatani: Takhrīj dan Analisis" (Disertasi, Jabatan al-Qur'ān dan al-Hadith, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

Mohd Faiz Hakimi Mat Idris (2007), "Analisis Hukum Ḥadīth-ḥadīth Muḍārabah dalam Al-Sunan Al-Sittah" (Disertasi, Jabatan al-Qur'ān dan al-Hadith, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

Mohd Kamal Azman bin Jusoh (1998), "Konsep Mudarabah di dalam Sebahagian Produk Takaful: Kajian Perlaksanaannya Berdasarkan Pandangan Empat Madhhab" (Disertasi, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia).

Mohd Tarmidzi bin Ahmad Nordin (2002), "A Critical Study of the Role and Implications of Mudharabah in Takaful" (Disertasi, Kuliah Ekonomi, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia).

Muḥammad al-Bāhī (1981), al-Fikr al-Islāmī wa al-Mujtama' al-Mu'āṣir : Mushkilāt al-Usrah wa al-Takāful**,** Beirut: Dār al-Fikr.

Ridzuan bin Hashim (2002), "Insuran : Perbandingan Antara Sistem Takaful dan Konvensional di Malaysia", (Disertasi, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia).

Rizalman Muhammad (2007), "Hadith-hadith Wasiat dan Hibah Dalam al-Sunan al-Sittah: Takhrīj dan Analisis Hukum" (Disertasi, Jabatan al-Qur'ān dan al-Hadith, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

**Rujukan Komputer dan Laman Web**

Al-Hadith al-Islam,http://hadith.alislam.com/Bayan/Display.asp?Lang=mal&ID=884, 7 Mac 2008.

*Al-Maktabah al-Shāmilah versi 2* (t.t.), http://www.almeshkat.info/shamela.exe, 7 Disember 2007.

*Al-Ri'āsah al-'Āmmah li al-Buḥūth al-'Ilmiyyah wa al-Iftā'*, http://www.alifta.net/, 12 Mei 2008.

Books index, http://www.archive.org/index.php, 4 Mei 2007.

Dewan Bahasa Dan Pustaka, http://sbmb.dbp.gov.my/knb/cariankata/ka rujukan kamus dbp.aspx?KataKunci=takaful&Type=1, 2 Mac 2008.

*Mawsū'ah al-Ḥadīth al-Sharīf versi 2* (2000), *Global Islamic Software Company*, Kaherah.

Mawsū'ah al-Kutub al-Muṣannafah, http://www.waqfeya.com/, 27 Ogos 2007.